

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 16 DISEMBER 2013

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Shamshulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., A.M.N., K.M.N., J.P.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., J.M.N., P.A.T., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Ishak bin Sahari, D.P.T.J., S.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Encik Hamidun bin Abdullah)

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Paroi.

Y.B. ADUN Paroi: Assalamualaikum dan salam perpaduan.

[Y.B. ADUN Paroi telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah tuhan seru sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Persidangan Ketiga Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 disambung semula. Saya berharap ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dengan penuh hemah dan mematuhi masa yang ditetapkan serta terus mematuhi dan mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Sembilan. Sekian, selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 **Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua)**

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua).

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan ADUN Johol.

Y.B. ADUN Johol: Terima kasih Dato' Dipertua, soalan nombor 1.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang menjadi hasrat dan matlamat Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar khususnya masyarakat petani seperti di zon pertanian di kawasan Johol ini. Dalam usaha ke arah ini, memang institusi-institusi pertanian khususnya perlu diwujudkan di kawasan tersebut. Dan jugak ini merupakan tempat di mana para petani akan mendapat informasi dan jugak latihan-latihan bagi mereka mendapat panduan dan seterusnya akan dapat menambahkan pendapatan mereka.

Di atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri sebenarnya telah wujudkan pusat-pusat pertanian dan jugak balai-balai informasi pertanian di seluruh Negeri Sembilan yang mana salah daripadanya diwujudkan di kawasan Johol iaitu Balai Informasi Johol. Wujudnya balai informasi ini adalah untuk, sebagai pusat ya, pusat kecemerlangan pertanian. Dan antara aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan di balai informasi ini ialah yang pertamanya, latihan amali kepada pegawai-pegawai pertanian. Yang kedua, dijadikan tempat kepada latihan untuk pengusaha-pengusaha dalam bidang pertanian dan juga industri asas tani. Dan dijadikan juga pusat sebagai aktiviti pemerhatian ke atas tanaman-tanaman baru. Dan seterusnya juga dijadikan sebagai pusat informasi pengeluaran dan jualan bahan-bahan tanaman yang bermutu. Dan jugak dijadikan pusat sebagai pengembangan pertanian. Balai informasi ini sebenarnya diurus oleh Pejabat Pertanian Daerah dan juga pegawai pertanian kawasan.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, itulah antara yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan di kawasan Johol ini bagi menambahkan ya, pengeluaran ataupun pendapatan masyarakat petani di kawasan tersebut. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Johol: Soalan tambahan. Di Johol tidak terdapat reban ayam tetapi serangan lalat amat-amat tidak menyenangkan penduduk Johol. Ini berpunca daripada kebun-kebun sayur di Johol ini menggunakan baja tahi ayam. Adakah usaha-usaha Jabatan Pertanian ataupun Kerajaan Negeri untuk mencari alternatif kepada baja tahi ayam ini atau menghalang petani-petani ini tidak menggunakan baja tahi ayam ini?

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, masalah lalat ni sebenarnya sering kali dibincangkan ya, di dalam Mesyuarat Tindakan Negeri ya. Bukan setakat di kawasan Johol sahaja tetapi masalah lalat ini juga sedang dihadapi terutamanya di kawasan-kawasan Port Dickson ya. Jadi oleh yang demikian, di atas usaha ini, Jabatan Veterinar telah pun diberikan tugas ya, untuk memastikan bahawa supaya kawasan-kawasan yang banyak lalat ini dapat diatasi. Dan satu kajian sedang dijalankan ya, antaranya yang dilakukan oleh Jabatan Veterinar bersama dengan Universiti Sains Malaysia ya, untuk memastikan bahawa bagaimana lalat ini dapat dihapuskan mengikut peringkat-peringkatnya. Daripada telur sampailah dia menjadi lalat yang besar.

Jadi, untuk menghalang petani-petani daripada menggunakan baja tahi ayam ini, ini sedang kita difikirkan ya, bagaimana, kerana dalam masa yang sama jugak, oleh kerana berlaku kenaikan baja, kenaikan harga baja kimia ini jugak menjadi masalah kepada petani-petani. Jadi, oleh yang demikian, Jabatan Pertanian sedang mengadakan ya, mengadakan suatu pertemuan dengan petani-petani ini supaya kalau boleh dapat mengurangkan baja, menggunakan baja tahi ayam ini. Dan juga dalam masa yang sama, Jabatan Veterinar akan cuba ya, menyelesaikan masalah berkaitan dengan lalat-lalat yang sedang menyerang kawasan Johol ini. Terima kasih.

Y.B. ADUN Johol: Soalan tambahan. Jika tidak dapat diatasi masalah lalat di kebun-kebun sayur ini, apakah Kerajaan Negeri mempunyai alternatif untuk menggantikan kebun-kebun sayur ini kepada tanaman-tanaman lain?

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, untuk mengarahkan para petani ini beralih kepada apa, bidang pertanian yang lain, ini, saya berpendapatlah ya, amat sukar sebenarnya kerana kemahiran mereka sudah pun ya, diperolehi daripada pertanian jenis sayur-sayuran. Jadi, oleh yang demikian, walau bagaimanapun ya, perkara ini ya, akan menjadi suatu yang, yang patut ya, patut sama-sama kita fikirkan. Dan

dalam masa yang sama jugak ya, untuk mengatasi masalah berkaitan dengan petani untuk menukarkan kepada, petani sayur ini untuk menukarkan kepada bidang yang lain ya, ini jugak perlu diambil satu keputusan ya, tetapi dalam masa yang sama, saya berpendapat memang sukar untuk mengalihkan ya, para petani bidang pertanian ini untuk mengalihkan ke bidang yang lain.

Jadi oleh yang demikian, saya berharaplah kepada Yang Berhormat YB Johol ini supaya dapat ya, bersama-sama dengan Kerajaan Negeri untuk mencari suatu formula yang terbaik ya, terutamanya dalam mengatasi masalah yang disebutkan tadi. Sebenarnya takkanlah masalah lalat ini menjadikan pulak kita nak mengalihkan para petani ini ke bidang yang lain ya. Yang sebenarnya, masalah lalat ni perlu diatasi untuk menghapuskan lalat tu cara bagaimana. Saya yakin dan percaya ya, dalam masa yang singkat ini ya, sekiranya kajian ini dapat diselesaikan nanti, masalah ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Seterusnya Yang Berhormat Bukit Kepayang.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya minge, mengemukakan soalan pertama.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, sememangnya menjadi dasar Kerajaan Negeri yang sedia ada untuk memastikan bahawa pembinaan rumah kos rendah seimbang dengan keperluan dan kehendak masyarakat ataupun orang ramai. Maka dengan itu, dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan kepada semua pemaju perumahan untuk membina 30 peratus rumah awam kos rendah bagi pembinaan atau pembangunan yang melebihi kawasan lima ekar ke atas. Bagi kawasan lima ekar ke bawah, maka pemaju berkenaan disyaratkan ataupun diwajibkan untuk membina rumah kos rendah sebanyak 5 peratus, ataupun sebanyak 10 peratus. Bagi kes-kes, 10 peratus daripada komponen, total komponen pembangunan bagi kawasan yang berkenaan.

Bagi kes-kes penggunaan ataupun pembinaan rumah awam harga rendah dalam satu fasa khas maka permohonan bolehlah dibuat oleh pemaju berkenaan kepada Kerajaan Negeri. Dan kerajaan ataupun Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi pertimbangan berdasarkan kepada kajian dan laporan daripada agensi yang terlibat seperti PTG, PBT dan lain-lain yang terlibat secara terus dengan projek berkenaan.

Asalkan ianya ataupun permohonan untuk membina di, dikumpulkan di dalam satu fasa itu, boleh memberi manfaat secara total kepada rakyat yang berpendapatan rendah, hasil daripada pembangunan berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi ialah dasar Kerajaan Negeri, yakni 30 peratus bagi pembangunan lima ekar ke atas, dan lima, 10 peratus bagi pembangunan lima ekar ke bawah ini adalah merupakan satu syarat dan dasar kerajaan bagi melindungi ataupun menampung keperluan rakyat yang memerlukan tempat tinggal bagi mereka yang berpendapatan rendah. Dan setakat ini, kita lihat bahawa ianya tidak menjadi satu masalah besar kepada pemaju-pemaju.

Tapi, walau bagaimanapun, rayuan ataupun permohonan untuk tidak memenuhi syarat yang berkaitan bolehlah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan melampirkan justifikasi serta laporan alternatif yang harus dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk dipertimbangkan. Setakat ini, pihak Kerajaan Negeri akan sentiasa meneliti keperluan, akan sentiasa meneliti kes-kes yang berkenaan secara *case-by-case*-lah dan sekiranya lulus permohonan yang berkenaan, maka pihak pemaju berkenaan akan dikenakan, yang kita katakan sebagai membayar kadar sumbangan kepada kerajaan berdasarkan kepada peraturan yang telah disediakan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Soalan tambahan. Berkenaan dengan permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri, untuk pengecualian tersebut, dan juga dua, dua permohonan di sini, satu untuk pengecualian, satu lagi untuk dikelompokkan bersama, bagaimanakah *mechanism*nya dan ia akan mengambil masa berapa lama untuk mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri? Begitu jugak dengan kadar sumbangan terhadap pelaksanaan, kadar sumbangan yang akan dikenakan terhadap pemaju tersebut, apakah terdapat satu formula yang tetap, yang perlu di, diikuti oleh apa, pemaju yang berkenaan? Dan akhir sekali, apakah tindakan ataupun hukuman yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri seandainya ada mana-mana pemaju yang enggan untuk mematuhi syarat, syarat yang 30 *percent* ataupun 10 *percent* yang ditetapkan itu? Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Dipertua, permohonan untuk mengumpulkan pembinaan di dalam satu fasa, itu adalah merupakan seperti saya sebut tadi, berdasarkan kepada justifikasi pemaju untuk mengumpulkan pembinaan di dalam satu fasa. Tetapi ini akan dikaji bahawa adakah ia memberi manfaat kepada projek berkenaan

ataupun yang lebih penting bagi kita ialah adakah ia memberi manfaat kepada orang ramai. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga sudah sebut dalam penjelasan tadi, bahawa permohonan boleh dibuat secara *case-by-case*. Kita nak lihat untuk pengecualian, pengecualian daripada pembinaan 30 peratus dan 10 peratus. Tetapi kalau Pihak Berkuasa Negeri dapati bahawa permohonan itu tidak logik, dan tidak boleh diterima kerana kepentingan pemaju, maka permohonan itu tidak akan diluluskan. Tetapi kalau ianya memberi manfaat kepada kerajaan, boleh memberi manfaat kepada rakyat, maka pihak pemaju akan dikenakan kadar sumbangan sebanyak, kadar sumbangan itu ialah sebanyak 500.00 ringgit bagi setiap total komponen pembangunan, termasuklah STP, termasuklah perkara-perkara yang melibatkan *TNB sub-station* dan sebagainya. Maknanya daripada total pem, komponen pembangunan, dia kena 500.00 ringgit pada setiap kadar sumbangan yang dikenakan oleh pihak kerajaan.

Soal dia bina ataupun ikut atau tidak dasar ini, ini sudah menjadi satu undang-undang yang harus diikuti oleh pihak pemaju, yang harus dilengkapkan dalam setiap projek pembangunan di dalam Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya kemukakan soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan penggunaan teknologi moden di dalam usaha untuk kita menyelesaikan masalah ataupun isu yang selalu timbul berkenaan dengan cara *conventional* dengan izin, pelupusan sisa pepejal di seluruh Negeri Sembilan kerana sistem *conventional*, dengan izin Dato' Dipertua, ataupun sistem cara lama yang kita lakukan ialah kita menggali lubang ataupun kita melupuskan sampah-sampah, sisa pepejal kita di satu kawasan yang kita kenal pasti. Selalunya dulu, di kawasan paya, di kawasan lombong-lombong yang tinggal, dan kawasan-kawasan yang di pinggir-pinggir bandar. Ini mendatangkan banyak masalah Dato' Dipertua. Masalah-masalah yang timbul daripada tempat-tempat pelupusan sampah ini. Misalnya masalah bau yang amat tak menyenangkan ataupun yang amat busuk. Masalah sistem air, pencemaran air yang berlaku disebabkan oleh air-air daripada sisa sampah tersebut ataupun tempat sampah tersebut mencemarkan air

dalam tanah dan jugak mencemarkan anak-anak sungai ataupun parit-parit yang ada di kawasan tersebut. Dan yang ketiganya ialah kawasan tersebut jugak merupakan kawasan yang banyak lalat, dan macam-macam lagilah Dato' Dipertua.

Dan sistem cara lama ini Dato' Dipertua, didapati tidak lagi sesuai kerana ia datang, dapat, ataupun dia akan memberikan banyak masalah kepada penduduk setempat. Dan ia akan mengganggu, dan merupakan sebagai suatu yang perlu di, di, dihapuskan masalah yang timbul daripada sistem yang lama ini. Jadi kerajaan yang jugak bersama-sama dengan Kerajaan Pusat telah pun mengkaji begitu lama, apakah cara yang paling baik sekali untuk kita menyelesaikan masalah yang dihadapi hasil daripada sis, kita menggunakan sistem cara lama. Pelupusan sampah ini.

Di Negeri Sembilan banyak pusat-pusat pelupusan sampah Dato' Dipertua, ada yang telah pun kita tutup, ada yang sedang beroperasi. Tetapi kebanyakannya memang merupakan tempat yang memberikan banyak masalah. Yang di Pajam, hampir 80 peratus telah pun ditutup. Dan tapak tersebut telah pun digunakan sebagai tempat untuk kita menjana tenaga diperbaharui iaitu melalui sistem solar dan jugak sistem penuaian biogas daripada tapak pelupusan sampah tersebut yang mana tempat tersebut telah pun berjaya kita keluarkan tenaga diperbaharui sebanyak 15 *megawatt*. 13 *megawatt* daripada sistem solar dan 2 daripada biogas. Dan apabila tutup sepenuhnya nanti, ia akan dapat menghasilkan lebih banyak lagi tenaga diperbaharui di sana, yang mana jika kita kira 15 megawatt ni Dato' Yang Dipertua, dia akan dapat menampung keperluan asas perumahan sebanyak lebih kurang 40 ke 50 ribu buah rumah.

Jadi, usaha kerajaan untuk kita mengurangkan dan jugak untuk kita menutup pusat-pusat pelupusan sampah tradisional ini diteruskan. Dan kawasan-kawasan seperti di Sikamat misalnya, telah pun ditutup. Dan kawasan-kawasan lain pun perlu kita tutup untuk kita pastikan masalah kesihatan dan masalah-masalah pencemaran tidak akan terus berlaku yang akan menyebabkan masalah di masa depan.

Di dalam kajian kerajaan, kita nak supaya sistem pelupusan sampahi ni dibuat secara bersistematik dan menggunakan teknologi moden. Teknologi moden ini Dato' Dipertua, bermacam-macam. Macam-macam. Berpuluh-puluh sistem yang ada di dalam dunia ini. Berpuluh-puluh, beratus ataupun beribu sistem teknologi moden yang banyak digunakan di negara-negara maju. Yang banyak digunakan di negara-negara luar yang mana ternyata bahawa sistem ini amat berkesan sekali dan dia tidak mendatangkan apa-apa masalah kepada

masyarakat, kepada orang umum ataupun orang ramai. Jadinya, kerajaan negara kita sedang mengkaji dan telah pun mencuba beberapa sistem yang ada sis, seperti sistem pengasingan sampah, sistem pembakaran, sistem macam-macam lagilah. Dan boleh jadi, di kawasan Tanah Merah yang mana kawasan estet yang telah pun dibeli dengan keluasan 100 ekar, ia akan menjadi jugak sebagai tempat pelupusan sampah yang mempunyai ataupun yang ada unsur teknologi yang mana kita nak lihat supaya sistem pelupusan sampah di Negeri Sembilan ini dibuat dengan cara yang lebih tersusun, teratur. Dan yang paling penting sekali ialah ia tidak mendatangkan masalah pencemaran kawasan ataupun pencemaran awam, pencemaran alam.

Maka kita telah pun memberikan kerjasama kepada kementerian ataupun Kerajaan Pusat untuk mereka mengkaji sistem mana yang lebih sesuai, sistem mana yang lebih baik untuk kita jadikan pusat pelupusan sampah di Tanah Merah tersebut sebagai pusat pelupusan sampah yang berteknologi moden. Dan segala terma-terma yang telah pun diletakkan oleh MOSTI dan jugak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mestilah dipatuhi. Misal kata, dia punya zon penampungan dia mestilah tidak kurang daripada 500 meter daripada kawasan perumahan. Jadi ini memang kita pantau dan kita kawal dengan ketat supaya terma-terma ataupun syarat-syarat yang diletakkan perlu dipatuhi dengan, dengan 100 peratus.

Dan teknologi moden ini Dato' Yang Dipertua, di negara-negara lain, di negara-negara maju, dia memang, memang sebahagian daripada kawasan perbandaran mereka. Dan tidak ada apa-apa laporan ataupun tidak ada apa-apa kajian yang mengatakan bahawa ia lebih mendatangkan masalah jika dibandingkan dengan sistem pelupusan sampah sisa pepejal yang ada sekarang ini, yang mana nyata sekali bahawa ia mendatangkan banyak masalah. Dan yang paling tidak baik sekali ialah apabila kawasan tersebut dah tidak dapat lagi menampung, kita terpaksa menutup. Dan jika tidak tutup dengan baik, dia akan mendatangkan masalah.

Pun begitu, Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan, kita jugak telah mewartakan syarat, tanah-tanah tempat pelupusan sampah ini, bekas tapak pelupusan sampah ini, walaupun telah ditutup, dia tidak boleh digunakan untuk tujuan tuju, tujuan kependudukan, selama 25 tahun. Kerana kita tidak mahu masalah-masalah yang akan timbul, bakal timbul apabila ia dijadikan sebagai kawasan kependudukan dan ia boleh mendatangkan masalah kesihatan dan macam-macam lagi. Maka kita akan gunakan tapak-tapak pelupusan sampah ini seperti penggunaan, penjana tenaga diperbaharui, seperti tempat tapak-tapak *solar farm*, ataupun tapak-tapak solar, panel-panel solar yang

akan dibuat seperti mana yang kita lakukan di kawasan di Pajam dan jugak di kawasan Kuala Sawah dan jugak Bukit Palong akan ditutup apabila kawasan, tempat pelupusan sampah dan jugak teknologi moden di Tanah Merah ini dibukak kelak, Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan tambahan. Tadi, Yang Amat Berhormat ada me, mengatakan bahawa pembinaan insinerator baru di Tanah Merah ini selepas perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya nak merujuk kepada jawapan daripada Parlimen, Dewan Rakyat baru-baru ini yang bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, terdapat tiga insinerator yang akan dibina dalam negara ini. Dan tiga insinerator tersebut letaknya di satu Melaka, dua Johor dan kedua terletak di Kepong, Kuala Lumpur.

Jadi kena, soalan saya, kenapa insinerator yang dibina di Negeri Sembilan, di Tanah Merah yang telah pun diluluskan tapaknya oleh Kerajaan Negeri, kenapa tidak termasuk dalam, dalam program yang, yang di bawah Kemenerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan? Sebab saya, saya percaya ia memang, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, ia sepatutnya diselaraskan dan memang saya percaya ia, kajian tu menyeluruh dan termasuk kepentingan keseluruhan yang melibatkan semua pihak, bukan sahaja di negeri ini tetapi di seluruh Malaysia, berkenaan dengan pembinaan.

Dan satu lagi, Dato' Dipertua, sebab soalan saya, bahagian 2.2, ada mengatakan bahawa bagaimanakah dengan permit operasi Kualiti Alam. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat berkenaan dengan soalan asal saya, 2.2. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, saya mohon maaf kerana tak menjawab soalan 2.2 tadi. Pembinaan ataupun pembukaan pusat pelupusan sampah di Tanah Merah, yang baru ini, 100 ekar ini, dia tidak ada kena mengena dengan permit Kualiti Alam. Permit Kualiti Alam ni dia bukan menerima pelupusan sampah. Dia, Kualiti Alam ini adalah merupakan pusat tempat pelupusan sisa pepejal berjadual iaitu sistem toksik dan yang lain-lain. Pelupusan sampah lain. Pelupusan sampah ini adalah merupakan sampah-sampah ataupun pembuangan rumah-rumah kediaman. Tetapi di Kualiti Alam ini ia merupakan sisa berjadual, iaitu daripada kilang-kilang dan yang lain-lain. Jadi ia, dia satu, dua perkara yang lain.

Berkenaan dengan tidak ada jadual dalam, daftar Kerajaan Pusat berkenaan dengan pembinaan pusat pelupusan berteknologi moden di, di Negeri Sembilan itu boleh jadi yang diletakkan di Melaka, di Johor dan yang lain, yang lagi satu tu tadi adalah merupakan geran kerajaan. Tetapi yang di Negeri Sembilan ini merupakan usaha daripada *private sector* yang mana ia akan diurus, diuruskan dan teknologinya jugak yang akan dibuat oleh syarikat tersebut. Dan ia jugak perlu, ia memerlukan kelulusan Kerajaan Pusat. Boleh jadi dia belum diluluskan ataupun belum didaftarkan di bawah kementerian. Tetapi apa sahaja yang akan dilakukan di situ adalah perlu mendapat kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan yang ketiga.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, kerja-kerja pembinaan Jalan Lingkaran Tengah Seremban Fasa 3A yakni fasa sambungan yang menghubungkan *Taman Permai foodcourt* dan Dataran Sentral masih lagi di dalam pembinaan. Walaupun jangkaan awal, kerja-kerja ini akan siap pada 29 Oktober, tetapi pihak JKR yang memantau projek ini secara terus mendapati beberapa perkara yang harus diberikan penambahbaikan terutamanya bagi jambatan yang berhampiran dengan *foodcourt* Taman Permai ini. Kerana Kerajaan Negeri tidak mampu ataupun tidak akan berkompromi dalam soal-soal yang berkaitan dengan keselamatan pengguna apabila projek ini siap dan dibuka laluan kepada orang ramai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa projek ini, setakat ini hampir ataupun sudah siap 85 peratus dan kita jangkakan projek ini akan siap sepenuhnya pada 9 April pada tahun 2014. Apabila laluan ini siap sepenuhnya, tentunya jalan alau, ataupun aliran trafik, kesesakan di Jalan Kurau 1 itu tentunya secara total akan selesai, akan berkurangan. Dan Jalan Kurau 1 ini akan dijadikan sebagai jalan taman yang akan digunakan oleh masyarakat dan penduduk bagi taman berkenaan sahaja. Dan kenderaan ataupun kenderaan berat tidak akan dibenarkan melalui Jalan Kurau 1 ini.

Pihak Berkuasa Negeri akan mengkaji sama ada relevan atau tidak Jalan Kurau 1 ini dibuka ataupun dijadikan laluan lintas di antara dua jalan besar ini kerana apabila jalan, dataran ataupun, Taman Permai ini

ke Dataran Sentral ini siap sepenuhnya, maka Jalan Kurau 1 ini didapati tidak sangat diperlukan sebagai jalan pintas yang kita buat sekarang ini. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan tambahan. Terima kasih dengan jawapan tadi yang saya rasa jawapan daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan Jalan Kurau yang akan dikembalikan kepada keadaan asal sebagai jalan taman tu adalah melegakan penduduk khasnya sekitar kawasan tersebut.

Soalan tambahan saya Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan kelewatan untuk fasa ini daripada *Permai foodcourt* kepada Dataran Sentral, macam mana pulak dengan projek seterusnya, fasa seterusnya untuk Jalan Lingkaran Tengah Seremban ini iaitu khasnya daripada bahagian yang akan menyambungkan Dataran Sentral, iaitu daripada persimpangan Jalan Labu sehingga ke fasa yang seterusnya, yang melibatkan bahagian di jalan, di Jalan Labu. Sebab sebelum ni, terdapat beberapa versi yang berbeza, ada yang mengatakan bahawa sebuah terowong bawah tanah akan dibina, sebab memandangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Labu dan juga Jalan Sungei Ujong. Yang keduanya dikatakan bahawa satu *fly over* akan dibina. Jadi saya nak dapatkan kepastian sama ada sudah ada pengesahan daripada pihak berkuasa, mana satu yang akan dibina? Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, Jalan Lingkaran Tengah ini, yang fasa 3A seperti yang saya sudah jelaskan, ini seperti yang, Yang Berhormat ADUN Kepayang tanya, dan saya sudah jelaskan berkaitan dengan fasa 3A. Tetapi sambungan Jalan Lingkaran 3A ini adalah merupakan satu projek atau satu perancangan kerajaan yang dari semasa ke semasa diuruskan oleh pihak JKR. Dan pihak kerajaan mengjangkakan bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan dalam jangka masa terdekat untuk memberikan keselesaan dan kepentingan kepada pengguna. Dan seperti yang saya sebut tadi, berlakunya kelewatan dan sebagainya, oleh kerana kita dapati beberapa perkara, komponen daripada pembinaan jalan atau *middle ring road* ini yang harus diberikan tumpuan dan penelitian oleh Pihak Berkuasa Negeri ataupun pihak JKR. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Dipertua, saya nak tanya, *fly over* ataupun terowong tadi, tak jawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, projek Lingkaran Tengah Seremban ini Dato' Dipertua, kalau daripada Bukit Kepayang tu dulu, kita telah pun melihat semula jajaran dia. Jajaran dia dulu, projek Lingkaran Tengah ini pada asalnya jajaran satu lingkaran yang amat kecil. Bulatan dia. Itu sebabnya kalau dilihat dulu, dia akan masuk daripada Taman Permai dan keluar ke Taman AST dan keluar ke Lobak. Tetapi, pada, kita telah mengkaji semula bahawa projek Lingkaran Tengah ini perlu menyuraikan jalan, menyuraikan kenderaan. Itu sebabnya kita buat satu lingkaran yang lebar, yang lebih luas jajarannya terutamanya di jajaran yang lagi 50 peratus belum siap. 50 peratus dah siap, daripada Bukit Chedang sampailah ke Ampangan. Jadi, jajaran yang 50 peratus lagi itu telah pun kita lihat dan telah pun kita kaji dia punya jajaran baru dan kita telah pun bersetuju untuk kita membukak lagi supaya ia lebih luas. Dan ia boleh menyuraikan dan dalam masa yang sama nanti, apabila kita membuat rumah tol yang kedua untuk Seremban, dapat kita sambungkan dengan dia punya jajaran lingkaran tengah yang akan dibina kelak.

Jadi ini semua mengambil kira untuk melihat pembangunan yang pesat berlaku di Seremban. Jadi, kalau kita ikut yang lama tu dulu, dia ikut jalan Taman AST sampai ke Cemara tu, itu sebabnya ada di situ. Tapi kita telah tukarkan, itu sebabnya dibuatkan jambatan mengikut Sungai Kepayang, dan dia akan terus merentasi simpang Jalan Labu dan akan pergi ke Jalan Labu Lama. Yang mana kita jugak sedang berusaha mendapatkan peruntukan supaya Jalan Labu Lama ini dinaik taraf kerana ia tidak lama lagi akan dijadikan sebagai jalan jugak sebagai *exit* kedua, dengan izin, apabila projek yang dibuat oleh Sime Darby akan disiapkan, dia akan, rumah tol yang baru di situ. Dan mereka yang menggunakan rumah tol situ nanti akan turun, akan dicurahkan ke Jalan Labu Lama ataupun mereka yang nak pergi ke Seremban 2, akan bersambung daripada projek Ainsdale, Dato' Dipertua, akan terus ke Seremban, Seremban 2. Yang mana jalan nak, ataupun jambatan di atas yang dekat dengan Seremban 2, kalau nak pergi daripada Seremban ke Sendayan, sedang dibina. Ini akan disambung.

Kita melihat secara total Dato' Yang Dipertua, cara mana untuk kita menyuraikan sistem trafik di Seremban kerana Seremban sekarang dah menjadi sebuah pekan yang besar, bandar yang besar, dan usaha penyuraian trafik ini adalah menjadi keutamaan kerajaan supaya Seremban tidak terperangkap menjadi sebagai sebuah bandar yang penuh dengan kesesakan lalu lintas yang tak boleh kita suraikan. Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan ADUN Gemenchek.

Y.B. ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama.

Y.B. ADUN Pilah: Dato' Yang Dipertua, bagi membuka taska ini, ada beberapa syarat penting yang mesti di, dilalui di mana beberapa agensi yang terlibat untuk mendapat kelulusan dari segi teknikalnya. Dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ni adalah satu agensi yang terakhir di mana kita akan memperakukan dan jabatan akan mengeluarkan perakuan pendaftaran taska kepada pemohon, selepas agensi-agensi yang terlibat meluluskan dari segi teknikal. Dan agensi yang penting mesti mendapat kelulusan ialah pertamanya daripada Majlis Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan begitu jugak Jabatan Kesihatan.

Bagi untuk menubuhkan taska ini, pemohon boleh mendapatkan borang di Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun di peringkat daerah. Dan dokumen-dokumen yang penting yang perlu diisi dan dilengkapi ialah di mana kelulusan daripada tiga agensi tadi, pelan lantai, menyenaraikan menu makanan mingguan, juga menyen, menyenaraikan aktiviti-aktiviti mingguan bagi kanak-kanak dan juga mingguan, aktiviti bagi ibu bapa, senarai nama pekerja-pekerja yang lengkap di, kad pengenalan dan jugak kelulusan serta dengan sijil pendaftaran syarikat dan pertubuhan, bersama dengan wang pos ataupun kirim, wang kiriman bernilai 50.00 ringgit bagi taska yang beroperasi di rumah, dan 250.00 ringgit bagi taska yang beroperasi di institusi.

Insentif kepada pengusaha taska ini, yang berdaftar. Bagi taska di rumah, beroperasi di rumah, geran intensif akan kita beri sebanyak 3,000.00 ringgit di mana jumlah kanak-kanak yang dijaga di bawah 4 tahun, 4 tahun ke bawah seramai, antara 4 ke 9 orang. Di mana ia melibatkan 2 pengasuh. Bagi taska institusi pula, bagi, kita akan mencadangkan ataupun men, memberi geran sebanyak 10,000.00 ringgit. Dan pengusaha mesti tidak melebihi, tidak kurang daripada 10 kanak-kanak dalam satu masa yang dijaga. Dan geran sebanyak 20,000.00 ringgit bagi pengusaha yang menjaga kanak-kanak lebih daripada 20 orang dalam satu masa.

Di samping itu Dato' Yang Dipertua, bagi bajet 2014, subsidi akan diberi kepada kakitangan awam ataupun penjawat awam dan ibu bapa yang pendapatannya seisi rumah sebanyak 5,000.00 ringgit. Dan mereka ini akan diberi subsidi sebanyak 180.00 ringgit sekiranya mereka menghantar anak ke taska yang di bawah, berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Gemencheh: Soalan tambahan. Apakah perancangan Kerajaan Negei ataupun jabatan-jabatan yang terlibat, untuk mengadakan taska-taska di tempat-tempat yang strategik untuk membantu ibu bapa muda ni, untuk menghantar anak-anak disebabkan kekangan kewangan, perlu menghantar anak-anak ke taska-taska di bawah kerajaan dan jugak agensi-agensi?

Y.B. ADUN Pilah: Dato' Yang Dipertua, sebenarnya memang sentiasa kita galakkan supaya pertamanya, kita nakkan pengusaha-pengusaha melibatkan dalam perniagaan ini dan pastinya minta berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kerana banyak taska yang diwujudkan tetapi tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun begitu, kita di peringkat jabatan, kita sentiasa memberi, memberi galakan supaya berdaftar dan dengan ini kita akan dapat membantu ke, kita memberi bantuan kepada, itu sebab dalam bajet 2014, kalau dulu kita, pendapatan penjawat awam ni [RM]2,000.00, [RM]2,000.00 kita bagi subsidi, tetapi sekarang kita naikkan sebanyak [RM]5,000.00 supaya dapat subsidi sebanyak [RM]180.00. Kalau sekiranya taska tu mengenakan yuran sebanyak [RM]250.00, kerajaan subsidi [RM]180.00, dan bakinya dibayar oleh pihak ibu bapa. Jadi, dengan ini kita akan menggalakkan supaya ramai lagi ibu-ibu muda dapat mendaftar anak mereka di pering, di taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan ADUN Rahang.

Y.B. ADUN Rahang: Terima kasih Yang Dipertua, *Speaker*, saya mengemukakan soalan pertama.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, kawasan Jalan Tok Ungku ini sering kali dilanda banjir ketika musim hujan lebat oleh kerana disebabkan longkang yang tidak, bukan tidak diselenggara, oleh kerana projek sedang berjalan, maka longkang-longkang dan aliran air yang berada di sepanjang Jalan Tok Ungku itu tidak dapat menampung turunan air hujan yang begitu banyak pada sesuatu ketika. Kerana itulah maka kerajaan telah memperuntukkan untuk menaik taraf jalan di sepanjang Jalan Tok Ungku ini di samping longkang yang sedia ada.

Kerja-kerja pemasangan longkang konkrit ini sedang dalam pembinaan. Tetapi walau bagaimanapun, pihak JKR telah mengambil tindakan sementara untuk mengelakkan daripada berlakunya banjir

dengan membina longkang-longkang sementara ataupun longkang tanah dan menyelenggara longkang yang ada bagi memastikan aliran air, air secara lebih ataupun hujan yang lebat ini untuk menampung atau melicinkan perjalanan air ke kawasan longkang besar yang berada di kawasan yang berhampiran. Pihak JKR sentiasa memantau dan meneliti kerja-kerja yang sedang dijalankan di jalan yang berkenaan.

Saya perjelaskan juga bahawa selain daripada itu, maka terdapatnya beberapa perkara yang melibatkan kerja-kerja penaik taraf ini, yang agak melewati kerja-kerja di tapak ataupun di kawasan pembangunan jalan berkenaan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Rahang: Soalan tambahan. Dua hari lalu, musim, sekarang musim hujan, hujan lebat, banjir kilat dekat kawasan ini menyebabkan jalan tersebut, Jalan Tok Ungku sebelah, sebahagian dari sana dekat simpang, di simpang Taman Yun Chan runtuh. Dan rumah-rumah yang di tempat banjir yang disebutkan tadi, ada satu longkang yang dia punya *retaining wall*, izinkan, pecah dan tanah *washed away*, maknanya sebelah jalan *hollow*. Dan ada sebuah rumah, bawah *car porch* dia pun *hollow*. So, hari itu memang sangat teruk. Apa tindakan dengan segera dari Kerajaan Negeri dan rakyat yang, yang, penduduk-penduduk di kawasan itu, barang-barang perabot, barang-barang elektrik musnah akibat banjir? Apa pertolongan boleh kita bagikan mereka?

Y.B. ADUN Pertang: Sebagai ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat selesailah masalah pengundi di kawasan Yang Berhormat. Saya dah nyatakan bahawa jalan, Jalan Tok Ungku ini adalah merupakan kawasan yang rendah, *valley* daripada kawasan Jalan Rahang, termasuk daripada Taman Woon. Kawasan yang dilanda banjir oleh Yang Berhormat sebut tadi adalah kawasan Taman Singh yang, yang dilanda ba, yang mengakibatkan banjir berlaku ketika hujan lebat dua hari yang lepas. Kerana Taman Singh, kedudukan Taman Singh lebih rendah lagi daripada *level* Jalan Tok Ungku. Jadi bila hujan lebat turun, oleh kerana jalan ini dalam proses naik taraf, maka air, limpahan air ni turun ke Taman Singh dan dia bertakung di Taman Singh kerana Taman Singh juga rendah

Y.B. ADUN Chennah: Kampung Singh.

Y.B. ADUN Pertang: daripada bahu sungai berkenaan. Kampung Singh. Maaf, Kampung Singh, Kampung Singh. Jadi dia dalam bentuk

valley, jadi tentunya apabila kawasan ini di, di, di tu, ataupun musim hujan yang terlalu lebat, tentunya kawasan ini seperti kawasan-kawasan yang lain, akan mengalami banjir. Jadi, seperti saya, seperti saya bagi tahu, bahawa sebagai ahli Yang Berhormat, menjadi tindakan ataupun tanggungjawab kita untuk membela pengundi kita. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Soalan sambungan lagi ya. Saya, saya nak, ganti rugi ni siapa akan tanggung? Lagi, lagi kalau kita asyik kata ini projek ada masalah ke apa, sekarang musim hujan, sampai bila dia nak tunggu, penduduk nak tunggu sampai bila? Sebab dia, kali ini kena teruk.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalannya Yang Berhormat?

Y.B. ADUN Rahang: Soalan saya, apa tindakan segera untuk, kerajaan, dari Kerajaan Negeri untuk apa, *to solve this problem*, atas

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dengan izin Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: masalah ini?

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sedang menyelaraskan dan memastikan bahawa kerja-kerja naik taraf di Jalan Tok Ungku ini dipercepatkan. Kerja ni lewat kerana soal yang berkaitan dengan kabel-kabel utiliti. Kerana itu kerja ini agak lewat sedikit. Tetapi walau bagaimanapun, apabila berlaku musim tengkujuh seperti ini, kita tak boleh elak, seperti saya sebut, kita tak boleh elak. Apabila berlaku banjir, maka penyelesaian ke arah itu harus dibuat, pihak kerajaan melakukan, saya dah kata pihak JKR sedang meluaskan longkang yang sedia ada, tetapi longkang yang mengikut kapasiti yang dibenarkan di kawasan jalan berkenaan. Apa, longkang itu, seperti kata Yang Berhormat tadi, tanah runtuh kerana pembinaan kawasan perumahan bersebelah di situ, taman IJM ataupun projek IJM Land berkenaan, longkang itu, kalau dalam keadaan biasa, boleh mengalirkan laluan air yang tidak boleh menampung ataupun mengakibatkan banjir. Tetapi, *lets me answer first* [Y.B. ADUN Rahang

bangun untuk mencelah], biar saya jawab dulu. Tetapi apabila apabila laluan, limpahan air hujan yang begitu banyak, longkang itu tidak boleh menampung dan dia turun ke Kampung Singh, Kampung Singh, yang mengakibatkan kawasan tu dilimpahi banjir. Dan saya juga tengok bahawa banjir itu, banjir kecil yang melibatkan hanya kalau tak silap saya, tujuh rumah. Saya pergi ketika waktu banjir berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Saya, saya, tapi tajuk

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: tajuk tu, saya bukan tanya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Rahang: Jawat, jawapan saya tak, tak boleh terima sebab saya bukan tanya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: tentang naik taraf projek tu. Saya ten

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Rahang: nak tanya tentang apa yang boleh buat untuk banjir ni. Apa Kerajaan Negeri akan buat, bantuan apa yang *you* boleh buat? Saya tahu tujuh rumah, ya memang, tapi yang, yang tanah di bawah jalan tu dah, dah semua, izinkan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: *washed away, what is going to do? What you going to do about that? It's very dangerous now.*

Y.B. ADUN Pilah: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Pilah: Dato' Yang Dipertua, bagi banjir, banjir kecil ni, dan tak libat perpindahan, dia tidak ada bantuan daripada khususnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebab ini merupakan macam Yang Berhormat Pertang tadi, kalau melibatkan banjir kecil tidak ada perpindahan ke pusat pemindahan, saya rasa itu lebih kepada kita, kita bersihkan rumah kita sendirilah. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya Yang Berhormat. Yang Berhormat?

Y.B. ADUN Rahang: Seterusnya, kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek infrastruktur asas di Kampung Pasir yang ditanyakan tersebut telah pun siap pada tahun 2011. Dan kerajaan akan sentiasa melihat kawasan-kawasan yang mana perlu dinaik taraf ataupun diadakan projek-projek kecil. Terima kasih.

Y.B. ADUN Rahang: Soalan tambahan. Memang naik taraf tu dah *start* buat, tetapi belum *complete*, izinkan. Sekarang dekat Kampung Pasir, jalan-jalan semua teruk, semua tanah, lumpur, lubang-lubang. Memang kalau *you*, kalau kita dekat sana, *you* boleh tengok mana dan yang ada buat, mana yang tak ada. Jalan *main road*, izinkan, ada, tetapi ke rumah-rumah tak ada *road*, tak ada jalan. Hanya batu, lumpur.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalannya?

Y.B. ADUN Rahang: Soalannya, saya nak, nak tahu apa yang dah siap? Sebab, saya nampak, saya jalan sana, tak ada siap. *So, I* nak tahu, apa yang dah siap?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay.

Y.B. ADUN Rahang: Berikan saya butiran yang terperinci. Saya nak tau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, projek infrastruktur asas ini, dia, PIAS ni Dato' Dipertua, dia akan dibuat beberapa kali. Dia sebab dia cuma tak lebih daripada [RM]40 ke [RM]50 ribu. Yang kita letakkan papan tanda PIAS [RM]40 ribu tu dah siap. Dan pada masa-masa yang lain nanti, kita akan buat jugak mengikut kawasan-kawasan yang diperlukan untuk dibuat. Bukannya semuanya Kampung Pasir tu kita nak buat sekali. Ini merupakan satu projek yang besar. Dia tidak jatuh dalam projek PIAS maknanya. Jadi, kalau projek PIAS yang ditanya tersebut, yang terletak papan tanda tu, telah pun siap. Tetapi kerajaan akan sentiasa melihat dan memberikan keutamaan di kawasan-kawasan yang memerlukan, boleh jadi dalam tahun depan projek PIAS akan diadakan jugak, boleh jadi di Kampung Pasir dan kampung-kampung yang lain. Itu maknanya saya kata dah siap sebab soalan dia tadi, dia berkata tentang, bertanya tentang papan tanda tu. Projek itu telah siap. Tetapi kita tidak buat semua, Dato' Dipertua, boleh jadi tahun depan, boleh jadi tahun lagi sekali, kita akan masukkan Kampung Pasir dan akan menurap dan jugak menaik taraf jalan-jalan tetapi dalam peruntukan, di dalam PIAS. PIAS ini peruntukan, projek infrastruktur asas ini maknanya asas, Dato' Dipertua. Dia bukannya dalam projek-projek yang besar-besar ya. Jadi, kita akan sentiasa memantau dan akan melihat kawasan-kawasan yang perlu diberikan keutamaan akan diberi keutamaan. Dan biasanya, PIAS, PIAM, PIAS ini di bawah peruntukan Parlimen Dato' Dipertua, ya. Dan Parlimen-Parlimen akan membahagikan kerja-kerja yang mana, yang diperlukan, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Rahang: Bolehkah, bolehkah kerajaan berkenaan turunkan papan tanda, kedua-dua papan tanda di Kampung Pasir kalau kerajaan dah siap?

Y.A.B. ADUN Rantau: Boleh, tak ada masalah. Dengan mana, dengan, dengan YB-YB pun kita boleh turunkan. Tak ada masalah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Okay, soalan ke, ketiga dia, *almost the same* dengan, izinkan, dengan soalan pertama. *So*, saya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tarik? Saya tak faham Yang Berhormat. Tarik? Okay saya teruskan, saya mintak ADUN Juasseh untuk mengemukakan soalan.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, program yang sedang kita bincangkan dan sedang kita perhalusi di peringkat Kerajaan Negeri, Dato' Dipertua, ialah program pembesaran kampung-kampung tradisi. Yang mana kita mahu melihat supaya kampung-kampung tradisi ini jugak diberikan nafaas baru. Bukannya kampung-kampung seperti lain, kawasan felda, ada program perumahan generasi kedua, program-program lain, kawasan-kawasan lain ada berbagai-bagai program. Tapi nampaknya Dato' Dipertua, di kawasan, kawasan kampung tradisi ini, tidak ada apa-apa nafas baru yang wujud kawasan tersebut. Jadi, hasrat Kerajaan Negeri adalah mahu melihat supaya di mana mungkin dan di kawasan mana yang boleh, kita mahu lihat supaya ada satu dasar yang kita buat iaitu dasar pembesaran kampung tradisi.

Jika terdapat tanah-tanah kerajaan yang tersepit, tanah-tanah kerajaan di pinggir-pinggir hutan yang telah pun diterokai secara haram ataupun orang buat kebun macam-macam Dato' Dipertua, maka kita nak cadangkan dan perhalusi dah di peringkat Kerajaan Negeri untuk kita memberi peluang kepada generasi kedua, ketiga ke berapalah, Dato' Dipertua, yang tinggal di kampung, yang mengusahakan hasil usaha kampung, yang bersama-sama dengan ibu bapak masing-masing tetapi mereka ini telah pun berkeluarga. Mereka memerlukan kawasan, mereka memerlukan rumah dan mereka perlu keluar daripada keluarga besar mereka untuk mereka membina satu kehidupan baru. Jadi ini hasrat Kerajaan Negeri Sembilan Dato' Dipertua, untuk melihat. Tapi bukan semua kampung lah Dato'

Dipertua, bukan, kita tidak mampu sebab ada kampung yang tidak ada lagi tanah kerajaan. Tapi ada kawasan-kawasan yang mana ada kawasan-kawasan yang berlebihan, di pinggir-pinggir kampung iaitu di pinggir hutan, maka kita nak melihat supaya ia diberikan satu kawasan untuk kita membesarkan kampung. Bukan dalam bentuk tanah pinggir, bukan dalam bentuk dalam kawasan, seperti kawasan yang lain, tapi pembesaran kampung ini kita akan bagi tapak-tapak rumah kepada mereka-mereka yang tidak mempunyai tanah, kepada mereka-mereka yang tinggal di kampung sana untuk membantu ibu bapak dan jugak untuk mereka menghasilusahakan kampung mereka.

Jadi, ini kita bagi peluang kepada mereka supaya mereka mempunyai tapak-tapak rumah. Dan pemberian ini pun jugak, jika ada nanti, dia tidak seperti dahulu, memberi tanah besar-besar, satu ekar seorang, dua ekar, tetapi kita pecah-pecahkan kepada lot-lot rumah yang mana mereka boleh buat rumah. Dan kita jugak berhasrat, kerajaan jugak berhasrat supaya ia boleh dijadikan sebagai satu konsep kampung tersusun, Dato' Dipertua. Jadi ini yang sedang kita teliti, dan sedang kita perhalusi dan kita jugak telah melihat, mintak supaya semua Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh Negeri Sembilan supaya memberikan maklum balas kepada Kerajaan Negeri supaya kita dapat melihatnya, supaya dasar ini dibuat dengan secara lebih, secara total di seluruh Negeri Sembilan. Bukannya bertompok-tompok. Tetapi bukan semua kawasan pinggir hutan boleh diterokai, ataupun kawasan-kawasan. Ada jugak kawasan-kawasan hutan di pinggir-pinggir kampung dia merupakan kawasan tadahan air yang mana ia tidak boleh diusik ataupun tidak boleh diterokai Dato' Dipertua. Terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat ADUN Rantau kerana mempunyai niat yang murni untuk membangunkan, membesarkan kawasan-kawasan kampung. Dan saya sangat bersetujulah ya, untuk dibangunkan kawasan ini dalam bentuk kampung yang tersusun untuk memudahkan kita memberikan infrastruktur. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya, sekiranya boleh pihak Kerajaan Negeri *to consider*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, sekiranya diberi ruang kepada masyarakat kampung terutamanya generasi yang kedua, yang tidak mempunyai peluang untuk membangunkan tanah kerana mereka tidak mempunyai kawasan sendiri untuk diberi kawasan untuk mereka membangunkan ekonomi mereka? Jadi, saya yakin dan percaya banyak model yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri seperti dilakukan di Johol, dibangunkan satu kawasan yang luas oleh pihak agensi kerajaan dan diberi dalam bentuk saham kepada penduduk setempat. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, kita punya konsep pembesaran kampung ini dia tidak termasuk dalam, untuk kita bercakap pasal tentang isu ekonomi. Ia, ia lebih kepada isu perumahan di mana gengerasi-generasi kedua, ketiga ke berapa, yang duduk di kampung, mereka boleh dapat lot-lot tanah, rumah di mana mereka duduk di kampung masing-masing.

Tetapi cadangan untuk melihat dari segi sektor ekonomi itu jugak merupakan satu cadangan yang baik dengan syarat kita mempunyai kawasan yang boleh kita bukak, yang mana seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Juasseh tadi ialah, contohnya seperti kawasan di perkampungan Orang Asli di Sungai Lerek. Ini kawasan kampung, sungai, Asli ni memang ada program penambahbaikan ekonomi Orang Asli, Dato' Dipertua, di dalam Dasar Jaringan Keselamatan Sosial kita. Kita telah pun sampai ke peringkat ketiga yang mana bila kita bercakap pasal pembasmian kemiskinan, ataupun menjaga kesejahteraan rakyat, ataupun kita menghapuskan kemiskinan tegar, kita tidak boleh tidak untuk tak bercakap tentang kebajikan untuk Orang-Orang Asli.

Jadi, di Negeri Sembilan ini kita telah pun buat keputusan yang mana seluruh kawasan pendudukan, kependudukan di mana kampung-kampung Orang Asli ini, dulunya mereka duduk di dalam kawasan hutan simpan, tapi kita telah pun buat dasar supaya kawasan yang mereka duduk itu diwartakan, digazetkan sebagai kawasan perkampungan Orang Asli, ya. Jadi tidak ada siapa yang boleh mendakwa dakwi nanti, bahawa ini bukan kawasan dia ataupun bukan. Sekarang ini mereka tinggal dalam kawasan rezab orang, ataupun di kawasan rezab hutan simpan kekal. Tapi nanti bila kita rezabkan ia akan menjadi sebagai rezab ataupun menjadi kawasan perkampungan mereka.

Dan apa yang kita buat ialah bersama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah, kawasan di sekitar perkampungan mereka itu, apa yang dipanggil sebagai kawasan rayau ataupun *roaming area* mereka, dengan izin, kita buat tanaman iaitu tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah. Tapi kebanyakannya ditanam dengan getah bersama-sama dengan agensi kerajaan seperti RISDA dan yang lain-lain yang mana kita tak bagi hak milik tanah Dato' Dipertua, kita menjadi sebagai estet bersama ataupun kawasan ladang bersama yang mana setiap Ketua Isi Rumah, kita bagi mereka dalam bentuk saham. Dan saham ini, satu saham bersamaan dengan keluasan sebanyak lima ekar tanah. Jadi, mereka tidak ada, bukan, kita tak bagi kepunyaan tanah, sebab kita takut nanti mereka ni dimanipulasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Jadi apabila kita

dalam bentuk saham, jadi tidak ada kena-mengena dengan status pemilikan tanah. Jadi, itu kita buat di perkampung Orang Asli kerana kita nak mewujudkan satu dasar iaitu dasar peningkatan ekonomi Orang Asli supaya kita dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan terutamanya dalam kategori miskin tegar.

Yang di kawasan kampung tradisi ini, kita cuma mahu, kita cuma melihat dari segi isu perumahan, Dato' Yang Dipertua. Isu perumahan ni penting jugak. Dan jika ada nanti tapak-tapaknya, kita buat tapak-tapak, kita bagi dalam tapak dia, dalam 1,000 kaki ke, habis besar 15,000 kaki, belum di, belum ditentukan lagi. Maka mereka boleh dalam masa yang sama membina rumah di situ, sama ada mereka nak membina rumah dengan skim perumahan rumah mesra rakyat dengan SPNB ataupun yang lain-lain. Tapi apa yang kita fikirkan tentang perluasan perkampung ini, adalah merupakan dari segi sudut perumahan Dato' Dipertua. Tidak ada isu tentang ataupun tidak ada soal berkenaan dengan, berkait rapat dengan ekonomi. Tetapi dalam masa yang sama, seperti yang saya sebutkan tadi, dengan seboleh yang mungkin, dengan *best effort basis*, dengan izin, kita jugak boleh melihat dari segi sektor ekonomi supaya mereka ini dapat menjalankan aktiviti-aktiviti perekonomian untuk meningkat ekonomi mereka di kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Dipertua, soalan kedua.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan melahirkan rasa dukacita dan amat simpatilah di atas kejadian yang berlaku di Ulu Jempol, yang melibatkan seorang Imam koma selama enam bulan, dan juga seorang suri rumah yang meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan jalan raya melibatkan hidupan liar.

Namun begitu, Kerajaan Negeri sebenarnya tidak berdiam diri, ya. Malah member, mempertanggungjawabkan kepada pihak PERHILITAN supaya dapat ya, melihat secara dekat bagaimana kejadian ini boleh berlaku ya. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, bahawa punca utama ya, konflik manusia dengan hidupan liar ni ialah, yang pertama, setelah disiasat, iaitu disebabkan persaingan bagi mendapatkan makanan dan ruang hidup ya, bagi hidupan liar ini ya.

Dan jugak tindakan-tindakan telah dijalankan oleh PERHILITAN, antaranya yang dijalankan ialah pertama, bila menerima aduan ini, pihak PERHILITAN buat siasatan. Selepas buat siasatan, kalau perlu, dipasang perangkap. Selepas dipasang perangkap, ya, tangkap dan pindah, ya. Selepas tangkap-pindah, barang kali jugak kalau ada keperluan, tembak-mati, ya. Kita bagi dia supaya jangan dia hidup. Dan ke, seterusnya, mungkin jugak diadakan tiap, tembak-halau untuk menakut-nakutkan binatang-binatang inilah. Dan seterusnya, membuat pemantauan dan khidmat nasihat yang seterusnya.

Namun begitu, PERHILITAN telah pun melaporkan bahawa ada lima jenis sebenarnya ya, lima jenis sepsis ya, yang sentiasa mengganggu kacau di Negeri Sembilan, ya. Iaitu yang pertama, kera, yang keduanya gajah ya, yang ketiganya babi hutan, yang keempat musang dan yang kelimanya beruk, ya. Namun begitu, usaha-usaha telah dijalankan ya, untuk memastikan bahawa kemalangan-kemalangan seperti yang disebut asal tadi jangan berulang ya. Antaranya apabila berlaku konflik kemanusiaan ya, yang disebabkan oleh babi hutan, biasanya berlaku di kawasan pertanian ya, di mana penempatan manusia terletak di kawasan berhampiran hutan. Pihak jabatan telah menjalankan operasi membasmi musuh tanaman bukan sahaja tertumpu kepada masalah gangguan babi hutan, malah beberapa spesies seperti yang saya sebutkan tadilah, ya.

Yang keduanya, bagi kes-kes yang serius, yang menyebabkan Jabatan PERHILITAN mengambil langkah secara tegas, iaitu secara menembak mati. Biasanya kes-kes tembak-mati ini melibatkan kes-kes gangguan yang mengancam keselamatan penduduk. Ha, ini kita mengambil tindakan tegaslah.

Yang ketiganya, mengadakan program-program kesedaran di mana program kesedaran ni supaya berlaku perubahan sikap ya, di mana barang kali ya, barang kali melalui ya, penduduk-penduduk di kawasan tersebut kita boleh bagi khidmat nasihatlah kepada penduduk-penduduk tersebut supaya dapat ya, menyayangi binatang-binatang ini barang kali dengan memberi makan dan sebagainya, ya.

Yang keempatnya, ada ketikanya tindakan tidak dapat diambil dengan segera disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketidakhadiran hidupan liar semasa bantuan kawalan hendak diberikan. Dalam kes ini, khidmat nasihat dan, akan diberikan tentang bagaimana langkah dapat diambil bagi mengurangkan risiko gangguan hidupan liar terutamanya babi hutan, ya. Yang ke em, yang kelimanya kita kadangkadangkang menjemput ya, pemimpin-pemimpin tempatan seperti JKKK ya, dan jugak pemimpin-pemimpin masyarakat untuk bertemu di Hari

Bertemu Pelanggan supaya sedikit sebanyak ya, masalah-masalah berkaitan dengan konflik manusia dan hidupan liar ini dapat dimaklumkan kepada masyarakat setempat. Dan di samping itu jugak, sekiranya ada berlaku ya, perkara-perkara yang tidak diinginkan ya, Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas bertujuan memberi bantuan kepada mangsa serangan binatang buas. Yang merangkumi takrif binatang buas, prosedur dan mekanisma pemberian bantuan, kadar bantuan mengikut tahap kecederaan dan perkara-perkara yang barang kali difikirkan oleh Jabatan Kebajikan. Itulah yang dapat saya jelaskan, Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Dipertua, saya tak ada soalan tambahan. Cuma saya tak setuju dengan pandangan Dato' exco tadi, untuk beri makan kepada haiwan liar ni. Walau bagaimanapun, pertembungan di antara haiwan dengan manusia ini, bukan sahaja haiwan liar seperti disebutkan tadi, tetapi jugak haiwan ternakan yang terbiar, saya mintak kepada, seperti lembu dan yang lain-lain jugaklah di kawasan saya. Jadi saya mintak kepada Dato' exco untuk sama-sama memastikan, menyelesaikan masalah ini. Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemuka soalan yang ketiga.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, sebenarnya saya nak jawab sedikit lagi berkaitan dengan memberi binatang, hidupan liar ini yang mana ADUN Juasseh tu tak berpuas hati nampaknya. Memang ada, antaranya monyet, ya. Monyet ni kadang-kadang kita pindahkan ke satu tempat, bukannya selesaikan masalah, tetapi memindahkan masalah sebenarnya ke tempat lain, ya. Contoh dulu berlaku di kawasan saya, memang kera ni banyak. Kita tangkap, kita masukkan perangkap, kita pindahkan ke, ke, ke mana, jalan, jalan, ke Kuala Pilah tu, jalan yang sekarang, sekarang ni, ha, Bukit Tangga, Bukit Tangga ya, Bukit Putus, ya. Dan di situ sebenarnya ramai pengunjung datang dan memberi makanan dan akhirnya mereka tidak akan datang ke tempat-tempat berhampiran kerana mereka dah faham, binatang liar ni dapat makanan. Tapi tak tahulah, barang kali ada jugak yang antaranya pergilah ke tempat-tempat yang terutamanya di tempat YB Seri Menanti, ya.

Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh DUN Juasseh ni ya, antaranya usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan kawasan sawah terbiar di DUN Juasseh, adalah melalui pelaksanaan projek tanaman sayur-sayuran dan tanaman singkat masa

yang diusahakan oleh usawasan melalui pinjam, perjanjian ya, pajakan bersama dungan, dengan tuan tanah. Pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian melaksanakan program pembangunan infrastruktur dan dalam masa yang sama ya, Jabatan Pertanian ya, memberi khidmat nasihat kepada penanam-penanam sayur ini bertujuan untuk mengatasi ya, masalah-masalah tanah yang terbiar di kawasan Juasseh. Jika sekiranya ada jugak ya, individu ataupun syarikat-syarikat yang berminat ya, bolehlah jugak ajukan kepada Jabatan Pertanian supaya Jabatan Pertanian dapat menyusun ya, satu program ya, bersama dengan masyarakat di Juasseh supaya tanah-tanah terbiar mereka ini dapat diusahakan bertujuan untuk menambahkan lagi pendapatan mereka. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Dipertua, soalan tambahan saya. Pembangunan sawah terbiar di Juasseh ini memang dibuat oleh pihak swasta. Persoalannya, pembangunan ini adalah bersama penduduk kampung dan disusun oleh Ketua Kampung dan jugak pengusaha. Apa yang menjadi persoalan kepada saya adalah, kenapa pihak jabatan tidak mengambil inisiatif terutamanya terlibat secara langsung di dalam perjanjian kerana banyak perkara pokok yang menjadi masalah apabila timbul masalah seperti pembayaran cukai tanah, sewa tanah dan kadang-kala tanah itu tidak dimajukan. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bolehkah pihak jabatan mengambil inisiatif terutamanya di dalam membangunkan sawah terbiar ini *particularly*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, dalam soal perjanjian sewa ini? Terima kasih.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, memang di, sejak akhir-akhir ini Jabatan Pertanian ya, menerima berbagai-bagai aduan terutamanya berkaitan dengan perjanjian yang dibuat antara pengusaha dengan tuan tanah ya. Yang kadang-kadang yelah tuan tanah ni orang kampung barang kali, disebabkan oleh pernajian ini dibuat oleh pihak apa ni, pihak peguam ya, jadi kadang-kadang tidak memahami apakah perkataan-perkataan yang digunakan oleh, oleh, oleh mereka ni. Jadi, di atas kesedaran ini, hari ini, Jabatan Pertanian ya, telah pun mengambil tindakan ketetapan ya, bahawa apabila perjanjian dibuat oleh pihak swasta dengan pihak individu atau pemilik tanah ini, mestilah jugak ya, Jabatan Pertanian nak melihat apakah isi kandungan yang sebenar, ya. Supaya pihak pemilik-pemilik ini, pemilik tanah ini tidak tertipu akhirnya nanti ya. Itu yang disebutkan tadi. Walaupun pengusaha mendapat keuntungan yang banyak, tetapi dalam masa yang sama, cukai tanah tidak berbayar, ya. Dan kadang-kadang cara pembayaran ya, sewa tanah itu jugak pun menjadi musykil kepada

pihak pemilik. Jadi, inilah perkara-perkara yang ketika ini menjadi perhatian kepada pihak jabatan. Dan inshaa allah, dalam masa yang berterusan ini, pihak jabatan akan mengambil ya, mengambil inisiatif bertanggungjawab bersama untuk memastikan bahawa pihak pemilik tanah ini jugak mendapat keuntungan seperti pihak pengusaha tadi. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan ADUN Temiang.

Y.B. ADUN Temiang: Soalan pertama.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, taman awam Jalan Keliling ini telah dibangunkan melalui peruntukan Jabatan Landskap Negara dengan kos sebanyak [RM]4.3 juta. Syarikat yang telah menjalankan kerja-kerja ini adalah Syarikat Menawat Perkhidmatan Landskap Sendirian Berhad.

Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa taman awam Jalan Keliling ini adalah bagi tujuan rekreasi dan riadah dan dibuka kegunaannya kepada orang awam pada waktu-waktu yang telah ditetapkan oleh pihak MPS. Pihak Berkuasa Negeri khususnya MPS tiada halangan dan sekatan kepada orang ramai ataupun orang awam untuk mereka menggunakan segala kemudahan yang terdapat di taman ini asalkan tidak melanggar undang-undang negara. Dan kita juga harapkan supaya pengunjung-pengunjung di taman ini dapat menjaga kebersihan untuk mengekalkan kehijauan ataupun keselesaan taman ini bagi kemudahan orang ramai.

Saya, di an, nyatakan bahawa kenyataan ataupun soalan daripada ADUN Temiang yang menyatakan bahawa kemudahan ini tidak dibuka kepada orang ramai itu adalah tidak benar. Kerana kita buka kemudahan ini kepada orang awam dan orang ramai yang nak menggunakannya. Cuma pihak MPS tidak bagi kebenaran khusus kepada pihak-pihak tertentu yakni kepada persatuan, NGOs, ataupun JKKK dan sebagainya untuk menggunakan kemudahan ini secara khusus ataupun secara tetap. Itu kita tak bagi. Kerana taman ini memang kita buka untuk kemudahan untuk orang ramai ataupun orang awam. Terima kasih.

Y.B. ADUN Temiang: Soalan tambahan. Tadi exco ada menjelaskan bahawa taman ini bernilai berjuta, [RM]4.3 juta. So, soalan saya adalah,

saya terima aduan daripada penduduk-penduduk bahawa bekalan elektrik untuk taman ini telah terputus dan tandas telah tidak dapat di, tidak dibuka untuk kegunaan orang ramai. Dan mereka telah menggunakan tandas dalam keadaan yang gelap. Mengapakah keadaan berlaku, walaupun wang peruntukan [RM]4.3 juta dipakai?

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, peruntukan [RM]4.3 juta adalah peruntukan untuk membina taman ini, bukannya peruntukan untuk menyelenggara. Saya dah sebutkan tadi bahawa pihak MPS sentiasa menyelenggara dan memantau kawasan taman ini. Tetapi walau bagaimanapun, terdapatnya bebe, beberapa perkara yang tidak diingini yang dilakukan oleh pengunjung-pengunjung termasuk *vandalism* termasuk merosakkan kemudahan-kemudahan taman. Jadi, kerana itu adanya se, apa ni, mungkin sesuatu keadaan di mana tandas ini didapati kotor dan lampu di dalamnya tidak menyala dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, perkara ini sentiasa di dalam ataupun di bawah radar MPS untuk memastikan kemudahan ini dapat selesa ataupun sesuai untuk digunakan oleh orang ramai. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Temiang: Masalahnya, masalahnya, kerana ni telah berlalu berbulan-bulan. Saya telah buat aduan kepada, *I think* tiga bulan yang lepas tetapi keadaan ni masih sama pada masa sikat, sekarang. *So*, kenapa masalah ini tidak, tidak di, diperbaiki?

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, kita akan selesaikan *as soon as possible*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Temiang: Terima kasih. Soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, kerajaan sentiasa meneliti dan jugak membantu berkaitan kegiatan-kegiatan dan jugak program-program yang dilakukan oleh persatuan-persatuan di seluruh Negeri Sembilan. Segala persatuan yang datang untuk memohon bantuan

daripada Kerajaan Persekutuan, daripada Kerajaan Negeri akan, akan kita teliti dan kita cuba bantu sedaya upaya yang boleh mengikut kadar-kadar yang, yang, yang termampu dan jugak yang diperlukan oleh mereka. Jadi, dalam perkara ini, tidak ada, jawapannya tidak ada bantuan tahunan yang, ataupun geran tahunan yang diberikan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan, Dato' Dipertua. Dan sewa, soalnya berapakah kos menyewa bangunan Wisma Persatuan Bola Sepak itu, itu sebenarnya bangunan tu kepunyaan persatuan bola sepak, persatuan Negeri Sembilan, bukan, dia tidak menyewa. Terima kasih.

Y.B. ADUN Temiang: Soalan ketiga.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, ringkasan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seremban di DUN Temiang pada tahun 2008 sehingga 2013 adalah berjumlah sebanyak 37 projek. Daripada 2008 sehingga 2013 – 37 projek yang nilainya ialah 5.955 juta ringgit. Pembinaan bonggol ataupun permohonan untuk membina mong, bonggol berhampiran dengan kawasah, kawasan sekolah berkenaan akan dilaksanakan pada hujung tahun ini. Terima kasih.

Y.B. ADUN Temiang: Masa yang banyak. So, persoalan tambahan saya adalah, di negeri di bawah Pakatan Rakyat kita telah melaksanakan peruntukan kepada DUN, peruntukan-peruntukan DUN projek kecil kepada pihak pembangkang. Apakah rancangan daripada Kerajaan Negeri Sembilan, sama ada melaksanakan, melaksanakan langkah yang sama iaitu memberi peruntukan projek-projek kepada pihak ahli-ahli Pakatan Rakyat di Negeri Sembilan?

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, bina bonggol ni kita bukannya boleh bina saja-saja. Bila dimohon bina bonggol, kita nak tengok keperluan dan kesesuaian untuk kita bina bonggol. Kerana itu apabila kawasan berkenaan

Y.B. ADUN Temiang: Kerana saya hantar memorandum pada bulan Julai

Y.B. ADUN Pertang: Nanti, nanti saya jawab dulu. Yang Berhormat merungut-rungut pasal apa? Bila kita tengok bahawa kawasan ini sesuai untuk bina bonggol, maka saya dah bagitau bahawa *by year end*, bonggol ini akan dibina. Peruntukan daripada, bagi DUN Temiang, walaupun DUN Temiang ni adalah kawasan pembangkang, tetapi kita memperuntukkan [RM]5.9 juta untuk kerja-kerja ataupun projek-projek yang dilaksanakan oleh MPS. Soalan Yang Berhormat itu adalah soalan yang menjurus kepada yang telah saya jawab. Terima kasih.

Y.B. ADUN Temiang: Tidak menjawab soalan tambahan saya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya mintak ADUN Linggi.

Y.B. ADUN Temiang: Dato', soalan tambahan saya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Apa soalan?

Y.B. ADUN Temiang: Soalan tambahan saya adakah Kerajaan Negeri Sembilan melaksanakan langkah yang sama di mana projek-projek, peruntukan projek-projek kecil

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Itu saya jawab Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sembilan lebih baik daripada apa, kerajaan Pakatan.

Y.B. ADUN Temiang: *Speaker* tak boleh jawab. Jawab kerajaan-lah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya mintak ADUN

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua

Y.B. ADUN Temiang: Sudah tukar tempat ha.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, apa yang dicakap oleh ADUN Temiang tu tadi, mengatakan bahawa seolah-oleh negeri yang di

bawah pemerintahan pentadbiran pembangkang tu cantik sangat tu taklah benar. Teruk jugak. Tapi, peruntukan memang kita buat. ADUN Temiang ni, dia, dia, dia tak faham agaknya. Kerana, kena fahamlah. Sebab peruntukan yang dibagi kepada setiap Dewan Undangan Negeri memang ada setiap tahun, di bawah P56. Baik di bawah Barisan Nasional mahupun di bawah pembangkang. Ada. Dan ia disalurkan melalui pejabat-pejabat kerajaan seperti Pejabat Daerah ataupun MPS ke, yang lain-lain. Jadi tidak timbul soal, soalnya adakah. Dia patut tahu bahawa di kawasan dia, setiap kawasan ADUN kita bagi peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri. Selain daripada peruntukan PIA, PIAS yang dibuat untuk setiap Parlimen. Setiap Parlimen tu ada. Dan dia ditaburkan dan jugak dibuat secara terbaik yang mungkin Dato' Dipertua. Tidak timbul soal kita menganaktirikan, ataupun tidak timbul soal kita tak bagi. Ada kita bagi, semua kita bagi. Tapi kita tak bagi, jangan pulak salah anggap bahawa P56 ini dibagi secara tunai kepada ahli-ahli Yang Berhormat, tidak. Kerana P56 ini jugak akan diaudit, dan akan telah pun diaudit. Jadi, cara untuk mengemukakan projek-projek kecil di kawasan masing-masing tu pun perlu ada sistem ataupun tatacara untuk dibuat oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Jadi, di kawasan setiap Dewan Undangan Negeri ada. Tidak timbul soal kita tak bagi. Jadi soal tu tadi, nak buat macam negeri pembangkang ataupun tidak, kita daripada dulu kita dah bagi dah, ya. Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan ADUN Linggi.

Y.B. ADUN Linggi: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Izinkan saya mengemukakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, berkata tentang berkenaan dengan memperkasakan perniagaan terutamanya di, peniaga-peniaga kecil bumiputera ini, berbagai-bagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan dalam kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi yang telah ditubuhkan khusus untuk melihat dan untuk memantau tentang perkembangan peniaga-peniaga kecil bumiputera di seluruh, dalam negara Dato' Dipertua.

Agensi-agensi TEKUN ditubuhkan untuk memberikan modal, menambah modal ataupun untuk mereka memperbesarkan perniagaan mereka. Agensi macam MIKRO, pinjaman MIKRO ditubuhkan untuk mereka meminjam lebih daripada apa yang mereka boleh pinjam

daripada TEKUN Dato' Dipertua, tanpa mengenakan ataupun tanpa mereka memerlukan apa-apa cagaran dan yang lain-lain.

Jadi, usaha-usaha sentiasa dilakukan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan baik jabatan ataupun agensi-agensi kerajaan, untuk mereka menolong dan jugak membimbing peniaga-peniaga kecil bumiputera terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan bandar. Jadi Dato' Dipertua, ada program-program, macam-macam. Program BIG misalnya dibuat.

Dan di Negeri Sembilan ini ternyata kita telah berjaya dapat membimbing banyak dah peniaga-peniaga kecil yang dulunya mereka ni tidak, mereka ni duduk di dalam asnaf kemiskinan. Mereka ini dalam kategori miskin tegar. Tetapi mereka ini dibimbing, diberikan latihan oleh agensi-agensi kerajaan dan mereka diberikan modal untuk mereka memulakan perniagaan. Ada yang diberi modal untuk meniaga *burger*. Sekarang ni berjaya, dah keluar daripada program kemiskinan tegar kita. Dah kita tak bantu lagi setiap bulan. Bahkan telah pun berjaya berdikarai dan apabila tanya tempoh hari Dato' Dipertua, dia kata dia dah dapat pendapatan yang amat baik. Bila ada perlawanan bola ataupun program-program di Stadium Merdeka, dia akan bawak berniaga *burger* dia di situ. Kalau tidak dia berniaga di kawasan flat Seri Perdana, program rumah rakyat di Paroi.

Ada yang kita tolong, bantu dalam program pembungkusan misalnya. Dia buat ikan, ikan sembilang, ikan sembilang salai dan macam-macam Dato' Dipertua, di Lenggeng dan ni dibantu oleh agensi kerajaan. Dan macam-macam lagi yang dibuat. Dan ada program-program *vendor* jugak yang dibuat yang mana dikenal pasti seorang yang telah berjaya dan dia akan mengembangkan lagi *vendor* dia. Macam jagung manis di Rembau. Ini kita buat pembungkusan dia, kita tolong. Dan dia akan menolong, dan dia mengambil dalam 10 orang *vendor-vendor* dan sekarang ini siapa sahaja yang nak buat dia punya jagung manis ini, dia akan berlatih dulu dan diberi latihan. Dan mereka akan dapat dia punya lesen *vendor* dan, dengan membayar sedikit bayaran royalti kepada, kepada tuan punya perniagaan ini, Dato' Dipertua.

Macam-macam, macam-macam usaha dibuat untuk kita pastikan, kerajaan pastikan kerana kita mahu lihat supaya program perniagaan dalam masyarakat ini tumbuh dan ia boleh menjadi sebagai salah satu daripada program IKS (Industri Kecil Dan Sederhana). Industri Kecil Sederhana ini perlu dipupuk Dato' Dipertua. Perlu bercambah dan perlu banyak dalam masyarakat kerana ini akan dapat menampung ekonomi kecil-kecilan dan boleh membesar jika ianya dilakukan dan diusahakan dengan terbaik yang mungkin.

Inshaa allah dari segi bantuan, dari segi khidmat nasihat, dari segi apa jua keperluan yang mereka perlu Dato' Dipertua, berbagai-bagai jabatan. Berbagai-bagai agensi telah pun ditubuhkan. Cumanya kadang-kadang mereka ini atau peniaga ini, penjaja ini, mereka tak dapat maklumat yang betul ataupun mereka tak sampai maklumat kepada mereka. Mereka tak tahu adanya badan-badan. Mereka tak tahu adanya agensi-agensi yang ditubuhkan, yang boleh membantu mereka. Ha itu sebabnya kita telah mintak beberapa agensi Kerajaan Negeri Sembilan seperti PKNNS, Yayasan Negeri Sembilan dan jugak yang lain-lain untuk membuat sesi-sesi penerangan, sesi-sesi latihan dan jugak perjumpaan yang boleh mereka berjumpa, yang mana PKNNS misalnya mengadakan, mengumpulkan penjaja-penjaja, mengumpulkan peniaga-peniaga di satu tempat dan memanggil jabatan ataupun agensi yang mempunyai hubung-kait dengan bantuan ataupun dengan konsep penjaja dan peniaga ini untuk memberikan maklumat dan jugak penerangan yang lebih lanjut. Jadi ini sentiasa dilakukan, dan kita berharap supaya mereka-mereka yang terlibat di dalam perniagaan kecil dan jugak penjaja ini akan sentiasa dapat maklumat yang tepat khususnya melalui persatuan-persatuan masing-masing. Kerana mereka jugak mempunyai persatuan, dan persatuan mereka adalah merupakan persatuan yang aktif yang sentiasa bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk memastikan supaya hal ehwal penjaja dan peniaga kecil ini sentiasa di dalam lingkaran pengetahuan agensi dan jugak jabatan kerajaan yang berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

Y.B. ADUN Linggi: Tak ada.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tak ada.

Y.B. ADUN Linggi: Soalan kedua, tak payah?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan lisan telah pun tamat. Saya mengucapkan terima kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan pihak kerajaan yang telah menjawab segala pertanyaan. Semua soalan lisan hari kedua yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

4. **RANG UNDANG-UNDANG (Perbahasan)**

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 telah dicadangkan untuk dibaca bagi kali kedua. Kita juga telah bersetuju untuk membahaskan Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 bersekali dengan rang undang-undang ini. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan kedua-dua perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja. Setiap pembahas saya bagi 10 minit.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara, untuk tahun 2012 berkenaan dengan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Saya ada beberapa perkara yang ingin dibangkitkan.

Perkara pertama Dato' Yang Dipertua, merujuk kepada muka surat 11 berkenaan dengan pelaburan Kerajaan Negeri Sembilan dari tahun 2008 hingga 2012. Saya ingin merujuk kepada satu jadual pelaburan dalam muka surat 11 di mana daripada tahun 2008 hingga tahun 2010, pegangan pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah [RM]23.4 juta. Itu mungkin nilai buku, bukan nilai pasaran kerana angka ketiga-tiga tahun itu adalah sama bahawa Kerajaan Negeri ada pelaburan dalam beberapa syarikat blue-cheap seperti Telekom Malaysia Berhad – [RM]3.85 juta, Tenaga Nasional Berhad – [RM]8.06 juta, Malaysia Airport Holding Berhad – [RM]11 juta, dan Amanah Saham Bank Islam – [RM]0.49 juta. Tetapi menjelang tahun 2011, angka pelaburan itu telah menurun sehingga hanya [RM]0.59 juta. Iaitu Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Airport Berhad itu telah pun dilupuskan. Dan hanya tinggal [RM]0.59 juta ataupun [RM]590,000.00.

Persoalan yang ingin saya tanya ialah mengapakah pada tahun 2011 pihak Kerajaan Negeri telah menjual semua saham-saham dan melupuskan semua saham dalam syarikat-syarikat blue-chip ini? Syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang strategik, merupakan syarikat-syarikat GLC. Dan kalau pe, pelaburan itu diteruskan ataupun dipegang daripada tahun 2011 hingga tahun sekarang, sudah tentu nilai pasaran pada ketika ini adalah jauh lebih tinggi daripada nilai pada tahun 2011. Tetapi tahun 2011, pihak Kerajaan Negeri telah menjual kesemua saham-saham ini. Contohnya sekarang, harga untuk Tenaga Nasional sudah melambung tinggi. Kalau tidak dijual pada ketika itu, nilai pelaburan pada ketika ini sudah

jauh tinggi. Dan juga syarikat-syarikat ini memberikan dividen-dividen, pulangan secara tahunan yang baik.

Persoalan saya, mengapakah pihak Kerajaan Negeri menjual kesemua saham-saham ini dan bukannya memegang pelaburan-pelaburan ini. Apakah Kerajaan Negeri sendiri tidak ada keyakinan terhadap syarikat-syarikat GLC kita, yang dipegang ataupun yang mempunyai kepentingan strategik untuk negara? Dan saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, sebelum penjualan saham-saham ini, berapakah pegangan dari segi unit ataupun syer dalam dalam syarikat-syarikat yang telah saya nyatakan tadi, dan apakah justifikasi pada ketika itu untuk melupuskan dan menjual kesemua saham-saham ini? Dan siapakah yang membuat keputusan, siapakah yang membuat keputusan untuk menjualkan kesemua saham-saham ini dan yang menyebabkan pada hari ini kita tak ada lagi pelaburan, tak ada lagi pegangan dalam syarikat-syarikat strategik ini, dan kita telah me, terlepas peluang. Pihak Kerajaan Negeri telah terlepas peluang dari segi untuk mendapat dividen yang lebih banyak ataupun keuntungan yang lebih besar pada ketika ini.

Perkara yang kedua, Dato' Yang Dipertua. Saya juga merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara berkenaan dengan prestasi kutipan cukai taksiran. Saya merujuk kepada muka surat 87. Yang memetik bahawa "Majlis Perbandaran Nilai telah merekodkan peratusan tunggakan cukai taksiran tertinggi berbanding jumlah pendapatan iaitu sebanyak 61 peratus. Tunggakan cukai taksiran yang tinggi di PBT tersebut merupakan tunggakan oleh sebuah syarikat disebabkan pertikaian mengenai kadar yang dikenakan pihak Majlis kepada syarikat berkenaan. Pihak syarikat berkenaan belum melunaskan tunggakan kerana masih menunggu keputusan pelarasan penurunan kadar daripada 10 peratus sehingga 5 peratus". Saya ingin bertanya ap, apakah syarikat tersebut, nama syarikat tersebut. Apakah syarikat, operasi syarikat tersebut? Dan mengapakah pihak PBT ataupun pihak Majlis Perbandaran belum lagi ada satu penyelesaian dengan syarikat tersebut, dan menyebabkan tunggakan tersebut masih tinggi.

Dan saya juga merujuk kepada tunggakan-tunggakan cukai taksiran di semua PBT di Negeri Sembilan yang berjumlah hampir [RM]100 juta. Dato' Dipertua, memang kita tahu bahawa di Negeri Sembilan ini banyak PBT, dia tidak dapat *surplus*, ataupun tidak dapat menampung perbelanjaan yang besar kerana hasil yang amat terhad. Daripada lapan PBT di Negeri Sembilan hanya dua PBT yang ada *surplus*, ada enam PBT yang mengalami defisit. Tetapi saya berharap dan saya ingin mengingatkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya walaupun PBT-PBT ini mengalami defisit, ini tidak dijadikan satu alasan untuk

menaikkan cukai taksiran ataupun cukai lain, yang lain-lain, yang dikenakan pihak PBT, ataupun lesen, bayaran lesen, permit ataupun sewa. Kerana rakyat sekarang ini terlalu sengsara selepas PRU Ke-13. Semua barang naik, harga petrol naik, harga ma, harga minyak naik, harga gula naik, harga *electricity* naik, harga tol naik. Macam-macam naik. Di Kuala Lumpur, cukai taksiran naik. Dan saya harap pihak Kerajaan Negeri memastikan di Negeri Sembilan, semua PBT-PBT ini tidak menaikkan sebarang kadar cukai taksiran ataupun bayaran-bayaran lesen dan permit, ataupun sewa-sewa yang dikenakan oleh pihak PBT. Saya tahu bahawa banyak PBT mengalami kesusahan ataupun mengalami cabaran yang besar dari segi kewangan mereka. Tetapi bukannya jalan penyelesaian untuk menaikkan cukai taksiran ataupun bayaran-bayaran yang dikenakan oleh PBT.

Telah beberapa kali saya membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, supaya pihak Kerajaan Negeri sepatutnya berunding dengan pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan untuk menambah peruntukan ataupun pemberian terus daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan juga PBT kerana *capitation grant* yang diberikan oleh pihak Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri, tak pernah naik. Tak pernah dikaji semula walaupun telah berkali-kali kita bangkitkan. Dan juga, pemberian-pemberian kepada PBT itu sepatutnya diberikan, dinaikkan oleh Kerajaan Persekutuan kerana sebenarnya kera, Negeri Sembilan, rakyat Negeri Sembilan menyumbangkan cukai yang amat besar kepada pihak Kerajaan Pusat.

Satu jawapan yang saya terima daripada Parlimen pada November lepas, saya bertanya kepada jumlah cukai mengikut pecahan jenis yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, Negeri Sembilan bagi tahun 2010 hingga tahun 2012. Jawapan yang saya terima, daripada pihak Kementerian Kewangan, pada tahun 2012, rakyat Negeri Sembilan menyumbangkan [RM]1 bilion cukai kepada Kerajaan Pusat. Yang terdiri daripada 520 juta ringgit untuk cukai pendapatan individu, 375 juta ringgit untuk cukai pendapatan syarikat, 9 juta ringgit untuk cukai keuntungan harta tanah, [RM]95 juta untuk *duty stamp*, dan lain-lain [RM]1 juta. Berjumlah [RM]1 bilion. Dan angka ini setiap tahun meningkat. Daripada tahun 2010 yang berjumlah [RM]743 juta, tahun 2011 – [RM]864 juta dan meningkat sehingga [RM]1 bilion pada tahun 2012 juta, [RM]1,000 bilion pada tahun 2012.

Ini bermakna bahawa rakyat Negeri Sembilan menyumbangkan cukai yang amat besar kepada pihak Kerajaan Persekutuan, tetapi pembelian terus yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sembilan amatlah terhad. Kita lihat pemberian terus daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri tak sampai pun [RM]50 juta.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri Sembilan sepatutnya memperjuangkan supaya pemberian terus dinaikkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan juga PBT-PBT. Ada banyak PBT-PBT yang, terutamanya di kawasan luar bandar, seperti Majlis Daerah Jelevu mempunyai hasil yang amat terhad. Dan saya harap ini dapat dipertimbangkan. Dan trend di seluruh dunia sekarang memang adalah *physical decentralisation*, iaitu kita memberikan keupayaan ataupun memberikan *empowerment* kepada Kerajaan-Kerajaan Tempatan untuk menambah hasil-hasil mereka. Dan ini tidak berlaku di Malaysia. Dan salah satu jalan penyelesaian ialah supaya pihak Kerajaan Persekutuan sepatutnya memberikan sumbangan yang lebih besar kepada PBT-PBT supaya mereka dapat meneruskan perkhidmatan mereka tanpa membebankan para pengguna ataupun rakyat di kawasan di luar bandar.

Perkara yang ketiga, Dato' Dipertua, mengenai perumahan. Saya merujuk kepada P60. Saya ingin men, mempersoalkan mengapakah pihak Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan apa-apa wang untuk tujuan perumahan, P60. Saya merujuk kepada kot, kod projek 11000 – Penyediaan Tapak Rumah Awam Kos Rendah. Tahun 2013 - [RM]1,000.00. Tahun 2014 - [RM]1,000.00. Maksudnya tak ada peruntukan, itu hanya untak, bukap kod tersebut. Pembinaan, dan pembinaan infrastruktur hanya peruntukkan [RM]200,000.00. Kos projek 15000 – Pembinaan Rumah Awam Kos Rendah, [RM]1,000.00 jugak. 18000 – Pengambilan Balik Tanah Bagi Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah. Juga [RM]1,000.00. Maksudnya tidak ada apa-apa peruntukan walaupun siling RMK-10, yang diletak di sana, daripada dua, tahun 2011 hingga tahun 2015, secara langsung [RM]20 juta, secara pinjaman [RM]10 juta. Jumlah [RM]30 juta. Tapi untuk tahun ini, peruntukan untuk P60 hanya 204,000.00 sahaja. Mengapakah tidak ada peruntukan?

Apakah ini bermaksud bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak mengambil tanggungjawab untuk penyediaan rumah-rumah awam kos rendah. Dan tidak ada apa-apa projek yang disediakan. Saya tahu bahawa Kerajaan Negeri akan mengatakan bahawa Kerajaan Pusat banyak buat. Ada banyak projek PR1MA di Seremban dan sebagainya. Tetapi projek-projek PR1MA ini hanya bertumpu di kawasan-kawasan bandar. Tetapi apa yang diperlukan ialah di kawasan-kawasan luar bandar di mana projek-projek ataupun skim-skim perumahan awam kos rendah ini amat diperlukan. Contohnya di kawasan yang saya wakili sekarang. Di Simpang Durian, pernah beberapa kali saya mendapat rungutan daripada penduduk-penduduk sana. Anak-anak muda ataupun generasi kedua yang ingin membina rumah tangga, mereka tak ada apa-apa, tidak mampu untuk membeli rumah, dan tidak ada projek-

projek perumahan kos awam rendah yang baru dibina oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan saya harap ini dapat diberikan satu jawapan oleh pihak Kerajaan Negeri. Kerana saya rasa Kerajaan Negeri tidak boleh lari daripada tanggungjawab ini untuk menyediakan perumahan kos awam rendah kepada rakyat di Negeri Sembilan ini. Bukannya semua tanggungjawab ini adalah diberikan kepada pihak swasta untuk membina rumah-rumah kos rendah. Dan pihak Kerajaan Negeri sudah tentunya ada tanggungjawab sosial untuk menyediakan perumahan kos rendah ini.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa.

Y.B. ADUN Chennah: Saya tahu, sedikit saja lagi. Dato' Dipertua, sebagai Ketua Pembangkang, kena berikan sedikit masa lebih Dato' Dipertua. Perkara keempat, ialah berkenaan dengan projek-projek kecil. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, dalam buku bajet yang disediakan, Pegawai Pengawal untuk P56 – Kerja-Kerja Kecil ialah setiu, Setiausaha Sulit Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nak tanya mengapakah Pegawai Pengawal ini bukannya Setiausaha Kerajaan Negeri? Mengapakah diberikan kepada Setiausaha Sulit Yang Amat Berhormat Menteri Besar? *With due respect*, saya bukannya ada apa-apa *personal* terhadap Setiausaha Sulit Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tetapi jawatan ini adalah lantikan politik. Satu *political appointment*. Mengapakah satu *political appointment* diberikan kuasa untuk menjadi Pegawai Pengawal terhadap [RM]8.15 juta peruntukan, kerja-kerja kecil seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, ialah untuk semua kawasan Dewan Undangan Negeri. Dan sepatutnya Pegawai Pengawal terhadap peruntukan ini adalah Setiausaha Kerajaan Negeri dan bukannya Setiausaha Sulit Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dan dah banyak kali kita dengar transformasi dan sebagainya, tetapi kita nak katakan, projek-projek kecil ini perlulah memberikan manfaat yang lebih kepada rakyat. Dulu, kita pernah dengar ada *concept agenda 21* untuk bagaimana kita memperuntukkan peruntukan kewangan, bagaimana kita membuat, membawa pembangunan-pembangunan. Tetapi saya merasakan bahawa projek-projek kecil ini tidak mendapat *feedback* ataupun *consultation* dengan penduduk. Kadang-kadang projek-projek kecil itu digunakan ataupun dilaksanakan semata-mata kita ada peruntukan, kita nak habiskan peruntukan tu. Tetapi ia bukannya seolah-olah memberikan manfaat sepenuhnya kepada penduduk. Sepatutnya perlu ada *consultation* dengan *stakeholders*, dengan penduduk-penduduk. Apakah projek-projek yang sepatutnya

dilaksanakan. Dan saya menyarankan sekali lagi bahawa sepatutnya senarai projek-projek kecil ini perlulah diumumkan secara terbuka, bolehlah letak dalam *website* ataupun portal Kerajaan Negeri Sembilan. Supaya setiap DUN, setiap kawasan, rakyat di kawasan kita tahu bagaimana wang ini digunakan. Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan. Bukannya tunggu ahli-ahli Dewan, setiap kali nak tanya soalan dalam Dewan untuk nak dapatkan butiran-butiran tersebut. Dan jawapan yang diberikan itu pun tak, tak lengkap. Kadang-kadang hanya dua tiga ayat sahaja untuk apa ni, memberikan, untuk, untuk menjawab soalan kita. Dan saya harap ini dapat diberikan jawapan yang lebih telus supaya maklumat itu sampai kepada rakyat. Rakyat tahu bagaimana peruntukan itu digunakan. Apakah manfaat yang mereka dapat daripada peruntukan ini, di kawasan-kawasan yang mereka duduki.

Perkara kelima, Dato' Dipertua. Berkenaan dengan tanah Bukit Jong. Saya nak merujuk kepada isu ini. Sebab, dalam persidangan lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menjawab, walaupun pada ketika itu, semasa penggulungan, saya kurang sihat, saya tidak berada dalam Dewan. Saya melihat balik *hansard* berkenaan dengan isu Bukit Jong ini. Saya memetik jawapan daripada buku *hansard*, Dato' Dipertua, Bukit Jong ini, Dato' Dipertua saya memetik daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, permohonan tanah oleh Persatuan Pengagut Dewan Then Sze, Bukit Jong ini, Jalan Temiang Seremban ditolak oleh kerajaan atas sebab rezab kuari. Tetapi dah, ADUN Chennah kata dah, telah luluskan, diberi kelulusan kepada Syarikat Menang Tiara Sendirian Berhad. Sebenarnya memang ada Dato' Dipertua. Betul ta, pada tahun 2001 kelulusan kepada Menang Tiara ini Dato' Dipertua, tetapi ya, apabila diselidik maka tanah ini didapati merupakan tanah rezab Melayu. Menang Tiara ini bukan syarikat milik Melayu. Dan tanah ini pun jugak adalah merupakan tanah rezab kuari. Jadi kebenaran tersebut telah ditarik balik semula, Dato' Dipertua. Dan pemberimilikan, pemilikan tanah tersebut tidak pernah diberikan kepada Menang Tiara. Masih lagi tanah kerajaan berezabkan kuari. Ini jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tetapi pada persidangan yang sama, jawapan bertulis yang diberikan kepada ADUN Temiang, soalan ADUN Temiang "Sila nyatakan jumlah keluasan tanah Bukit Jong yang telah diberikan kepada Syarikat Menang Tiara oleh Kerajaan Negeri dan juga premium yang telah dibayar oleh syarikat tersebut kepada Kerajaan Negeri?". Jawapan yang diberikan kepada ADUN Temiang, pada persidangan yang sama, ialah "tanah tersebut telah diberimilik kepada Syarikat Menang Tiara melalui kelulusan MMK pada 24 Oktober 2001 dengan keluasan 9.833 hektar setelah ditolak rezab tokong Cina dan penggantian rezab

Melayu. Premium yang dikenakan ialah sebanyak 25,460.00 ringgit, 25,460.00 ringgit”.

Persoalannya saya, mengapa ada jawapan yang bertindih, pada masa yang sama Yang Amat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab bahawa tanah ini telah ditarik balik, adalah tanah kerajaan. Tetapi jawapan yang diberikan kepada ADUN Temiang, telah diberikan hakmilik, telah diberikan kelulusan oleh MMK, premium pun telah dibayar. Jadi mana satu jawapan yang betul? Saya anak dapatkan kepastian sebab itu Bukit Jong ini telah lama kita bangkitkan. Isu Bukit Jong, tanah itu diberikan oleh bekas Menteri Besar, Tan Sri Isa, kep, ketika zaman Tan Sri Isa, kepada satu syarikat yang ada hubung kait dengan MCA. Dan penduduk-penduduk di sana, berpuluh tahun mereka duduk di sana, pohon tanah tak dapat. Tokong Cina yang berada di Bukit Jong itu, 100 tahun punya sejarah, pohon tanah tak diberikan. Kata tarik balik, tetapi jawapan yang diberikan Syarikat Menang Tiara itu masih memegang. Dan kita telah buat *company search* dan sebagainya. Memang dari segi maklumat-maklumat awam yang diperolehi, tanah itu masih dipegang oleh Syarikat Menang Tiara. Jadi saya ingin pohon satu kepastian, sekiranya tanah itu, sekarang tak ada kuari di sana, sepatutnya Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan supaya kera, tanah itu diberikan kepada penduduk-penduduk yang duduk di sana. Telah berpuluh-puluh tahun duduk di sana. Saya harap

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Chennah: Satu lagi. Sangat penting perkara ini, kerana berkenaan dengan Dato' Dipertua. Saya memohon maaf dululah kepada Dato' Dipertua, saya bukannya nak menyentuh kedudukan *Speaker*, ataupun kerusi yang diduduki oleh Yang Berhormat Dato' Dipertua. Tapi lebih kepada kapasiti Yang Berhormat sebagai ADUN. Mengikut satu jawapan yang diberikan juga kepada ADUN Temiang, jawapan bertulis pada kali ini. Soalan keenam, muka surat 78. ADUN Temiang bertanyakan “sila nyatakan nama ADUN yang masih memegang jawatan ahli Majlis Perbandaran dan ahli Majlis Daerah di Negeri Sembilan?” Jawapan 6.1 ada tiga ADUN yang masih memegang jawap, jawatan ahli Majlis. Satu ialah ADUN Paroi, satu ialah ADUN Sungai Lui, dan ketiga juga ada nama Dato' Dipertua. Saya mintak maaf, Dato' Dipertua, tetapi nama ADUN, Dato' Dipertua ada di sana. Yang Berhormat Dato' Haji Awaludin bin Haji Said, ADUN Kota adalah ahli Majlis, Majlis Daerah lem, Rembau.

Saya nak bertanya Dato' Dipertua, sebab saya rasa perkara ini tak sepatutnya berlaku. Sebagai Yang Dipertua, yang telah dilantik sebagai *Speaker* Dewan Undangan Negeri, mengikut Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan, seseorang ADUN yang telah dilantik sebagai *Speaker* Dewan Undangan Negeri, tak boleh ada apa-apa lagi jawatan lain. Tak boleh ada apa-apa kepentingan lain sebab ini adalah badan *legislative*, badan perundangan. Dato' Yang Dipertua, sebagai *Speaker* Dewan Undangan Negeri adalah orang yang paling penting dalam Dewan Undangan Negeri. Tak sepatutnya duduk lagi dalam, dalam bidang, dalam badan eksekutif. Ahli Majlis adalah badan eksekutif pi, di pihak PBT. Saya rasa Dato' Dipertua, saya menyarankan, saya menasihatkan supaya segera meletakkan jawatan sebagai ahli Majlis, Majlis Daerah Rembau. Sebab saya tak mahu nanti Dato' Dipertua susah kalau ada orang apa ni, mencabar di mahkamah nanti, mungkin *unconstitutional* dari segi jawatan Dato' Dipertua. Sebab saya rasa dari segi protokol pun tak, tak sesuai

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dah, masa dekat

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Yang Dipertua adalah *Speaker*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN Chennah, masa dah cukup.

Y.B. ADUN Chennah: Dewan Undangan Negeri. Takkan pergi Majlis Daerah Rembau, ahli majlis, duduk di bawah Yang Dipertua Majlis Daerah? Ini tak, tak, tak sesuai. Jadi saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Itu pihak kerajaan akan jawab.

Y.B. ADUN Chennah: saya nasihatkan Yang Berhormat Dato' Dipertua supaya segera meletakkan jawatan sebagai ahli Majlis, Majlis Daerah Rembau untuk menjaga kepentingan dan juga untuk menjaga maruah dan juga protokol kerusi Dato' Yang Dipertua dalam Dewan Undangan Negeri Sembilan yang mulia ini. Sekian, terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Seterusnya. Dipersilakan ADUN Palong.

Y.B. ADUN Palong: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. *Speaker* dah letak jawatan, sebagai ahli Majlis.

Y.B. ADUN Chennah: Tapi jawa, jawapan rasmi ada. Kalau dah letak jawatan, tak, takkan jawapan macam ni keluar.

Y.B. ADUN Palong: Mungkin surat tu kita sedang tengok balik. Dato' Yang Dipertua terima kasih. Bajet yang dikemukakan oleh kerajaan ini nampaknya tidak membalas budi rakyat yang mengundi Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Terutama sekali kerajaan ini ditubuhkan oleh Wakil-Wakil Rakyat, yang dipilih oleh rakyat, daripada kawasan-kawasan Negeri Sembilan sebelah timur. Ha ini meliputi Kuala Pilah, Jelevu, Jempol, Tampin. Tetapi curahan daripada agihan kekayaan Negeri Sembilan ini nampaknya banyak di kawasan-kawasan yang bukan daripada kawasan Barisan Nasional.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, hasil kita ini lebih kurang [RM]352 juta. Tetapi belanja mengurus [RM]338 juta. Dan kalau kita tengok dari segi pembangunan cuma [RM]91 juta sahaja. Itu pun kalau kita pecahkan lagi, secara *detail*, lebih kurang [RM]28.497 dari segi infrastruktur, yang saya yakin dan percaya yang akan dapat melibatkan pembangunan. Maknanya ada lori yang bergerak, ada simen yang laku, ada kontraktor yang dapat kerja. Jadi, saya yakin dan percaya ini akan membantutkan pertumbuhan kerajaan Negeri Sembilan untuk jangka masa mencapai Negeri Sembilan sebagai Negeri Maju.

Dato' Yang Dipertua, saya menunggu-nunggu pengumuman daripada Yang Amat Berhormat daripada Rantau apabila membentangkan bajet Negeri Sembilan ini, apakah yang dapat kita berikan kepada pengundi-pengundi setia kita. Misalnya, rancangan tanah felda, pengundi-pengundi di felda adalah merupakan pengundi-pengundi yang sangat baik dan memberikan sokongan yang besar. Dan dia menunggu-nunggu kerana dasar pencahayaan negeri, orang felda kena bayar, orang kampung dapat percuma. Mungkin melalui bajet ini kita dapat umumkan bahawa kalau orang kampung percuma, orang peneroka felda juga boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri secara percuma.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, memang kerajaan menyediakan banyak rumah kos rendah. Ada di kalangan rakyat yang menerima nikmat untuk pembinaan rumah mesra rakyat. Namun demikian, terdapat juga satu kelompok masyarakat kita ini, rakyat kita ini, pengundi kita ini, dia tak mampu nak beli rumah kos rendah. Gajinya terlalu kecil. Dia juga tak ada tanah nak membina rumah mesra rakyat.

Tetapi dia ada isteri, ada anak, dia bekerja di *shopping complex* di Bahau, di keliling-keliling pekan-pekan kecil macam Batu Kikir. Namun demikian, untuk masa depan, mereka memerlukan rumah untuk tempat tinggal. Untuk ini saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memikirkan, membangunkan semula projek rumah rakyat yang satu ketika dulu memang dapat menyelesaikan isu kumpulan yang saya sebutkan tadi. Mereka memang tidak ada tanah tetapi kerajaan menyediakan, macam 200 unit di Kuala Pilah, 200 unit di Jelevu, 200 unit di Jempol. Dan golongan yang tidak ada tanah untuk membangunkan rumah mesra rakyat tadi, kita dapat berikan mereka ini rumah-rumah rakyat sebagai mana yang saya sebutkan.

Memang kita rasa terpinggir dalam segi agihan ini Dato' Yang Dipertua. Walaupun sokongan ini tetap tidak berbelah bagi. Acara-acara Negeri Sembilan, eloklah diagih-agihkan ke kawasan-kawasan di daerah-daerah di, jauh macam Jempol, sempadan Pahang. Apa salahnya Sambutan Hari Penternak Nelayan kita digilir-gilirkan. Sekali buat dekat Jempol. Seka, tahun depan buat di Kuala Pilah. Tahun depan buat di Jelevu. Baru boleh menjana pendapatan dan ekonomi di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Jadi, kalau hanya tertumpu di satu kawasan yang sudah maju, kawasan yang tak ada pun Hari Penternak Nelayan ni memang sudah maju dan aktiviti ekonominya memang berkembang baik. Dan ini tidak sangat memberikan impak yang baik.

Begitu juga dengan agihan-agihan yang ada, yang lain-lainnya seperti universiti awam, UiTM, tak payahlah dilonggokkan di kawasan Negeri Sembilan Barat kerana kawasan-kawasan ini tak ada universiti pun memang mereka maju. Apa salahnya kita hantar UiTM di Jempol. Kalau tak ada, buat dekat Palong, lagi baik.

Jadi, Dato' Dipertua, saya meneliti bagaimana kita mengagihkan kekayaan Negeri Sembilan ini untuk menjawab dengan rakyat. Misalnya P63 – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam kita. Peruntukan bina masjid cuma [RM]626,000.00. Ubah suai pejabat pegawai-pegawai [RM]8.2 juta. Kita nak bina, dah cadangkan berapa lama untuk membina Masjid Kariah Taman Bahau. Sekarang ini mereka mendirikan sembahyang Jumaat di surau. Dua taman baru di kelilingnya sudah mula digunakan oleh rakyat. Melimpah-limpah untuk mendirikan sembahyang Jumaat, amat sukar. Dah lima tahun dah menggunakan surau tersebut. Jadi kalau begini kita mengagihkan kekayaan negeri ini, tidak meletakkan agenda untuk mengutamakan rakyat yang sepatutnya menerima nikmat daripada agihan ini, kita akan menerima masalah pada masa depan, Dato' Yang Dipertua.

Perkara yang seterusnya, berkaitan dengan soal kebajikan. Banyak sudah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu rakyat kita, dalam bidang kebajikan, terima kasih banyak-banyak. Namun demikian, ada satu kelompok lagi yang kadang-kala malangnya tidak berbau. Suami mati mengejut, *accident*, kemudian kadang-kala berlaku penyakit yang berterusan berkekalan, isteri tak ada kerja, suami pun tak berpencen, anak ramai bersekolah. Sekarang ini bantuan kebajikan paling banyak pun 450.00 ringgit. Apa salahnya kelompok ini, kerajaan menyediakan peruntukan khas, mereka terus diberikan 1,000.00 ringgit sebulan kerana anak-anak mereka perlu bersekolah. Dan apabila mereka hilang kelayakan, dengan sendirinya mereka gugur daripada menerima nikmat daripada perancangan yang kita buat ini, dan berikan pulak kepada orang lain yang layak.

Begitu jugak kanak-kanak cacat yang sekarang ini kita bangunkan kemahiran mereka melalui PDK. Di Jempol ada enam PDK. Saya melihat apabila kanak-kanak ini berumur 18 tahun, mereka sudah mula menerima masalah. Kadang-kala ibu bapak mereka miskin. Ada anak-anak rakyat termiskin pun. Mereka ini memerlukan kerja. Dato' Yang di, Dipertua, saya mencadangkan sebahagian daripada peruntukan ini, kita fokuskan untuk membina bengkel-bengkel untuk memberikan peluang mereka bekerja. Di Jempol saya dah buat tiga bengkel Dato' Yang Dipertua. Setiausaha Kerajaan cuma hantar *vendor* untuk memberikan peluang kerja pada anak-anak ini. Mereka duduk dengan ibu bapak mereka. Mereka boleh dapat gaji bila mereka bekerja. Bukanlah *vendor* yang susah. Misalnya menggam sampul surat. Mereka duduk situ, daripada pagi gam sampul surat. Saya ingat ini kerja yang senang. Mereka dapat gaji. Walaupun barang kali gajinya tak seberapa, tetapi kerajaan menyediakan satu program yang sangat bagus. Mana anak-anak yang cacat, yang sudah bekerja, mereka diberikan bantuan oleh kerajaan [RM]300.00 sebulan. Kalau gam tadi, sampul surat tadi dapat [RM]200.00 pun tak apa, tambah lagi [RM]300.00, dia dah ada [RM]500.00. Tidaklah membebankan ibu bapak mereka untuk jangka masa yang panjang.

Dato' Dipertua, [RM]5 juta setahun, kita gunakan untuk ganti komputer di Negeri Sembilan. Komputer-komputer lama ni hantar ke mana? Kalau boleh sebahagiannya kita hantar untuk anak-anak tadika, anak-anak di PDK ni, biar dia belajar komputer. Supaya mereka ni semua dapat faedah daripada apa yang kita buat.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang kedua penting, yang saya nak sebut ialah bagaimana kerajaan perlu mengambil serius terhadap, untuk meluluskan permohonan-permohonan di rancangan tanah felda yang memerlukan kelulusan pentadbiran Majlis Daerah. Saya menyebutkan

perkara ini sekarang ini sebagai contoh, kita membangunkan rumah generasi baru untuk anak-anak peneroka felda. Kita tak boleh biarkan dengan sistem lama. Perparitan perlu dijaga. Sampahnya perlu diangkut. Dia punya kemudahan infra untuk jangka panjang mesti dijaga. Oleh yang demikian, kita perlu kawasan operasi Majlis Daerah. Dan nilai cukai taksiran itu, jangan sama macam Bahau, jangan sama macam Batu Kikir, macam 'dokek' Palong tu 'coghok', sempadan Pahang 'na'. Biarlah kadar dia itu kadar yang munasabah di kawasan yang jauh di pedalaman. Tetapi membenarkan undang-undang Majlis Daerah beroperasi di kawasan tersebut. Ini

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Palong: ini melingkungi juga pertumbuhan pekan-pekan kecil di rancangan tanah felda yang tak boleh lagi kita biarkan demikian rupa dan memerlukan kelulusan daripada exco untuk membenarkan kawasan operasi Majlis Daerah ini di kawasan-kawasan pekan kecil supaya dapat kita naik taraf. Cuma saya tak nak di kawasan kampung peneroka tu tak payahlah. Nanti timbul masalah lain apabila kampung-kampung itu kita kenakan cukai taksiran.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Palong: Sikit lagi boleh ke Dato' Dipertua? Boleh? Berapa minit?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Satu minit.

Y.B. ADUN Palong: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang ini pun penting Dato' Dipertua. Ini berkaitan dengan jalan Palong. Kita belajar daripada jalan Palong ni, kita belajar. Kita mengambil deposit yang sangat rendah daripada pemaju. Bila jalan rosak, deposit tak cukup nak membaiki jalan. Kemudian dikutip oleh agensi yang tak boleh digunakan di jalan *federal*. Dan memang tak dapat kita buat. Dalam masa yang sama, kita memerlukan jalan yang rosak ini diperbaiki. Saya tengok rekod ni, Dato' Yang Dipertua, daripada Dato' Senaling dulu menjadi exco, nak menyelesaikan masalah ni tak selesai. Saya nak cadangkan Dato' Dipertua, supaya peruntukan membaiki jalan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri

termasuk Negeri Sembilan digunakan sebahagiannya, bukan banyak sangat. Saya ingat dalam [RM]3 juta je. Supaya kita gunakan untuk membaiki jalan ini. Takkan kita nak jawab dengan peneroka felda berulang-ulang kali perkara yang sama. Daripada beberapa tahun dulu, perkara yang sama tak boleh selesai. Jadi saya berharap kita akan dapat menyelesaikan isu ini supaya dapat membalas jasa baik pengundi-pengundi kita yang mengundi Barisan Nasional. Terima kasih banyak-banyak Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan ADUN Sikamat.

Y.B. ADUN Sikamat: Bismillahirrahmanirrahim. Yang Dipertua, Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum w.b.t., syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah izinNya dapat saya membahaskan belanjawan Negeri Sembilan bagi tahun 2014 di Dewan yang mulia ini. Ucapan Yang Amat Berhormat Rantau ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 untuk bacaan kali kedua menyatakan bahawa berlaku peningkatan dalam Keluaran Negeri Kasar, KDNK, sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Juga tidak saya nafikan bahawa Kerajaan Negeri juga menarik pelabur ke negeri ini. Namun ia tidak semestinya bermaksud bahawa ekonomi di negeri kita ini baik. Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang *over off, optimistic*, dengan izin, tentang prospek ekonomi bagi tahun 2014. Ekonomi negara juga mungkin bertambah baik sedikit pada tahun 2014 berbanding dengan 2013 disebabkan pertumbuhan di Amerika Syarikat dan Eropah. Namun ada beberapa senario yang bakal berlaku, yang akan membebankan kos sara hidup rakyat. Tetapi saya tidak nampak jalan penyelesaian dari Kerajaan Negeri dalam belanjawan kali ini.

Pakar ekonomi meramalkan bahawa kemungkinan besar kos pinjaman, *cost of borrowing*, dengan izin, akan meningkat akibat kenaikan OPR atau *Overnight Policy Rate*, dengan izin, oleh Bank Negara. OPR dijangka naik dari 3 peratus kepada 3.25 peratus pada suku kedua tahun 2014 disebabkan oleh tekanan inflasi, kenaikan OPR akan perlahankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan pelaburan lalu memberi impak yang besar kepada ekonomi. Rakyat semakin terbeban selepas pilihan raya yang lalu dengan kenaikan harga RON 95 dan harga diesel yang dinaikkan kira-kira 11 peratus pada tahun, pada bulan September lalu. Kerajaan juga menghapuskan subsidi gula, rakyat terus dibebani dengan berita kenaikan tarif elektrik sebanyak 15 peratus berkuatkuasa Januari ini. Kenaikan tol di beberapa tempat. Dan yang

lebih memeranjatkan lagi peningkatan tambang kenderaan perkhidmatan awam yang akan dinaikkan pertengahan 2014.

Pasti semua ini akan menyebabkan penderitaan yang parah kepada rakyat jelata negeri ini khususnya kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu rakyat negeri ini akibat kenaikan kos kehidupan yang tinggi terutama golongan pendapatan rendah dan sederhana. Daripada memberi satu gambaran yang terlalu positif, *painting of rose picture*, dengan izin, kerana negeri harus menolong rakyat untuk menghadapi kemelut yang bakal melanda pada tahun hadapan.

Yang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ucapan Yang Amat Berhormat Rantau tempoh hari juga menunjukkan bahawa dalam belanjawan 2014, sebanyak 6.5 peratus peningkatan ya, sebanyak 6.5 peratus iaitu [RM]352.626 juta berbanding tahun 2013 hanya [RM]331.2 juta. Peningkatan sebanyak [RM]21.426 juta. Namun apa yang mengecewakan kita ialah anggaran perbelanjaan pembangunan telah menguncup sebanyak 13.6 peratus atau RM14.394 juta. Dengan penguncupan ini, secara tak langsung akan memperlambatkan rentak kemajuan di negeri ini. Ia juga tidak menggalakkan pertumbuhan pembangunan di negeri ini. Penurunan amat ketara bagi Jabatan Kerja Raya Negeri sebanyak [RM]6.15 juta. Setiausaha Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan pelbagai sebanyak [RM]1.9 juta. Dan Perumahan, penurunan sebanyak [RM]649,000.00 kepada [RM]204,000.00 sahaja.

Manakala dalam sektor pertanian, ialah jabatan, manakala dalam sektor pertanian iaitu Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang merupakan sektor penting bagi masyarakat desa dan luar bandar di negeri ini, tidak berlaku kenaikan, malah terdapat penurunan sedikit. Dengan kos pengeluaran pertanian dan penternakan yang semakin meningkat, kita khuatir sektor ini akan terjejas dalam jangka masa terdekat ini. Kerajaan Negeri sepatutnya meningkatkan belanjawan kepada sektor ini bagi menggalakkan lagi petani mengeluarkan makanan dan penternakan.

Dalam belanjawan ini juga tidak dinafikan ada sedikit peningkatan dalam anggaran perbelanjaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam iaitu [RM]9.031 juta kepada [RM]14.94 juta. Namun saya memohon agar pihak kerajaan dapat menjelaskan tujuan perbelanjaan, penambahan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa permintaan terhadap pendidikan agama di negeri kita amat tinggi. Ini

terbukti semasa ujian kemasukan ke Tingkatan 1 yang ma, yang amat terhad berbanding permintaan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan pengambilan di sekolah agama terutamanya Maahad Ahmadi Gemencheh, ITQAN dan Sekolah Agama Sains Selaru bagi menampung permintaan yang semakin meningkat ini?

Dato' Yang Dipertua, saya yakin semua berbangga dengan pencapaian pendidikan di negeri ini dengan keputusan ketiga terbaik peringkat kebangsaan. Namun baru-baru ini telah timbul kontroversi tentang dapatan kajian PISA - *Programme For International Student* [Programme for International Student Assessment], dengan izin, Program Penilaian Antarabangsa Pelajar. Program ini menilai prestasi pelajar di seluruh dunia yang meliputi kira-kira 500,000 orang yang berumur 15 tahun. Mereka dinilai terutama dalam bidang matematik, membaca dan sains. Hasil penilaian yang dijalankan pada tahun 2012, menunjukkan prestasi terbaik dicapai ra, dari, oleh Shanghai, Singapura, Korea dan Taiwan. Mereka mengatasi Eropah dan Amerika Syarikat. Melainkan Singapura. Perlu ditegaskan di sini, mereka tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa penghantar. Di kalangan beberapa negara Asia Tenggara, Malaysia terletak dalam kedudukan kedua tercorot dengan hanya Indonesia dikebe, di belakangnya. Singapura, Vietnam dan Thailand mengatasi jumlah mata yang dicapai oleh Malaysia dalam bidang matematik, membaca dan sains iaitu 375 - 396 dan 420. Sebagai perbandingan, bidang-bidang yang sama, Singapura mendapat 573 - 542 dan 551 mata. Manakala Vietnam mendapat 511 - 508 dan 528. Manakala Thailand mendapat 427 - 441 dan 444 mata. Vietnam dan Thailand menggunakan bahasa ibunda sendiri bukan Bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan masing-masing. Ini harus menjadi peringatan yang baik kepada mereka yang menyangka prestasi dalam matematik dan sains hanya boleh meningkat dengan menggunakan Bahasa Inggeris. Kedudukan Malaysia secara keseluruhannya begitu teruk, tentulah kedudukan di kawasan desa dan pendalaman lebih teruk lagi. Ini sebenarnya memberikan kesan kepada pelajar-pelajar kita yang cemerlang untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terdapat beberapa di kawasan Sikamat. Yang pertama, isu perumahan yang paling lama iaitu Taman Jujur. Taman ini menghadapi masalah longkang yang serius kerana banyak longkang yang rosak dan apabila hujan, air akan masuk ke dalam rumah. Saya memohon Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menaikkan taraf longkang-longkang sedia ada bagi menyelesaikan masalah ini yang berlarutan sekian lama.

Yang keduanya, masalah longkang berhampiran stesen Petronas dari arah Kem Sikamat, yang mana setiap kali hujan, air dari longkang tersebut akan melimpah ke jalan raya. Ini menyebabkan seolah berlaku banjir kilat. Kejadian ini juga telah berlarutan setelah hampir setahun. Dan saya mohon agar kerajaan dapat melihat perkara ini supaya tidak berterusan dan akan merosakkan lagi sistem longkang dan juga jalan kawasan tersebut.

Ketiga adalah masalah lalu lintas yang merupakan satu masalah utama di Sikamat iaitu pembinaan lampu isyarat bagi kegunaan pelajar menyeberang jalan. Ia berhampiran Institusi Perguruan Raja Melewar. Untuk pengetahuan, terdapat ramai pelajar dan juga penuntut maktab di situ yang menggunakan jalan tersebut untuk melintas jalan. Keselamatan mereka harus kita utamakan kerana jalan tersebut sibuk dan merbahaya. Dan ada berlaku kemalangan. Saya mohon agar Kerajaan Negeri dan PBT untuk melihat perkara ini dengan serius.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Sikamat: Sebelum saya mengakhiri perbarasan, perbahasan ini, Sikamat ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sumbangan semua kakitangan kerajaan yang menyediakan bajet 2014 ini. Walaupun kami mempunyai perbezaan perundangan dengan pihak kerajaan, tapi kami menghargai usaha kakitangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan DUN Senawang.

Y.B. ADUN Senawang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama ini.

Dato' Yang Dipertua, masalah banjir di Batu 5, Jalan Tampin. Peruntukan di bawe [di bawah] P54 bagi Pengairan Dan Saliran yang berjumlah [berjumlah] Ringgit Malaysia 10.501 juta untuk diagihkan bagi melaksanakan [melaksanakan] projek-projek di bawah tiga program utama iaitu Rancangan Pengurusan Banjir sebanyak RM5.5 juta, Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Sembilan sebanyak RM3.0 juta dan RM1.4 juta bagi Pengurusan Pengairan Dan Saliran Pertanian merupakan peruntukan yang cukup tinggi. Dan jika digunakan sebaik

mungkin masalah isu banjir di bawah Rancangan Pengurusan Banjir di Batu 5, Jalan Tampin pasti dapat diselesaikan.

Dato' Yang Dipertua, tidak ada kajian terperinci oleh Majlis Perbandaran (PBT) berkaitan mahupun pihak Kerajaan Negeri menyebabkan jalan penyelesaian untuk mengatasi banjir terus gagal dan banjir terus berlaku serta memberi kesan negatif dan meresahkan pengu, penguni [pengundi]. Dato' Yang Dipertua, apa yang difahamkan sekarang ini kerja-kerja baik pulih bagi mengatasi isu banjir telah dibagikan [dibahagikan] ke tiga fasa yang, yang melibatkan Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai dan JPS telah pun ke peringkat kedua namun keadaan pertambah [bertambah] buruk lagi dengan adanya hujan pada masa kini.

Kerja-kerja melebarkan perparitan dan longkang tidak berkesan kerana limpahan ayer [air] terus berlaku kerana ruang menjadi sempit. Dan pagi [bagi] menghalang aliran ayer [air] semasa kerja-kerja baik pulih. Dato' Yang Dipertua, justeru itu sebelum kerja-kerja baik pulih ini diteruskan, pihak Majlis Perbandaran mahupun PBT dan JPS terlebih dahulu perlu mengambil kira pun, punca sebenar kejadian banjir ini kerana banyak cara telah dilaksanakan namun tidak berhasil. Oleh yang demikian, kerja-kerja melebarkan dan membersihkan aluran longkang dan perparitan seharusnya dimulakan dari Sungai Linggi ke Sungai Gadut kerana punca sebenarnya adalah sebabkan terdapatnya banyek [banyak] yang tersumbat dan sempit sehingga limpahan ayer [air] berlebihan tidak dapat dikawal di, banjir terus berlaku di Batu 5, Jalan Tampin. Sehubungan dengan itu, tinjauan [tinjauan] lokasi kajian dan kehadaan [keadaan] mengatasi perlu dilakukan segera agar isu banjir ini benar-benar dapat diatasi dan tidak berulang semula pada masa akan datang sebelum kerja-kerja baik pulih diteruskan.

Dato' Yang Dipertua, masalah ini, masalah yang tidak boleh terima. Dato' Yang Dipertua, banjir dan lempahan [limpahan] ayer [air] IWK dari kolam tukang, takungan Fasa 1 Taman Seremban Jaya ke Taman Bukit Emas. Bersama ini juga saya ingin menarik perhatian [perhatian] persidangan perhubung ban, berhubung banjir dan limpahan ayer [air] kumbahan dari kolam takungan IWK Fasa 1 Taman Seremban Jaya ke Taman Bukit Emas. Semua ayer [air] yang mengalir masuk dan saluran longkang di taman perumahan yang sedia ada agak kecil dan sempit ke kolam takungan ini dari arah pasar raya te, Tesco Fasa 1 Taman Seremban Jaya, Taman Senangin, Taman Merpati dan Taman Seri Kamban menyebabkan kualatiti [kuaniti] ayer [air] berlebihan tidak dapat ditampung sehingga limpahan air dan banjir ayer [air] kumbahan terjadi.

Keadaan saluran takungan yang sudah pun sedia dapat ditambah [ditambah] bebani pulak oleh projek pembangunan baru di Taman Merpati dan Seri Kamban. Banjir dan limpahan ayer [air] kumbahan ini bukan perkara baru tetapi telah lama perkataan. Namun tindakan sewajarnya masih belum diambil sehingga kini. Setiap kali hujan dan lebihan ayer [air] yang gagal ditampung pasti akan menyebabkan limpahan ayer [air] berlaku dan hampir 20 rumah, buah rumah di Taman Bukit Emas akan menjadi mangsa keadaan [keadaan]. Bagaimanakah isu ini akan diselesaikan? Dan sehingga bilakah penduduk terpaksa mengharungi suasana sedemikian rupa?

Dato' Yang Dipertua, tanah bagi pembinaan pembangunan sekolah menengah Tamil dan sekolah menengah Cina. Peruntukan dan penyediaan tanah bagi tujuan pembinaan dan pembangunan sesebuah sekolah Tamil dan sekolah Cina oleh pihak kerajaan merupakan satu perkara yang membanggakan dan perlu dihargai. Peruntukan tanah di Negeri Pulau Pinang telah pun disediakan, diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk tujuan ini. Tetapi ianya belum dilaksanakan Kerajaan Persekutuan kerana belum luluskan pembinaan sekolah menengah Tamil ini. Dato' Yang Dipertua, begitu juga dengan Negeri Perak yang memperuntukkan sejumlah 2,000 yeker [ekar] tanah ladang bagi sekolah Tamil dan 3,000 yeker [ekar] bagi sekolah Cina. Manalah [malahan] hasil yang diperolehi dari sumber ladang pula boleh digunakan bagi pembangunan dan pembinaan sekolah Tamil dan sekolah Cina. Dato' Yang Dipertua, bagaimana pula dengan pihak Kerajaan Negeri Sembilan, adakah sebarang peruntukan tanah khas disediakan ataupun hasil sumber tanah ladang yang boleh digunakan bagi tujuan pembinaan dan pembangunan sekolah Tamil dan sekolah Cina ini?

Dato' Yang Dipertua, P14 – Majlis-Majlis Perbandaran. Majlis, berdasarkan Laporan Audit 2012 terdapat beberapa kesalahan dan kelemahan yang telah dikesan di berapakah [beberapa] agensi kerajaan. Dan saya ingin menyentuh topik berhubung operasi membersihkan dan pemantauan [pemantauan] tahap kebersihan kedai makanan oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Dato' Yang Dipertua, kurangnya operasi pemeriksaan dan jangka masa hampir satu ke dua tahun serta operasi menge, mengejut dan secara tiba-tiba oleh Jabatan Kesihatan dan PBT menyebabkan banyak premis makanan ditutup pada satu-satu masa dengan memberi notis penutupan selama 14 hari. Ini tidak dapat memberikan kesedaran [kesedaran] sepenuhnya kepada peniaga sebaliknya hanya memberi kesan kepada pihak awam kerana sukar untuk mendapatkan tempat makan pula. Bagi mengelak keadaan seperti ini berlarutan, pihak Jabatan Kesihatan seharusnya menjalankan pemeriksaan setiap tiga bulan sekali bagi memastikan

pengusaha mengelakkan dan sentiasa mengutamakan kebersihan dalam penyediaan makanan. Kebersihan dapur

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: makan dan persekitaran

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Senawang: *Last minute.* Ya, ya ni, ni habis. Kekerapan operasi dan pemeriksaan ini boleh memberi kesedaran di dalam naluri peniaga di samping tahap kebersihan dikekalkan setiap masa.

Dato' Yang Dipertua, seperkara lagi, saya juga ingin menarik perhatian persidangan, kenapakah pegawai kesihatan atau pemeriksaan dari tiga bangsa majoriti sukar dilihat bertugas bersama. Laungan "1Malaysia" seolah tidak bermakna kerana kita ada kaum Melayu, Cina dan India. Yang ini mintak Menteri Besar kita yang jawab. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan Chuah.

Y.B. ADUN Chuah: Yang Berhormat Dato' Dipertua, terima kasih mengizinkan saya ambil bahagian untuk membahaskan belanjawan 2014. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Rantau dia kata minat pelabur bagi menanamkan modal di Negeri Sembilan, KDNK, terutamanya pelaburan utama ialah perhu, pembuatan. Maknanya, keduanya perkhidmatan. Tapi apabila kita tengok balik, khususnya di Nilai 3, kita nampak banyak pelaburan asing, memang betul. Orang Pakistan buat berniaga di Nilai 3. Malangnya orang tempatannya hanya buat berniaga di tepi sebagai pasar, jualan pasaran basah. Sayur dan buah-buahan. So, apakah kerajaan ada langkah atau tindakan untuk meningkatkan anak tempatan, bagi modal ataupun untuk beliau ataupun sama-sama anak muda ni melabur, pelaburan di pasar yang boleh memanfaatkan ekonomi mereka.

Dato' Yang Dipertua, apabila kita baca balik audit PBT, Majlis Perbandaran PD, tunggakannya sampai [RM]17 juta, maknanya 40

peratus. Hampir separuh tak dapat kutip cukai taksiran. Sebenarnya Kerajaan Negeri sepatutnya kena ambil satu tindakan atau apa langkah-langkah untuk mengutip balik khususnya di kawasan saya tengok, kemungkinan adakah salah tempat, tapak kosong ka, kolam ka jadi taksiran. Satu. Yang kedua, banyak tempat dah terbengkalai khususnya di Taman Jimah Jaya, Tanah Merah Site C. Bukan hanya rumah terbengkalai terbiar dan jugak sampah sarap ditubuhkan. Dan oleh kerana tu saya mintaklah PBT yang tempatan tu bolehlah ambil tindakan dan cuba hantar notis kepada tuan punya untuk kutip tunggakan dan jugak membersihkan kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tengok apabila kita katakan faktor sosial, rumah awam kos rendah. Membiayai dan mengubah suai untuk rumah awam kos rendah. Di sini kita tak nampak di mana kita kena buat atau bina rumah awam kos rendah, kita memang tahu PR1MA sentiasa dia buat di *township*, di bandar. Apabila kita kata dekat luar bandarnya, masih ada rancangan ke tidak? Jikalau ada, jumlah berapa unit rumah awam kos rendah ni, kena dibina atau di mana? Oleh kerana tu, rakyat di sejak, kerajaan ni bolehlah pohon di luar bandar mahupun di bandar.

Dalam soalan saya, dulu, dalam Dewan mulia ini, rumah kos rendah atau rumah awam kos rendah di Tanah Merah dah ambil alih, *requisition* tanah di *Tanah Merah estate*, sampai kini masih belum bina. So, oleh kerana tu, saya mintaklah Kerajaan Negeri ini bolehlah ambil tindakan ataupun bagi penjelasan bilakah bina atau bila nak siap.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila kita tengok balik beberapa faktor sebagai JPS. Kita tengok apabila musim hujan, beberapa tempat tu bertakung, banjir kilat. Adalah menyebabkan kemungkinan besar sebab maju, dah terlampau maju ataupun banyak bangunan telah dibuat. Oleh kerana tu, sepatutnya kita ada satu langkah untuk bersihkan sungai, parit dan lain-lain. Termasuk *monsoon drain*. Dato' Yang Dipertua, saya sebenarnya telah bersoalkan dalam soalan tulis kali ini, saya tanya adalah satu longkang konkrit 'U' dibina atas sebidang tanah Pekan Bukit Pelandok. Saya dapat surat daripada JPS PD, dia katakan konkrit tu agak kecil, bersaiz tu sangat yang kecil yang dipasang di dalam rezab parit adalah terlalu kecil berbanding dengan saluran sedia ada. Di mana di bahagian hulu kawasan ini akan terdedah kepada kejadian bajir apabila musim hujan. Tetapi dalam jawapan tu, jawapan yang senang saja, dia kata dia akan membersihkan longkang tersebut, yang sedia ada. Maknanya akan selesai masalah. Tapi pokoknya, saluran tersebut tu asalnya 15 kaki, apabila pembinaan tu dah buat, hanya tinggal lima kaki. Maknanya saiz tak betul. Pada asalnya rancangan atau *plan* tersebut, dengan izinnya,

patut dia buat *rubber wall*. Hari ni dia buat *U-concrete* tu, jikalau dia kata boleh menampung aliran air tu, *engineer* dia masalah tu, rakyat di sekeliling tu risau. Berpuluh tahun apabila hujan lebat tu, malam tak ada tidur, takut bajir. Oleh kerana tu saya mintaklah, Kerajaan Negeri, Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri ambil tindakan sebab bila, apabila JPS PD hantar surat, dia katakan dia dah, terlalu kecil. Tapi sini dia kata selesaikan longkang, membersihkan tu akan selesai masalah. Maknanya kita bukan nak, nak bersihkan, tindakan dia macam mana? Sebab pembangunan tu sedia ada, adakah longkang tu kecil ataupun ada alternatif untuk muara, *the mouth of exit and extention* tu boleh buat besar, dengan izinnya.

Dato' Yang Dipertua, apabila tengok balik pertanian ataupun veterinar, P51 – 52. Kita memang tahu, Jabatan Pertanian ataupun pertanian adalah satu kehidupan yang mampu rakyat perlu. Tapi apabila kita tengok balik, beberapa kawasan khususnya akuakultur, adakah kerajaan untuk rancangan ataupun apa-apa langkah untuk ben, meningkatkan akuakultur tu untuk menanam semula hutan bakau untuk memelihara udang atau ketam dan lain-lainnya khususnya di sepanjang pantai Kuala Lukut, Sepang sampai Pasir Panjang. Jikalau macam tu, itulah boleh meningkatkan nelayan kehidupan dan pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jugak dalam kawasan saya, adalah pengkalan nelayan Sungai Nipah, dia kata jalan tu sejak sekian lama tak naik taraf, di pintu 1. Yang Berhormat Rantau tau tempat itulah. Mintaklah jasa baik menaik taraf jalan tu. Apabila nelayan keluar masuk apabila musim hujan tu, sarat, kalau naik motor tu takut jatuhlah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila kita katakan penternak, memang orang kata dia akan mintak sebab PFA dan lain-lain. Yang penting sekali pada sidang yang lalu, saya pernah mintak, sebab adalah sekumpulan mangsa yang terlibat wabak, dah bawak kes ke mahkamah, akhirnya tak dapat apa-apa pampasan ataupun ganti rugi ataupun selain-lainnya. Oleh kerana tu, saya mintak Kerajaan Negeri buatlah satu usaha ataupun satu cadangan mereka ni akan cuba buat transformasi ataupun tak boleh giat berniaga hari ini, bagilah apa-apa pun, mereka akan pohon dari Kerajaan Negeri. Mereka pun dah pergi ke pusat Putrajaya untuk memintak nak ternak lembu, kambing dan lain-lain. Sebab di tempat asalnya tempat pun tak ada. Kalau boleh cadangkan negeri, Kerajaan Negeri bolehlah bagi sebidang tanah untuk menternak lembu ka, kambing ka, ataupun lain-lain.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Chuah: Tak cukuplah Dato'. Setahun sekali bajet, belum mintak lagi. Sekejap lagi. Dato' Yang Dipertua, yang penting sekali apabila saya tengok Jabatan Veterinar tu, nanti ya, sepatutnya kita katakan prihatin dengan rakyat, tapi dekat sini saya dapatlah sikit maklumat. Adalah tiga peserta penternak lembu di kawasan Chuah, nama dia Wong Tak Loy – lembu daging, sepatutnya lulus oleh jabatan dan jugak Jihani bin Mohd. Ripin, dan Reganathan a/l Subramaniam, ini dua-dua peserta ini adalah lembu tenusu telah dapat surat kata lulus. Dan akhirnya tak tahu kenapa pulak, nama tergugur tak dapat. Adakah diagih ke mana-mana. Oleh kerana tu saya mintaklah Kerajaan Negeri khususnya jabatan yang berkaitan tu jelas. Kalau dapat balik, bolehlah calon balik. Kalau tak ada, setiap tahun dia mintak subsidi pertolongan tu tak 'dapek'.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chuah: Sikit lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dah sikit dah.

Y.B. ADUN Chuah: Sikit, belum lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dah bagi tadi sikit.

Y.B. ADUN Chuah: Satu tahun. Belum lima minit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tau kos kehidupan amat sukar

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti akan ambil masa orang lain. Jadi

Y.B. ADUN Chuah: Okay, sikit, sikit. *Last.*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: sila duduklah.

Y.B. ADUN Chuah: Sikit saja. So, oleh kerana tu, dah, infrasasi [inflasi], barang dah naik, semua dah naik. Kalau kita banding, tengok lain-lain tempat tu, kakitangan kerajaan ni sepatutnya nak mintak naik gaji. So, Wakil Rakyat akan perjuang untuk merekalah. Kalau kita banding tengok negeri lain, ahli-ahli Yang Berhormat tu adalah kaji semula elawan [elaun] naik, semua naik. Tak setuju ke? *You* tak naik sebab ada wang hantar luar negara. Kita tak ada. So, oleh kerana tu saya mintaklah Dewan yang mulia ni, dulu yang kita dapat elawan [elaun] pusat perkhidmatan pun dah potong. Oleh kerana tu, kita mintak kaji semula. Kalau kita banding dengan negeri yang kecil sebagai Perlis, hari ni buat usul nak meningkatkan atau kaji semula naik elawan [elaun]. Oleh kerana tu, saya menyeru dan pohonlah jasa baik Dewan yang mulia, jikalau bolehlah kaji semulalah sebab bukan saja kita kalau nak Wakil Rakyat terima dengan profesional, dia memanglah cara profesional-lah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chuah: Oleh itu jugak saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian, terima kasih. Dan akhir katanya ucap terima kasih kepada kakitangan kerajaan untuk menyempurnakan belanjawan 2014. Sekian terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Sila.

Y.B. ADUN Lukut: Yang Berhormat Dato' Tuan Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Yang Pertama ini. Dato' Tuan Yang Dipertua Dewan, serta ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di dalam perbahasan saya kali ini, saya ingin mengambil perhatian semua ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan sistem demokrasi. Saya berasa semua ahli Yang Berhormat sangat bangga kerana dipilih oleh pengundi di kawasan masaing-masing. Saya juga berasa sangat bangga kerana selaku ADUN Pembangkang, saya sedia memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Sembilan atas dasar-dasar faedah rakyat dan negara. Saya juga berharap agar Kerajaan Negeri Sembilan dapat memberikan kerjasama kepada semua ADUN dari Pakatan Rakyat. Saya juga berasa bangga dan penuh bertanggungjawab kerana pengundi-pengundi di kawasan Lukut saya telah memberi amanat kepada saya selaku ADUN mereka untuk membangkitkan isu-isu atau masalah yang mereka hadapi. Saya

juga dapat membantu mereka dari sudut kebajikan dan sebab, sebagainya di samping saya dapat berkongsi idea dengan semua ahli-ahli Yang Berhormat dan Kerajaan Negeri Sembilan.

Dato' tan, Tuan Yang Dipertua, sistem demokrasi telah diamalkan lebih setengah abad di negara kita. Akan tetapi sistem demokrasi di negara kita masih berada di tahap yang kurang memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti England, Australia dan juga India dan lain-lain lagi. PRU 13 sudah pun berlaku, semua pihak yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, bolehkah kita lupakan perjuangan-perjuangan peribadi, lupakan semua agenda-agenda parti dan peribadi? Kerana semua itu sudah tidak penting lagi tetapi agenda faedah rakyat dan negara yang paling penting kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, sepatutnya mengambil berat atas kerjasama seperti yang saya sebutkan tadi.

Walaupun Barisan Nasional sudah pun menang dan tampil sebagai Kerajaan Negeri, janganlah menggunakan kuasa mutlak tersebut dengan sewenangnyanya. Bahawa kuasa adalah diberi oleh rakyat. Rakyat berharap juga kerajaan mengikut sistem demokrasi yang saksama dan adil. Sebagai contoh, sejak tahun 2008, Kerajaan Barisan Nasional sudah menghentikan semua elaun pusat perkhidmatan dari DUN Pembangkang. Saya berharap supaya elaun tersebut dapat disambung semula. ADUN-ADUN Pakatan Rakyat juga dipilih oleh rakyat. Kerajaan Negeri boleh cuba berganding bahu dengan secara adil kepada ADUN dari Pakatan Rakyat dan utamakan rakyat serta negra, negara. Mana-mana pihak yang telah kalah, perlulah dihormati dan mana-mana pihak yang telah menang, kami dari pihak Pembangkang juga perlu menghormati dan mengakui kerajaan yang sudah ditadbir. Ini adalah sistem demokrasi yang sihat dan kukuh.

Pihak pembangkang dan kerajaan perlu saring [saling] menghormati. Kita tidak mahu nafas seperti negara Thailand masa kini, kerajaan yang dipilih tidak menghormati pihak pembangkang. Parti politik tidak menghormati sistem demokrasi di negara itu. Oleh sebab itu, keadaan negara tersebut tidak stabil dan keselamatan terancam, terancam serta pelabur-pelabur asing sudah menarik diri. Itu menyebabkan keadaan ekonomik negara merosok [merosot].

Dato' Tuan Yang Dipertua Dewan, kita boleh hidup dalam keadaan yang aman tanpa ada apa-apa ancaman keselamatan di negara ini. Yang penting mestilah dengan idea, dasar-dasar yang baik dari kumpulan Pakatan Rakyat. Kerajaan pemerintah patutlah mengambil perhatian dan melaksanakannya. Contohnya, peruntukan-peruntukan di bawah P50 – Pejabat Menteri Besar dan P56 – Kerja-Kerja Kecil, bukan sahaja

dibeli [diberi] kepada kawasan ADUN Barisan Nasional, saya dapati adalah diberi peruntukan kepada kawasan-kawasan DUN pembangkang. Manalah, marel [malah] peruntukan juga diberikan kepada kawasan-kawasan atau ADUN dari pembangkang secara terus dan adil. Ini adalah satu format yang boleh kita gunakan dan kerjasama untuk mencapai matlamat negara. Ini juga ada, adalah format demokrasi yang baik serta kukuh dan akhirnya dapat memberi faedah kepada rakyat dan juga negara.

Kerajaan pemerintah juga mestilah mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya saling berhubung kait baik, kait bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan sistematik. Sebagai contoh, baru-baru ini satu longkang besar di Pekan Lukut telah tersumbat, yang menjadi punca kejadian banjir kilat yang teluk [teruk], yang teluk [teruk]. Dan apabila pihak JPS telah membersihkan longkang tersebut, mereka tidak membersihkan dengan sepenuhnya kerana apabila sampai di *culvert*, dengan izin, yang berada di bawah jalan Port Dickson – Seremban, iaitu atas penyelenggaraan pihak JKR, projek pembersihan tersebut telah terbengkalai dan tidak diselesaikan sepenuhnya. Ini menyebabkan satu pembaziran duit rakyat. PBT juga boleh ke, bekerjasama dengan ADUN Pakatan Rakyat serta mendengar dan mengambil langkah tersebut jika boleh diguna pakai.

Kerja, kerajaan juga harus mempertimbangkan permohonan ADUN Pakatan Rakyat untuk turut serta dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah supaya mereka juga dapat berganding bahu dalam menyelesaikan masalah yang diharapi [dihadapi] penduduk setempat. Kita mesti ada semangat sedia perjuangan untuk mengurangkan politik perkauman, politik rasuah dan politik keadaan kepada semua.

Dato' Tuan Yang Dipertua Dewan serta ahli-ahli Yang Berhormat, akhir kata saya, saya berharap agar kerja, Kerajaan Negeri dapat kerjasama dengan ADUN Pakatan Rakyat untuk memajukan negeri, menyelesaikan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh negara kita. Pada pandangan saya, saya berasa kita semua haruslah mempelajari dan mengikut sistem demokrasi yang sihat dan adil. Marilah kita sebagai ADUN-ADUN di nega, Negeri Sembilan bersama-sama bekerjasama dan berganding bahu untuk majukan negeri yang kita cintai. Sekian, ucapan saya terima kasih dan selamat sejahtera. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan, Temiang.

Y.B. ADUN Temiang: Dato' Yang Dipertua Dewan, saya bangun membahaskan Belanjawan 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada minggu lepas. Dato' Yang Dipertua Dewan, saya merasakan bahawa belanjawan 2014 yang dibentangkan tersebut adalah kurang memuaskan semua rakyat di Negeri Sembilan. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri telah menyediakan belanjawan berimbang sahaja beberapa tahun ini, sejak tahun 2009. Maka terbukti tiada peningkatan dan pembaharuan sistem perubahan, dalam sistem pengurusan Kerajaan Negeri Sembilan. Keadaan ini telah menyebabkan setiap tahun Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa program yang boleh meringankan beban kehidupan rakyat di Negeri Sembilan. Maka dengan belanjawan berimbang ini, setiap tahun akan meminta belanjawan tambahan bagi menanggung perbelanjaan jambatan, jabatan masing-masing. Jadi, ini bermakna secara tidak langsung membuktikan bahawa kewangan negeri adalah defisit. Maka Kerajaan Negeri mesti mencari punca kewangan yang lain yang baru bagi menyelesaikan masalah ini.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara pertama yang saya nak bangkit adalah berkenaan dengan cukai tanah. Cukai tanah merupakan satu pendapatan yang utama di Negeri Sembilan. Walaupun Kerajaan Negeri mensasarkan 90 peratus cukai tanah yang dijangka dikutip, tetapi saya berharap Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada cukai tanah yang dikenakan kepada beberapa parti, beberapa bangunan parti iaitu wisma parti UMNO yang terletak di Dato' Sheikh Ahmad, di Jalan Dato' Sheikh Ahmad, wisma parti MIC yang telah di, yang terletak di Jalan Tuanku Munawir dan wisma parti Gerakan yang terletak di Jalan Tun Dr. Ismail. Ketiga-tiga wisma ini terletak di pusat bandar dan besar. Tetapi mengikut maklumat yang perolehi, perolehi daripada jabatan tanah bahawa cukai tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri terhadap pemilik-pemilik premis tiga-tiga wisma ini adalah begitu rendah sekali. Wisma UMNO contohnya hanya dikenakan Ringgit Malaysia 508.00 ringgit setahun sahaja. Wisma MCA hanya dikenakan 216.00 ringgit setahun. Wisma Gerakan hanya dike, dicajkan RM100.00 ringgit sahaja, setahun. Kadar ini serupanya kadar yang dikenakan kepada pemilik-pemilik tanah TOL dan lebih tinggi berbanding dengan kadar cukai di kampung-kampung.

Jadi saya nak tanya, apakah keistimewaan ketiga-tiga wisma parti ini? Mengapa mereka dikenakan cukai tanah yang begitu rendah kalau berbanding dengan yang lain-lain. Setiap bulan pemilik-pemilik ini telah menjanakan keuntungan, keuntungan yang banyak. Contohnya, contohnya bangunan UMNO telah mengenakan sewa lebih kurang 14, [RM]42,000.00 sebulan kepada Perbandaran Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Maka kadar cukai tanah yang rendah setiap bulan

akan membawa untung bersih yang banyak kepada parti tersebut. Jelas terbukti, adakah Kerajaan Negeri bertujuan memperkukuhkan kewangan parti-parti masing-masing?

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara yang kedua adalah berkenaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ramai warga tua dan golongan yang berpendapatan rendah membuat permohonan setiap bulan. Bantuan JKM merupakan satu bantuan yang utama bagi golongan ini. Tetapi masalah yang berlaku pada masa sekarang adalah pemohon-pemohon terpaksa mengambil masa yang sangat lama untuk menunggu keputusan sama ada permohonan mereka berjaya diterima atau, berjaya diterima oleh pihak JKM ataupun tidak. Seperti contohnya, saya telah mengemukakan satu soalan lisan, satu soalan bertulis di mana 10 orang pemohon yang telah dipohon pada bulan, bulan Mac dan bulan Julai tahun ini. Tetapi sehingga hari ini tiada jawapan. Dan bila saya membuat soalan bertulis, barulah dapat jawapan bahawa ada di kalangan mereka yang tidak layak, ada, ada yang masih dalam siasatan. Contohnya ada yang bernama Lim Cheng Chuan. Be, di mana permohonan, permohonannya telah dibawa pada bulan Julai, tetapi sehingga hari ini masih dalam siasatan. Mengambil, mengambil masa lima bulan tetapi masih dalam siasatan.

Saya juga berharap pihak JKM perlu memberi perhatian bahawa setiap bulan, setahu saya penerima-penerima bantuan JKM akan dipanggil ke Dewan MPS untuk meni, menerima bantuan bulanan mereka. Dan warga-warga tua ataupun peneri, penerima datang lebih awal, lebih kurang pukul 9.00 ke Dewan MPS untuk meni, menerima bantuan. Tetapi pegawai JKM hanya sampai pada 9.30 pagi. Maka, saya berharap pihak JKM boleh merin, menyediakan makanan ringan kepada warga-warga tua ataupun penerima-penerima kerana mereka telah menunggu begitu lama dan tentu berasa lapar. Dan saya juga berharap pihak pegawai-pegawai JKM bolehlah sampai ke Dewan MPS awal sikit, janganlah, janganlah biarkan mereka tunggu begitu lama.

Saya juga berharap pihak JKM boleh memakmarkan, memaparkan apa-apa maklumat terkini mengenai berkenaan permohonan JKM melalui surat khabar kerana pada masa sekarang hanya surat notis terpapar di pejabat JKM sahaja. Pemohon-pemohon kena pergi ke pejabat JKM yang terletak jauh di Seremban 2 untuk perkembagnan, perkembangan yang terkini.

Dato' Yang Dipertua, saya juga berharap pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran boleh membersihkan pasir-pasir yang ada di sungai di depan Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Temiang kerana pasir-pasir yang termendap di sungai ini telah menjadikan sungai tersebut menjadi

cetek. Maka tidak mampu lagi menanggung kuantiti air hujan yang banyak dan menyebabkan berlakunya banjir kilat di, di bahagian depan kedai *Hong Pang Accessories* Jalan Temiang. Jadi saya berasa pembersihan pang, pasir ini di sungai in boleh mengurangkan masalah banjir di jalan tersebut. Saya juga bercadang kepada Kerajaan Negeri bahawa satu sis, satu sistem longkang yang baru perlu dibina untuk menyalurkan air hujan dari sungai tersebut ke, ke luar tempat supaya tidak bertakung di Jalan Temiang.

Dato' Yang Dipertua de, Yang Dipertua Dewan, perkara yang seterusnya adalah berkenaan dengan Majlis-Majlis Perbandaran dan Daerah. Sepatutnya, sepatutnya Majlis-Majlis dan Daerah petingkat, bertindak dengan pantas masalah rakyat. Tetapi kita nampak kebanyakan aduan rakyat tidak ditangani dengan masa yang cepat. Walaupun berbagai cara aduan telah diguna, seperti menggunakan e-aduan, berjumpa dengan pegawai jabatan ataupun menghantar memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tetapi malangnya masalah tersebut masih tidak diselesaikan. Contohnya pada pembinaan bonggol jalan di Sekolah Chi Hwa, di mana surat memorandum di, telah dihantar pada bulan Julai. Barulah sampai ke hari ini dijawab.

Saya juga berharap pihak MPS boleh menurap semula jalan-jalan di Kampung Baru Rahang di mana kampung itu adalah kampung tinggal saya terutamanya jalan di depan nombor rumah 212 sehinggalah ke, di depan nombor 200 ke nombor rumah 212, di Kampung Baru lahang, Rahang kerana jalan terse, tersebut berlubang besar dan membahayakan pengguna-pengguna jalan raya.

Selain itu, saya juga berharap pihak Kerajaan Negeri boleh memberi pengiktirafan secara rasmi kepada tokong Cina di Kampung Bukit Jong iaitu Tokong Cina Then Sze Kong, di mana tokong Cina ini telah bersejarah melebihi 100 tahun. Ahli-ahli Lembaga Pengurus Tokong ini telah berkali-kali memohon kepada Jabatan Pelancongan dan kementerian, Kementerian Pelancongan supaya membolo, supaya boleh mengiktirafkan secara rasminya tokong ini dijadikan sebagai tekan, dijadikan sebagai tempat pelancongan rasmi Negeri Sembilan. Tambahan pula, tokong ini begitu unik sekali kerana keadaan sekelilingnya terdapat masjid India, kuil India. Dan saya berasa inilah keistimewaan tempat ini dijadikan sebagai tempat pelancongan yang bersejarah di Negeri Sembilan. Setiap hujung minggu, ramai pelancong-pelancong dari dalam negeri ataupun luar negara seperti *Singapore*, datang melancong di tempat, di tokong ini. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri boleh menimbang supaya tokong ini dijadikan sebagai satu tempat pelancongan Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, Dipertua Dewan, saya juga mengambil kesempatan pada Dewan yang mulia ini, mengucapkan syabas kepada dua atlet sukan daripada Persatuan Chin Woo Negeri Sembilan yang bernama Phoon Eyin dan Tai Cheau Xuen. Di mana kedua-dua atlet sukan ini telah memenangi pingat emas di pada, di pertandingan wushu antarabangsa yang baru-baru berlangsung di Malaysia, pada 28 Oktober dan sehingga 6 November 2013. Maka saya berharap Kerajaan Negeri boleh memberi ganjaran kepada kedua-dua atlet ini, dan Persatuan Chin Woo Negeri Sembilan memandangkan persatuan berjaya melahirkan atlet wushu yang menaikkan imej Negeri Sembilan. Dan kejayaan ini adalah berturut-turut selama tiga tahun. Maka saya rasa satu jan, ganjaran yang khusus perlu diberikan kepada Persatuan Chin Woo Negeri Sembilan supaya persatuan ini terus boleh mela, boleh melahirkan atlet-atlet wushu yang lebih handal pada masa depan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat masa dah cukup.

Y.B. ADUN Temiang: Saya baru habis. Itu saja. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar lagi saya akan menangguhkan persidangan ini. Sesi perbahasan Rang Udnang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 akan disambung semula pada 2.30 petang pada hari ini. Saya juga menjemput Yang Amat Berhormat, ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wartawan dan semua yang hadir di persidangan ini ke Dewan Serbaguna, Wisma Negeri untuk jamuan makan tengah hari. Dewan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.01 petang]

[Dewan disambung semula pada jam 2.35 petang]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmanirrahim. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan usul kita. Silakan. Silakan Mambau.

Y.B. ADUN Mambau: Yang Amat Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mem, mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara yang pertama, saya ingin sentuh ialah pada P50 iaitu peruntukan Menteri Besar sejumlah Ringgit Malaysia 10 juta digunakan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan masyarakat. Dato' Yang Dipertua, pada persidangan, persidang, persidangan Dewan kali ini, saya ada bangkitkan satu soalan bertulis nombor 4, yang bertajuk "CCTV Sekolah". Dan soalan ni telah ditolak atas alasan kerana tajuk ini adalah di bawah bidang kuasa peringkat Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan atas permohonan peruntukan P50 ini untuk pemasangan CCTV sebagai sumbangan kepada sekolah-sekolah di seluruh Negeri Sembilan demi kawalan dan keselamatan guru-guru dan pelear, pelajar-pelajar di sekeliling kawasan sekolah tersebut.

Di samping itu juga, saya juga dapat aduan daripada pihak ibu bapa dan persatuan PIBG sekolah khususnya sekolah, Sekolah Jenis Kebangsaan, SJK, yang sentiasa membangkitkan isu masalah kelengkapan dan keadaan meja-meja dan kerusi-kerusi yang berada dalam bilik darjah masih belum tukar baru pada masa yang agak lama dan dalam keadaan yang kurang memuaskan. Saya ingin menggesakan kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mempertimbangkan dan menyalurkan peruntukan ni sebagai sumbangan juga bagi menukar meja-meja dan kerusi-kerusi yang baru kepada pihak sekolah masing-masing demi pelajar-pelajar anak negeri kita dapat belajar dalam keadaan suasana yang selesa.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang kedua saya ingin bangkitkan ialah tentang tajuk, tajuk B14 iaitu Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 sejumlah RM6.4 juta pada Majlis-Majlis Perbandaran dan Daerah. Untuk makluman, kebanyakan taman perumahan di kawasan DUN Mambau telah melebihi 30 tahun. Dan segala kemudahan awam dan infra, *infrastructure* seperti longkang parit, longkang monsun, telah mula rosak dan runtuh. Dan punca utama ialah hakitan, hakisan tanah yang tidak terkawal dan mengagih, mengakibatkan lubang besar dan sungguh membahayakan pengguna lalu lintas di situ.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa beberapa kawasan hakisan tanah runtuh dan kerosakan langka, longkang di DUN Mambau masih ditangguhkan untuk diperbaiki walaupun aduan-aduan telah dihantar kepada pihak

NG, MPS sejak awal tahun 2013. Seperti nombor satu, lokasi nombor satu, di lorong belakang Blok G Rumah Pangsa Rasah Jaya, *flats Rasah Jaya*. Nombor, nombor dua, gerai buah-buahan Fasa 6 Rasah Jaya. Nombor tiga, lorong hadapan, hadapan jambatan Wisma Mawar Jalan Tok Ungku. Nombor empat, lorong belakang nombor rumah 105, 105 Jalan Merbuk 2 Taman Bunga Blossom dan juga lorong Jalan 2 Taman Layang-Layang.

Dato' Yang Dipertua, keadaan kesemua kawasan yang disebutkan tadi agak membahayakan kepada pengguna lalu lintas di sekitar kawasan tersebut. Dan baru-baru ini, ada dua buah kereta telah terhempas jatuh ke dalam longkang monsun di long, di lorong mon, di lorong Taman Bunga blosom, di lorong Taman Bunga Blossom akibat hakisan tanah tepi jalan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak hem, MPS haruslah lebih prihatin dalam memenangi permasalahan rakyat dengan tindakan yang pantas dan segera perlu diambil bagi menjamin kesejahteraan hidup serta keselamatan rakyat. Dan pada pendapat saya, pihak MPS khususnya Jabatan Kejuruteraan harus, harus mengambil ten, berat tentang aduan yang dibangkitkan. Jabatan Kejuruteraan harus meringkaskan *procedure*, minta izin, terhadap tender-tender permohonan supaya meluluskan projek-projek kecil seperti pembaikai, pembaikan longkang dengan lancar dan telus. Begitu juga, maklum balas status proses kerja-kerja yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada pengadu dari masa ke semasa supaya mereka kena pasti aduan mereka dipandang berat oleh pihak yang terbabit.

Di samping itu juga, berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Majlis-Majlis Perbandaran dan Daerah ini, saya ingin sentuh serba sedikit juga tentang dalam isu masah, isu masalah kenderaan berat membuatkan tanah yang melalui jalan taman perumahan di Taman Layang-Layang dan di Taman Seri Kamban. Dan ini telah mengakibatkan masalah kekotoran jalan, gangguan bising, lori-lori memandu dengan cepat, pantas dan semua ni mungkin akan mengancam keselamatan penduduk-penduduk di situ. Sungguh pun projek mengalih tanah tersebut tidak dap, telah dapat kelulusan daripada pihak MPS, tetapi pihak berkenaan harus memberi pemantauan yang secukupnya supaya pihak kontraktor sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh kerana projek ni didapati tahu akan mengambil tempoh masa sepanjang enam bulan. Saya berharap pihak berkuasa MPS akan membuat kajian semula untuk menentukan satu jalan *alternative* yang baru, dengan izin, bagi projek tersebut, untuk mengatasi masalah ini supaya lori-lori kenderaan berat tidak melalui jalan hadapan rumah di dalam taman perumahan.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya ingin sentuhkan ialah P54 – Pengairan Dan Saliran. Saya ingin meninjau satu kawasan yang sentiasa berlaku banjir kilat pada waktu hari hujan lebat di kawasan DUN Mambau. Iaitu kolam tangkungan [takungan] di lokasi hadapan jalan Seremban 3/30, Taman Seremban 3. Selaku pemimpin tempatan, apabila dapat aduan saya sentiasa memantau kolam tersebut pada hujan lebat. Dan mendapati kolam tangkungan [takungan] air tersebut akan hampir penuh air hujan setinggi lapan kaki ke atas, hampir ke atas aras jalan raya pada hanya hujan tidak sampai sehingga setengah jam, berturut-berturut dan mengakibatkan banjir kilat di sekeliling taman perumahan di, di situ. Walaupun pihak pemaju kerap kali mengambil tindakan untuk membersihkan tanah liat dan simak [semak] samun di tebing sungai tersebut, tetapi, tetapi ia tidak juga begitu berki, berkesan bagi menyelesaikan, menyelesaikan masalah tersebut.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga mengambil kesempatan pada Dewan yang mulia ini supaya menyeru pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran dapat menaik taraf dan kalau boleh membuat kajian semula untuk membina tembok dinding batu di sepanjang tebing sungai tersebut bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di situ.

Dato' Yang Dipertua, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih terhadap, kepada semua pihak termasuk pengarah-pengarah jabatan kerajaan yang hadir dapat, yang hadir dapat memberikan kerjasama untuk saya menjalankan tugas dengan licin pada masa yang akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan. Kalau tak ada saya mintak pihak kerajaan menjawab. Silakan Nilai.

Y.B. ADUN Nilai: Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kerana memberikan, membenarkan saya untuk meng, mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini.

Dato' Yang Dipertua, di bawah P55 – Anggaran Perbelanjaan, peruntukan untuk Jabatan Kerja Raya telah diperuntukkan sebanyak Ringgit Malaysia 12.395 juta. Iaitu peruntukan ini akan digunakan untuk Jabatan Kerja Raya Negeri untuk melaksanakan tiga projek utama iaitu menaik taraf sebanyak [RM]9.335 juta. Menaik taraf untuk jalan adalah sangat penting untuk bandar dan juga di luar bandar agar sistem jalan raya negara, jalan raya di negeri ini dapat ditingkatkan dari segi kualiti dan juga kita dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan juga kemalangan di jalan raya.

Oleh itu pada, pada perbahasan ini saya ingin merujuk, mengambil perhatian kepada pihak JKR harus mengambil tahu kesesakan lalu lintas di jalan daripada Mantin ke Nilai, dan juga daripada Nilai ke Mantin. Iaitu di mana setiap pada waktu pagi dan juga pada waktu petang, berlaku kesesakan lalu lintas hampir tiga atau empat kilometer di laluan tersebut. Kesesakan lalu lintas ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Yang pertama, jalan masuk keluar untuk lebuhraya LEKAS terletak dalam laluan ini. Sis, stesen komuter Batang Benar juga terletak dalam laluan ini. Dan juga beberapa projek perumahan baru khasnya yang dibangunkan oleh pemaju Seri Pajam yang melibatkan beberapa, beratus ekar di situ, serta lori-lori sampah, bilangan kenderaan lori-lori sampah yang menggunakan jalan itu jugak semakin hari semakin meningkat. Oleh itu, jalan itu, bilangan kenderaan yang tinggi menyebabkan banyak kemalangan juga berlaku dalam laluan daripada Mantin ke Nilai. Oleh itu saya memohon kepada pihak Jabatan Kerja Raya supaya naik taraf jalan itu amat penting memandangkan beberapa perkara penting terletak dalam laluan tersebut.

Dan lagi satu isu berkaitan dengan Jabatan Kerja Raya jugak, iaitu masalah air bertakung di atas jalan. Di beberapa jalan di situ, di Nilai semasa hujan berlaku kalau dalam setengah hujan jugak, berlaku air bertakung di atas jalan dan ini menyebabkan beberapa kemalangan pernah berlaku dan juga kesesakan lalu lintas yang teruk. Contohnya di jalan dari Nilai ke Taman Semarak iaitu berhadapan dengan pasar sementara, pasar awam sementara Nilai, terdapat satu tempat di mana air itu bertakung apabila hujan. Dan juga lagi satu tempat, iaitu *flyover*, dengan izin, bersebelahan dengan Taman Semarak, *flyover* pun boleh berlaku keta, pertakungan air. Oleh itu saya memohon kepada Jabatan Kerja Raya untuk mengambil tindakan terhadap masalah-masalah ini yang melibatkan Jabatan Kerja Raya supaya kemalangan, kesesakan lalu lintas dan juga beberapa insiden yang berkaitan dengan jalan raya dapat diatasi, di laluan Mantin ke Nilai.

Dato' Yang Dipertua, di bawah P56 untuk Kerja-Kerja Kecil sebanyak Ringgit Malaysia 8.15 juta telah diperuntukkan dalam belanjawan 2014. Dan bela, peruntukan ini diselia diuruskan oleh Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar. Dan jika kita bahagikan [RM]8.15 juta ini so setiap ADUN boleh dapat ataupun setiap DUN boleh diberikan lebih daripada [RM]200,000.00. Dan kita, kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kita berada di situ dan rakyat di situ membuat ap, masalah mereka mengadu kepada kita sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri. Bukan setakat Pakatan Rakyat, di sebelah Barisan Nasional pun, mereka mengadu kepada kita kerana kita adalah orang yang berada berdekatan dengan penduduk di situ. Setiap masalah, setiap

kerusakan ataupun setiap insiden yang berlaku di situ, mereka rujuk kepada kita. Dan kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kita tahu mana satu perkara yang perlu diberikan keutamaan. Dan kita tahu, mana satu, masalah yang perlu diberikan keutamaan. Dengan adanya peruntukan ini, kita dapat melakukan ikut kesesuaian ataupun kepentingannya. Oleh kerana Kerajaan Negeri tidak mahu memberikan duit, peruntukan ataupun ker, P56 – Kerja-Kerja Kecil kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, mereka berikan kepada Setiausaha Sulit Menteri Besar, saya memohon kepada Kerajaan Negeri apakah mekanisma yang kita sebagai ADUN boleh digunakan untuk mendapatkan ataupun untuk men, menyiapkan kerja-kerja pembaikan ataupun mengambil tindakan mengikut kesesuaian ataupun mengikut, kesesuaian, berkaitan dengan keseriusan masalah tersebut. Oleh itu saya memohon kepada Kerajaan Negeri supaya memberitahu ataupun memperjelaskan apakah mekanisma yang kita boleh gunakan untuk membaiki ataupun mengambil tindakan yang secepat mungkin, mungkin mengikut keseriusan perkara tersebut.

Dan saya juga merujuk kepada P56, iaitu kalau kita lihat pada, pada ke, sekarang, masalah demam denggi semakin berleluasa di Negeri Sembilan dan juga di Nilai di mana pada 2012 hanya 32 kes sahaja, tetapi 2013 sehingga bulan Oktober, terdapat 116 kes demam denggi di DUN Nilai. Ini adalah empat kali ganda dan ini adalah satu perkara yang serius. Deng, masalah denggi kebanyakannya disebabkan oleh masalah longkang dan juga sistem perparitan yang tidak sesuai, yang rosak, yang runtuh. Ini menyebabkan ma, tempat itu jadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Oleh itu peruntukan-peruntukan seperti ini harus digunakan secepat mungkin untuk membaiki longkang-longkang yang rosak. Jika kita harapkan kepada Majlis ataupun Majlis Perbandaran, ia akan mengambil masa yang lama. Ini melibatkan hal nyawa kerana demam denggi boleh menyebabkan kematian. Oleh itu saya memohon kepada Kerajaan Negeri supaya sistem perparitan di kawasan-kawasan perumahan yang melebihi 20 tahun, seperti di DUN Nilai, Rumah Rakyat Nilai, Taman Semarak Fasa 1 – Fasa 2, Taman Asoka dan taman Mantin, di Mantin, perlu menaik taraf sistem longkang dan juga sistem perparitan di kawasan perumahan tersebut.

Da, Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil peluang untuk menarik perhatian mengenai satu insiden berkaitan P59 – Bangunan-Bangunan Kerajaan. Di mana bangunan-bangunan kerajaan di, sebelum dibina, perlu ada satu perancangan yang rapi, suatu, perlu mendapat pandangan daripada semua pihak yang terlibat supaya ia tidak akan mendatangkan pembaziran duit kerajaan selepas pembinaan. Insiden yang saya perlu dirujuk pada hari ini ialah pembinaan pasar awam Bandar Baru Nilai, bersebelahan dengan

Taman Desa Jasmin. Iaitu pada 2005 pasar ini dihabis dibina dan Majlis Perbandaran Nilai telah memberikan *licence* kepada peniaga-peniaga baru untuk berniaga di tempat itu. Tak sampai enam bulan, semua peniaga tutup kedai dan sudah lari kerana tempat itu adalah bukan tempat strategik dan bukan tumpuan orang ramai, menyebabkan peniaga tak dapat menjalankan perniagaan mereka dengan baik. Dan sekarang Majlis Perbandaran Nilai memaksa peniaga-peniaga yang berada di ma, di pasar awam di Nilai untuk berpindah pergi ke sana untuk berniaga. Dan hampir 25 peniaga, hampir keseluruhan peniaga di pasar awam bandar, pasar awam Nilai, mereka tidak mahu mereka pindah pergi ke sana. Mereka takut perniagaan mereka akan terjejas. Dan lagi satu isu yang berkaitan dengan ini juga, iaitu pasar ini dibina pada tahun 2005. Pasar ini semasa pasar ini dibina

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat masa cukup.

Y.B. ADUN Nilai: Sekejap lagi. Bersebelahan dengan ni adalah satu kuil Hindu, suatu tempat ibadat bersebelahan dengan pasar ini. Ini adalah suatu keputusan yang tidak sesuai, tak, mana-mana tempat ibadat kalau berada di situ tidak boleh sesuai dibina pasar awam yang boleh menyebabkan beberapa pencemaran. So, saya meng, saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk, untuk mengubah keputusan itu, untuk membatalkan keputusan untuk membi, mengo, meng, memulakan pengoperasian pasar awam Bandar Baru Nilai di situ. Oleh itu saya juga, lagi satu isu, iaitu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Nilai: Dato', lagi, lagi sikit lagi. Dua tiga minit.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, di bawah P50 – Menteri Besar, suatu peruntukan yang besar iaitu [RM]10 juta diperuntukkan di bawah P50. Ini untuk membiayai pelaksanaan projek-projek dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan kemasyarakatan termasuk untuk membantu kepada golongan yang memerlukan pembelaan. Saya ingin merujuk satu isu iaitu isu penduduk Kampung Hakka, Mantin. Di mana kita menghormati keputusan mahkamah dan kita mahu, dan keputusan

mahkamah ini berpihak kepada pihak pemaju. Hampir semua keputusan yang melibatkan isu tanah banyak berpihak kepada pihak pemaju. Dalam tempat ini

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Nilai: Sekejap, dalam, dalam isu ini

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, keputusan mahkamah

Y.B. ADUN Nilai: saya memohon, saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk membela nasib penduduk, beberapa penduduk di situ yang hilang tanah warisan mereka, kampung tradisi mereka. Dan hari ini beberapa keluar, beberapa keluarga tidak ada tempat untuk mereka tinggal. Oleh itu, saya memohon jasa, memohon kepada Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri supaya menggunakan P50 untuk memberikan bantuan kebajikan kepada mereka untuk mereka terus boleh tinggal dan juga boleh menjalan, boleh menjalankan kehidupan mereka seperti biasa.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.B. ADUN Nilai: Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan, ADUN Bahau.

Y.B. ADUN Bahau: Ya, terima kasih. Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Tuan *Speaker*. Terlebih dahulu mengucap terima kasih kakitangan kerajaan bahawa menyediakan bajet 2015 ini. Tapi sila buka muka itu, ini, 14. Muka 49, sila tun, sila lihat itu muka 49. Anggaran perbelanjaan bangunan tahun 2014, ya, jumlah dia tulis sini, 14. Jumlah itu besar jelas sekali [RM]91,541,000.00. Tapi kami campur tu, mungkin ini silap sajalah. Kami campur yang tu, reka bentuk tu, dari kerohanian dia ini sem, [RM]14,940,000.00 campur pentadbiran, campur sosial, campur pertanian dan akhir sekali infrastruktur. Jumlah dia besar [RM]94,541,000.00. Ini mungkin satu kesilapan. Tapi saya kena

tunjukkan sini. Kena ni, Dewan yang mulia, kesilapan ni tak akan dijadi. Bezanya [RM]3 juta. Tak tau ini kesilapan saja, apa tau. *So*, saya mintak Tuan Yang Dipertua, kerajaan kena buat penjelasan.

So, saya nak sentuh pada P60. P60 – Perumahan. Yang awal sekali, DUN Chennah, DUN Palong, yang lain pun ada sentuh tu Perumahan. Tapi nampak dia bajet kerajaan, nampaknya tak berjaga orang yang kurang, yang miskin, yang kurang itu *income*, dengan izin. Dan *refer*, dengan izin, soalan dan jawab bertulis, saya itu, ADUN Bahau, soalan saya rumah mam, “Rumah Murah Dan Rumah Mampu Bayar”. Jawapan sini, jelas sekali menunjukkan pihak Kerajaan Negeri sejak tahun 2008, *whole year*, dengan izin, tak ada buat satu, satu ini pun tak ada, rumah murah atau murah, rumah mampu bayar. Sama jugak 2009, jawapan sini pun “0”.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, tak boleh *refer* teks-lah.

Y.B. ADUN Bahau: Okay, tak apa. Erti saya cakap, sepanjang lima tahun ni, kerajaan tak ada buat teliti. Hanya 70 di Port Dickson dan 150 di Seremban. Erti cakap, lima tahun ni, penggal yang '13 tu, hanya membuat sebanyak 220. Tapi di bahagian swasta, tapi anggaran ni, jawapan keliru sikit, tapi nampaknya dari tahun 2008 hingga 2012, swasta, bahagian swasta, pemaju swasta hanya ‘membuek’ 446 unit rumah murah saja. *So*, nampak tu, kerajaan tak ada satu pelan yang kasih sayang bagi orang yang kurang *income*, dengan izin.

Tapi tunjuk ni, anggaran yang saya tanya tu permohonan, di kalangan komuniti Melayu, pemohon, jumlah dia ada 2,971. Orang Cina memohon ada 952. Komuniti India pun ada 351. Jumlah pemohon rumah murah 4,274. Yang dilulus, orang Melayu – 107, orang Cina hanya 34 dan India – 42. Erti cakap ni, yang lulus sepanjang masa ni hanya 183. *So*, masih lagi 4,000 lebih tunggu, tunggu kerajaan supaya nak dapat rumah dia. *So*, nampak ni, kerajaan selalu cakap orang yang kurang upaya pendapatan kurang telah dijaga. Tapi dasarnya cakap. “Rén zài zuò tiān zài kàn”. Orang Cina selalu cakap, ada, apa *you* buat
.....

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, dengan izin.

Y.B. ADUN Bahau: Dengan izin, dengan izin.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Maksud dia?

Y.B. ADUN Bahau: Maksud dia, apa yang buat tuhan perhati tu. So, cakap tu mulia, Dewan yang mulia ni, bila cakap mesti diluluskan. So, kami harap dengan izin, lagi “Rén zài zuò tiān zài kàn”. Erti tu, mesti, cakap di Dewan mulia, mesti cakap tu, mesti buat dengan tulus. Tuan Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bukan soalan Yang Berhormat, bahas.

Y.B. ADUN Bahau: Soalan tu, kami nak halap [harap] dan cadangkan bahawa kerajaan mesti buat satu pelan, mungkin pelan ni dengan lima tahun, 10 tahun, nak *refill*-kan yang 4,000 lagi. Ini yang pendaftaran lama, yang mendaftar nama masih ada 4,000 lagi. So, saya cadangan buat satu pelan perumahan rumah murah, walaupun kerajaan atau swasta, penuhi yang permintaan tu. Lagipun, saya pun cadangkan mungkin tahun ini atau tahun datang, buat satu pendaftaran baru bagi seluruh negeri ini, anak negeri ini, orang yang kulang [kurang] pendapatan, buat satu pendaftaran baru, buat satu *analysis*, dengan izin tu, yang betul, yang tetap, tengok berapa lagi kena rumah murah.

Tuan Dipertua, lagipun di Hasil tu, cukai. Kami suka hatinya nampak tu, jumlah yang dikutip sampai 90 *percent*. Tapi tulis yang sini, jang, dijangka mampu dikutip. Dia ni, hasil cukai [RM]144 juta tu, kami halap [harap] yang kami nak tau, yang kena dikutip atau yang boleh dikutip, sebenarnya berada, berapa ada? Yang hutang itu, atau hutang, kaki hutang ke atau tak dapat dikutip? Sebanyak [RM]300 juta yang di-*income*, dengan izin tu, pendapatan negeri masih kurang. Kami halap [harap] pendapat negeri boleh naikkan sampai tu, yang cakap tu pelaburan yang 2012 tu boleh sampai [RM]4 juta lebih. Kerana walaupun Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang kecil, tapi *income* mesti ditinggikan tapi bukan cukai pintu atau cukai tanah. Tapi yang hutang itu, siapa yang hutang itu, kaki hutang ke atau siapa yang hutang tu kena dikutip balik kerana *you*, semua rakyat bertanggungjawab untuk membayar cukai.

Tuan Dipertua, lagipun, di pendidikan kami difahamkan bahawa utamanya sekolah menengah, murid-murid yang tidak habiskan tinda, Tingkatan 5, kami difahamkan seramai 25 *percent* terutama kaum Cina dan kaum Melayu dan India. Di sekolah menengah tu, seramai 25 *percent* tidak habis tindak, Tingkatan 5. Tapi yang murid-murid, yang anak-anak negeri ni, mana kena pergi? Macam mana mereka mencari

rezeki itu? Ini utamakan. Kami halap [harap] Kerajaan Negeri itu boleh berambil berat masalah ni. Bagi orang Melayu, kami difahamkan murid-murid yang Melayu tu, dia *stream* masuk ke sekolah *vocational school* atau sekolah teknik. Tapi malangnya orang Cina, orang *Indian* tu, kebanyakan tak dapat masuk di sekolah *vocational school* atau *vokay*, sekolah, *technique school*. Mereka terpaksa, terpaksa di, kerja di masyarakat, tapi apa mereka boleh kerja? Jikalau mereka tak ada kerja, apa boleh buat

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bahau: akhir sekali, dia pun akan jadi masalah sosial. Kami harap, halap [harap] Dewan yang mulia ni, pemimpin-pemimpin yang kasih sayang anak negeri ini kasi satu jalan. Saya cadangkan bahawa Jabatan Pendidikan buat satu analisis budak yang tidak habis tingkat 5 [Tingkatan 5] itu, satu analisis yang betul dan cari satu langkah untuk mengatasikan masalah itu. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Silakan Rahang.

Y.B. ADUN Rahang: Tuan Yang Dipertua, perkara pertama yang saya nak rujuk ialah kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 telah menyatakan, telah menyatakan banyak kelemahan telah ditemui di atas Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan terhadap aspek pengurusan Bantuan Am. JKM seharusnya mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera untuk menambah baik sistem permohonan dan proses penagihan [pengagihan] Bantuan Am kepada pene, penerima bantuan kebajikan masyarakat. Cadangan daripada Audit untuk meningkatkan tahap pengurusan Bantuan Am adalah baik dan JKM seharusnya menjalankannya. Antaranya galakkan kepada penerima bantuan untuk membuka akaun bank perlu dijalankan oleh pihak JKM. Ini merupakan satu cadangan, cadangan yang baik tetapi perlu dilaksanakan dengan baik. Kebanyakannya, kebanyakan penerima Bantuan Am merupakan warga tua, atau warga sakit dengan cara membuka akaun bank. Mereka tidak lagi perlu menunggu bebe, beberapa jam untuk menerima Bantuan Am tersebut. Ini juga akan meringankan tugas pegawai JKM dan keselamatan wang bantuan juga lebih terjamin. Penerima Bantuan Am yang tidak membuka akaun bank perlu dimenerima bantuan mereka dengan menghadiri diri ke pejabat JKM atau tempat yang ditentukan.

Saya, saya tadi, dapat telefon, *sorry, sorry*, saya menerima banyak aduan daripada penerima bantuan JKM bahawa jika penerima, penerima bantuan tersebut tidak hadir pada tarikh yang didapati untuk, yang ditetapkan untuk menerima bantuan tersebut, wangnya tersebut dihantar di HQ. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya pihak JKM memasukan wang tersebut ke dalam akaun penerima. Saya dapat aduan dari seorang warga tua wanita berumur 68 tahun. Dia tidak dapat hadir pada hari yang ditetapkan iaitu 3 haribulan Disember, kerana dia sakit. Hari ini, dia ke JKM untuk mengutip bantuannya secara wang tunai. Dia diberitahu wangnya telah dihantar ke HQ. Jikalau wang bantuan dibayar secara akaun bank, ini tidak akan berlaku. Saya harap wang warga tua ini akan dibayar bersama bantuan bulan Januari.

Merujuk, saya meruju, merujuk kepada P54. Sistem parit, perparitan yang tidak sempurna juga merupakan salah satu sebab berlakunya banjir kilat di sekitar kawasan Jalan Tok Ungku. Penduduk-penduduk berasa tidak puas hati dan marah kerana sistem saliran amat teruk di kawasan ini dan menyebabkan banjir kilat. Air hujan yang membanjiri kawasan perumahan adalah bercampur dengan lumpur-lumpur yang di bawa dari tapak pembinaan projek tersebut. Ini telah menambahkan kesusahan kepada penduduk untuk kerja pembersihan, pembersihan selepas banjir, banjir kilat berlaku. Dan mereka langsung tidak menerima sebarang bantuan daripada pihak kerajaan atas perkara ini. Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang segera untuk menyelesaikan masalah ini terutamanya pada musim hujan. Apakah ganti rugi kepada mangsa-mangsa? Rakyat harus didahulukan, jangan ditepikan.

Perkara yang ketiga saya nak rujuk ke, ke P4, 55, pembinaan *interchange* MRRS di simpang Kampung Baru Rasah ke *Seremban 2* melalui Bukit Chendang sangat bahaya. Dan ada beberapa kemalangan di jalan ini. Apakah sebab-sebab dan status projek ini mengambil masa sangat panjang untuk disiapkan? Keselamatan pengguna-pengguna ini mesti diutamakan semasa projek MRRS disiapkan. Pengguna-pengguna jalan angkat, sangat marah sebab bila dia keluar dari Kampung Baru Rasah ke Bukit Chendang, sebab, sebab kereta banyak dari, datang dari segi, Taman Permai. Dia kena tunggu dekat simpang, lama *and* kereta dari Rahang, dari Rasah, Port Dickson ke Permai pun susah. Selalu *traffic jam*. *So*, dengan ini saya minta Kerajaan Negeri, izinkan, *make alternate plan for this junction while waiting for the completion of this project*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Ya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dengan izin.

Y.B. ADUN Rahang: Ya, yang izin, *I* dah beritahu. *I told* yang izin. *Speaker* tak dengar? Dengan izin.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Saya, lagi satu, dengan pi, selagi-lagi, selagi, keadaan sekali lagi, *thank you*. Keadaan Jalan Tok Ungku semakin hari semakin teruk. Jalan runtuh, berlubang-lubang di tengah jalan dan paling teruk adalah projek menaik taraf jalan tersebut telah menyebabkan banjir kilat sering berlaku di kawasan perumahan sekitar projek tersebut. Jawapan yang diberikan atas soalan yang dikemukakan oleh ADUN Rembau pada Persidangan Kedua penggal, Penggal Pertama di Dewan Undangan Negeri adalah tidak jelas.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Yang Berhormat ADUN Rembau tak ada Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: *Sorry*, ADUN Mambau. Tidak jelas, tidak jelas dan teliti untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna jalan tersebut dan langsung tiada sebarang cara penye, penyelesaian di ke belakang, dibekalkan oleh pihak kerajaan untuk selesaikan masalah tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Kerja penurapan jalan telah dijalankan di sebahagian jalan tersebut ketika jalan tersebut didapati runtuh tetapi penurapan tersebut hanya sebagai bahagian Jalan Tok Ungku. Bahagian lain seperti di hadapan pejabat pos dan sekitarnya langsung tidak diambil sebarang tindakan oleh pihak berkenaan. Pejabat pos tu Pejabat Pos Rahang. Lubang-lubang yang di tengah jalan semakin banyak terutama, terutamanya pada musim hujan. Penampalan terhadap lubang-lubang adalah tidak mencukupi untuk mengatasa,

mengatasi masalah jalan rosak tersebut kerana penampalan adalah tidak tahan pada musim hujan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Lubang-lubang tersebut

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: akan termuncul semula selepas hujan. Sistem perparitan yang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, okay, *thank you*.

Y.B. ADUN Rahang: *Just*, lagi dua minit. Selain itu, kawasan perumahan di sekitar Jalan Tok Ungku terutamanya Kampung Singh sering dialami banjir kilat ketika hujan dan kekerapan banjir kilat berlaku telah meningkatkan pada musim hujan ini.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat. Terima kasih, *thank you*.

Y.B. ADUN Rahang: Sekian, terima kasih.

Y.B. ADUN Lobak: Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan belanjawan tahun 2014. Tadi nak kejar-kejar nak tekan, *mic* sini pun dah pecah, *mic* nak tekan suis. Ya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat jangan tekan kuat-kuat sangat. Bahaya.

Y.B. ADUN Lobak: Ya, saya nak beritau yang saya buat ini, yang suis tu telah pecah. Kerana nak rebut-rebut, tadi Dato' Dipertua kata kalau tak

orang bahas nanti nak, pihak kerajaan nak gulung, jadi saya, kali ni saya cepat berdiri, dan tekan dan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tak cukup masa Yang Berhormat, masa dah kira.

Y.B. ADUN Lobak: Itu, itu, *briefing tu*, belum masuk lagi *main menu*, yang itu, *air fresh*. Isu pertama yang ingin saya bangkitkan ialah P54 – Jabatan Pengairan Dan Saliran. Dalam apa yang saya dengar daripada rakan-rakan seperjuangan saya, Mambau, Rahang, banyak longkang-longkang yang juga tersumbat. Begitu juga dengan kawasan DUN Lobak. Di mana kawasan tersebut juga banyak longkang-longkang yang tersumbat. Tapi kebelakangan ni ada satu longkang yang di Taman Markisa, Jalan Templer, longkang-longkang tersebut telah disumbat akibat semasa, sebelum PRU-13, dahan-dahan pokok telah ditebangkan oleh MPS, tapi pekerja-pekerja MPS telah membuang dahan-dahan dan pokok yang telah ditebang ke dalam *monsoon drain* tersebut. Dan apabila hujan, ini menyebabkan paras air dah naik dan menyebabkan kawasan berdekatan itu telah banjir. Jadi, penduduk setempat di situ telah memaklumkan kepada saya masalah tersebut dan saya juga membuat aduan kepada pihak MPS. Tapi setelah sebulan hingga dua bulan, pihak MPS masih lagi tidak mengambil sebarang tindakan. Setelah bertemu dengan pegawai tersebut, mereka kata, pihak MPS katakan, pihak yang mengurus masalah ini, atau menangani masalah ini adalah Jabatan Pengairan Dan Saliran. Setelah bertemu dengan pegawai daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran, JPS, mereka kata pulak Perbadanan Pengurusan Sisi Pepejal, Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam yang bertanggungjawab, PPSPPA, nama ni memang panjang. Jadi, setelah bertemu dengan pegawai daripada PPSPPA, mereka telah melawat ke *monsoon drain* tersebut. Jadi mereka mengatakan mereka memerlukan satu, bukannya satu *quotation* dan tunggu satu sebut harga daripada pihak ibu pejabat.

Apa yang saya ingin cadangkan, dalam sis, dalam keadaan sedemikian, yang ini perlu, memerlukan satu, satu, dengan izin, satu *urgent fund* untuk mengatasi masalah ni. Jangan selalu mengatakan peruntukan tidak sampai, mesti tunggu daripada pihak ibu pejabat, masalah baru saja boleh diselesaikan.

Seterusnya saya ingin membangkitkan ialah tentang P, kod P50 iaitu [RM]10 juta untuk projek perkhidmatan masyarakat. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apakah jenis-jenis projek perkhidmatan masyarakat yang dimaksudkan? Mengapa

ianya tidak memberi dengan butiran yang terperinci? Ini adalah satu amaun yang amat besar sekali. Adakah bahagian kewangan dan projek, apakah projek-projek ingin dilaksanakan bagi setiap dalam butiran tersebut? Nyatakan jabatan-jabatan yang terlibat agar semua pihak mempunyai tranparensi atau tidak salah faham apakah jenis peruntukan yang telah digunakan.

Seterusnya saya ingin bangkit ialah tentang P56 ialah kerja-kerja, Kerja-Kerja Kecil DUN. Juga di kawasan DUN, kawasan DUN Lobak, ada seorang penduduk rumah ta, penduduk, seorang Singh di Taman Chip Aik, rumah di belakang dia tanah dia runtuh dan setiap kali hari hujan, air lumpur masuk, mengalir masuk ke kawasan rumah tersebut. Tetapi kami telah, saya telah membuat satu pengaduan kepada pihak MPS. MPS telah mengatakan mereka juga perlu dana atau *funding*, dengan izin, daripada pihak MPS, atau menunggukan satu sebut harga. Alasan yang juga diberikan oleh setiap agensi kerajaan. Jadi saya ju, cadangkan supaya kerja, kerja-kerja kecil DUN ini juga merangkumi apa-apa masalah tanah runtuh jika berlakunya di kawasan-kawasan masing-masing.

Kod yang ingin saya bangkitkan ialah P57. P57 dalam *heading* dia berbunyi sedemikian "Pelbagai". Di bawah Pegawai Pengawal adalah Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini memberi maksud yang amat luas sekali. Apakah pelbagai projek kecil la, sila nyatakan projek-projek yang terlibat. Nyatakan jabatan-jabatan yang terlibat. Dan apakah jenis-jenis projek yang ingin dibuat di bawah definasi Pelbagai ini.

Seterusnya saya ingin membangkitkan mengenai P60 ialah Perumahan. Di dalam P60 – Perumahan, tidak ada sebarang peruntukan untuk projek-projek terbengkalai di kawasan, di Negeri Sembilan. Seolah-olah di Negeri Sembilan tidak ada projek-projek yang terbengkalai. Di dalam kawasan DUN Lobak, banyak kali saya dibangkitkan bahawa di Taman Bukit Zamrud, penduduk-penduduk di sana masih belum mendapat rumah mereka kerana projeknya telah terbelangkai, kerana projek itu

Beberapa ahli Yang Berhormat: Terbengkalai.

Y.B. ADUN Lobak: Terbengkalai. Ini, oleh kerana nak kejar masa ni, tak cukup nak kejar ma, faham-faham semua maksud tu. Jadi, penduduk, pembeli-pembeli di sana, pembeli-pembeli di sana amat kecewa dan merugikan. Mereka kena membayar pinjaman bank, pada masa yang sama kena sewa rumah di luar. Jadi apakah inisiatif yang

akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini? Kalau boleh saya cadangkan supaya Perumahan ini memberi satu bantuan ke, dari segi kewangan supaya mereka tidak membebankan rakyat.

Saya ingin rujuk kepada, Dato' Yang Dipertua, kepada Dewan ini ialah Laporan audit, Ketua Audit Negara pada tahun 2012 Siri 1. Iaitu mengenai Aktiviti Jabatan Dan Agensi Pengurusan Syarikat Negeri Sembilan Siri 1. Jabatan yang telah memberi kom, penemuan ialah tentang, ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di mana sedia maklum, Jabatan kemajuan [Kebajikan] Masyarakat ialah memberi bantuan dari segi kewangan kepada golongan yang tidak berkeupayaan dan memerlukannya. Dan DUN, kawasan Lobak, setelah menjadi ADUN selama tujuh bulan, saya telah menghantar, mula saya telah menghantar 20 permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan. Tapi, memakamkan masa sehingga lima hingga enam bulan untuk memberi apakah keputusan permohonan tersebut. Jadi, jadi apa yang dinyatakan dalam ketua, Laporan Ketua Audit adalah memang, memang benar di mana adakah, adanya lapan kelemahan. Tak payah saya sebut kelapan-lapan kelemahan tersebut tetapi kelemahan utama adalah 3L ialah kelewatan, kelewatan, kelewatan. Kelewatan dalam menjalankan siasatan terhadap permohonan bantuan. Kelewatan meluluskan permohonan bantuan. Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan bantuan. Keputusan tersebut cuma dimaklumkan sela, selama lima hingga enam bulan. Kalau orang OKU ke, orang ibu tunggal, kalau nak tunggu duit itu, matilah dia.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lobak: Tak cukup lagi. Ada satu isu yang paling mustahak yang bela, yang ber, yang juga berlaku

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Jangan lewat Yang Berhormat. Silakan.

Y.B. ADUN Lobak: Ya, ya. Seperti yang di Kampung Hakka, ada satu kes serupanya berlaku di Kampung Ulu Temiang di mana penduduk-penduduk di sana telah, mereka bukan penduduk haram, mereka telah diberi kebenaran untuk menduduk di sana semenjak tahun 1973. Masa itu dipanggil, diberi satu surat sijil penempatan iaitu satu sijil untuk mereka menduduki kawasan tersebut oleh Pemungut Hasil Tanah. Pada masa tersebut dipanggil Pemungut Hasil Tanah. Jadi mereka telah

diberi kebenaran untuk metinggal di sana selama 40 tahun. Kebelakangan ini pemilik tanah juga memulakan satu tindakan mahkamah terhadap mereka untuk menghalau, untuk mengosongkan mereka.

Jadi apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu mereka? Jangan, nasib-nasib mereka seperti dalam Kampung Hakka. Rumah mereka akan dirobohkan. Jadi sebelum PRU Ke-13 pihak Kerajaan Negeri telah menghantar Setiausaha Kerajaan Negeri untuk mena, mengadakan satu rundingan dengan pemilik tanah. Apakah hasil rundingan tersebut tidak dikemukakan kepada penduduk. Hari ini mereka tunggu saja dan kes mereka akan disebut pada 27 Disember 2013. Saya selaku peguam, saya akan memperjuangkan nasib mereka Kampung Ulu Temiang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan Repah.

Y.B. ADUN Repah: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2014. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, belanjawan bagi tahun 2014 telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Rantau pada hari Jumaat yang lepas. Dan saya telah meneliti bajet belanjawan ini dan mendapati bahawa Kerajaan Negeri telah membentangkan satu anggaran hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 berjumlah 300, lebih kurang [RM]352 juta. Dan bajet ini, yang dibentangkan pada Jumaat lepas dikatakan sebagai bajet berimbang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada hakikatnya bajet yang dikatakan bajet berimbang ini adalah sukar untuk diterima kerana bajet ini bukannya berasaskan kepada hasil Kerajaan Negeri sahaja tetapi juga termasuk Terimaan Bukan Hasil yang berjumlah 70, lebih kurang [RM]73 juta, dan Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah lebih kurang [RM]17 juta. Jadi persoalannya, kenapa Kerajaan Negeri tidak mampu ataupun mengambil langkah-langkah untuk menambahkan atau menjana hasil pendapatan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri tidak sepenuhnya bergantung kepada pemberian Kerajaan Persekutuan dan juga Terimaan Bukan Hasil semata-mata.

Dato' Yang Dipertua, sememangnya terdapat peluang yang luas di Negeri Sembilan untuk menambahkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri seperti memajukan lagi bidang-bidang seperti pertanian, pelancongan, perindustrian dan penternakan. Tetapi ianya bergantung penuh kepada kemampuan Kerajaan Negeri. Contohnya dalam bidang

pertanian, walaupun Kerajaan Negeri melaksanakan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Ladang Rakyat di Negeri Sembilan dalam bidang pertanian, tetapi nampaknya ada kelemahan dalam projek-projek seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Di mana Ketua Audit Negara menyatakan bahawa prestasi pengeluaran tahun, hasil tanaman tidak mencapai sasaran, prestasi pendapatan peserta juga tidak mencapai sasaran.

Pada Jumaat lepas, Yang Amat Berhormat Rantau pada pembetangan bajet Jumaat lepas, telah menyatakan bahawa, bahawa matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk na, memastikan bahawa negeri ini maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, dapat direalisasikan. Jadi jika itu yang diwar-warkan, maka sudah tentu Kerajaan Negeri perlu melipat gandakan usaha dalam perkara ini untuk tujuan tersebut. Selain daripada itu, Ketua Audit Negara juga menyatakan bahawa terdapat tunggakan bayaran sewa pajakan tahunan. Dan ada juga plot tanaman yang belum diagih dan terbiar.

Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Rantau menyatakan bahawa pelaksanaan KPI berkesan dalam Negeri Sembilan, tetapi jika di, kita bandingkan dengan Laporan Ketua Audit Negara, maka ianya menjadi persoalan dalam perkara ini. Mengikut Yang Amat Berhormat Rantau, KPI ini adalah untuk mencapai matlamat Kerajaan Negeri. Tetapi semasa menjawab soalan lisan saya, jawapan Yang Amat Berhormat adalah hanya fokus kepada pungutan cukai tanah sahaja. Dan itupun jawapannya tertumpu kepada sekolah-sekolah Cina, Tamil, tokong dan kuil, dan gereja, walaupun ia tidak menyentuh atau fokus kepada masjid atau surau, sekolah kebangsaan. Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, kita harus, tidak harus memesongkan jawapan daripada soalan yang dibangkitkan.

Jadi persoalannya, KPI ini adalah perlu diperluaskan kepada semua bidang dan dasar Kerajaan Negeri. Saya percaya semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih oleh rakyat mempunyai hak untuk mengkritik atas dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri demi untuk Kerajaan Negeri membaiki dasar-dasar tersebut untuk kepentingan rakyat Negeri Sembilan ini. Jadi saya harapkan Kerajaan Negeri dapat membaiki cara pelaksanaan dasar-dasar ini, dan seperti yang disyorkan oleh Ketua Audit Negara, dengan lebih efisien, kreatif supaya dapat menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri. Bukan saja dalam bidang pertanian tetapi juga dalam bidang pelancongan, perindustrian dan penternakan. Jika tidak, ia akan menunjukkan satu ketidakcekapan dan akhirnya merugikan Kerajaan Negeri Sembilan yang memberi kepa, rakyat Negeri Sembilan yang memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya yang ke-13.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2014 adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang [RM]73 juta termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Dan saya percaya pemberian Kerajaan Persekutuan ini adalah tidak mencukup, tidak cukup untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di Negeri Sembilan. Oleh itu, saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mendapatkan lebih banyak pe, sumber pemberian daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan supaya lebih banyak projek-projek pembangunan boleh dilaksanakan di Negeri Sembilan untuk manfaat rakyat di Negeri Sembilan ini.

Dato' Yang Dipertua, saya juga dapati dalam bajet belanjawan 2014 bahawa Hasil Bukan Cukai Kerajaan Negeri dianggarkan sebagai lebih kurang [RM]126 juta. Jadi penambahan ini saya alu-alukan tetapi ianya tidak cukup dan ia masih boleh ditambah jika kerajaan mencari idea untuk menambahkan Hasil Bukan Cukai ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri juga menyatakan bahawa Negeri Sembilan terus menjadi destinasi utama pelabur khususnya dalam sektor pembuatan. Jika begitu, maka Negeri Sembilan-lah yang patut menjadi negeri yang tertinggi mendapat pelabur. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah sesuatu yang boleh dapat dibanggakan berbanding dengan negeri-negeri lain seperti Johor, Selangor dan Pulau Pinang. Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai prasarana yang baik boleh menarik lebih banyak pelabur daripada Negeri Sembilan ini. Jadi saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri berusaha lagi untuk meningkatkan penarikan pelabur asing dan domestik ke Negeri Sembilan. Bukan sahaja ia akan memajukan Negeri Sembilan malah akan membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada penduduk dan rakyat Negeri Sembilan ini.

Dato' Yang Dipertua, sektor pelancongan. Sektor pelancongan ini meruka, merupakan, merupakan suatu sektor yang boleh dimajukan lagi di Negeri Sembilan. Kerajaan Negeri Sembilan tidak boleh berbangga dengan peningkatan kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan pada tahun 2012. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, Kerajaan Negeri perlu berusaha lagi untuk memajukan tempat-tempat pelancongan yang berpotensi di Negeri Sembilan seperti di Tampin, kita ada Gunung Tampin, taman tasik dan juga taman rekreasi. Jadi saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memperuntukkan peruntukan yang lebih kepada kawasan ini untuk memajukan lagi sektor pelancongan dan tempat-tempat yang boleh, bakal menjadi tempat potensi untuk pelancong-pelancong.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dasar Kerajaan Negeri adalah dasar, salah satunya adalah mensejahterakan rakyat iaitu khususnya

kepada perumahan. Di Negeri Sembilan ini bukan semua rakyat dapat memiliki rumah mereka. Sebab kita tahu dalam Negeri Sembilan ni kos rumah yang dibina adalah terlampau tinggi. Dan ini adalah satu perkara yang perlu Kerajaan Negeri ambil perhatian sebab kebanyakan rakyat di negeri ini bukannya mendapat pendapatan yang tinggi. Jadi, saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya membina lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat Negeri Sembilan ini supaya mereka dapat membeli rumah dan menduduki rumah pada, kepada yang mereka yang miskin.

Dato' Yang Dipertua, pengurusan kewangan. Walaupun kedudukan kewangan negeri kononnya dikatakan berada dalam keadaan kukuh, tetapi hutang Kerajaan Negeri adalah lebih banyak iaitu lebih kurang [RM]876 juta. Dan ini adalah satu yang membimbangkan. Jadi jumlah ini merupakan jumlah yang besar berbanding dengan jumlah terkumpul disatukan, disatukan negeri yang berjumlah lebih kurang [RM]299 juta. Dan saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Y.B. ADUN Repah: Sikit lagi. Saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri menyelesaikan sebanyak, secepat mungkin hutang-hutang Kerajaan Negeri ini.

Untuk maksud P50 – Menteri Besar, yang diperuntukkan sebanyak [RM]10 juta. Peruntukan di bawah ini adalah untuk aktiviti-aktiviti perkhidmatan masyarakat. Walaupun ada peruntukan seperti ini, tetapi ada pihak-pihak tertentu dari parti-parti politik yang tertentu sengaja dengan niat *malafide*, mengarahkan orang awam untuk pergi ke Pejabat ADUN Pakatan Rakyat untuk mendapatkan bantuan ini. Jadi, ini adalah satu perkara yang tidak betul. Kita sudah ada peruntukan dalam P50. Jadi biarlah pemimpin tersebut, mengarahkan ataupun memberi maklumat yang betul kepada rakyat supaya rakyat dapat berjumpa dengan Pejabat Menteri Besar untuk mendapatkan peruntukan tersebut. Jadi ini perlu, pemimpin ini perlu bertanggungjawab. Jangan hanya mengarahkan orang awam ini ke Pejabat ADUN Pakatan Rakyat. Sudah tentu kita tahu memang kita tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat miskin daripada Kerajaan Negeri ini. Dan hanya ada

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Repah: peruntukan kawasan sahaja. Satu perkara lagi Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, bagilah peluang orang lain pulak.

Y.B. ADUN Repah: Okay, okay. Satu minit lagi. Dato' Yang Dipertua, bagi maksud P56 – Kerja-Kerja Kecil. Saya dapat Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak lebih kurang [RM]8 juta untuk Kerja-Kerja Kecil DUN. Dan saya cadangkan supaya peruntukan ini digunakan segera untuk kerja-kerja kecil untuk menyelesaikan satu masalah yang agak berpanjangan di Taman Bukit Tampin iaitu di tepi rumah yang beralamat nombor 356, Jalan Kelicap 1. Di mana aduan ini telah dibuat sejak dari tahun 2008 dan sehingga kini tidak ada tindakan diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri. Jadi saya mohon kepada Kerajaan Negeri supaya menggunakan peruntukan ini untuk menaik taraf longkang dan benteng longkang tersebut dengan kadar yang segera.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. ADUN Repah: [percakapan tidak direkod kerana alat pembesar suara tidak diaktifkan].

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, kalau itu penting, sepatutnya Yang Berhormat sebut pada permulaan bukan terakhir, waktu saya nak tutup.

Y.B. ADUN Repah: Ada, ada, satu saja, satu minit saja.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya tak benarkan Yang Berhormat, cukup.

Y.B. ADUN Repah: Satu minit lagi Dato'.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Cukup Yang Berhormat bagi peluang pada kawan-kawan yang lain.

Y.B. ADUN Repah: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan yang lain.

Y.B. ADUN Repah:[sebahagian perbahasan tidak direkod kerana alat pembesar suara tidak diaktifkan] negeri supaya menggunakan permohonan yang ada ini untuk memasang satu tiang dan lampu jalan di Kuil Muniswar Tampin di mana permohonan ni telah dibuat sejak daripada Mei 2013. Jadi saya harapkan Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan perkara ini dengan kadar segera. Terima kasih Dato'.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan Port Dickson.

Y.B. ADUN Port Dickson: Salam sejahtera, salam reformasi, moga semuanya beroleh rahmat. Terima kasih Dato' Yang Pertua, kerana mengizinkan saya dan memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahas, membahaskan Anggaran belanjaan [belanjawan] Pembangunan Negeri Sembilan tahun 2014 dan Rang Undang-Undang Enakmen membekalkan [Perbekalan] 2014.

Dato' Yang Pertua, seperti kita semua sedia maklum di Daerah Port Dickson terhadap banyak hotel-hotel dan *resort*, dengan izin, yang menjamin keselesaan pelancongan dan pengunjung setiap hujung minggu, cuti umum dan cuti sekolah, namun ialah agak kurang selamat ekoran hakisan pantai yang menjadi-jadi. Untuk makluman, sebagai contoh, Tanjung Tuan Resort telah mengambil hakisan pantai yang amat ketara. Saya mendapat maklumat bahawa, bahawa sebanyak [RM]10 juta telah diperuntukkan sekitar tahun 2005 bagi melaksanakan projek dengan menggunakan teknologi German untuk mengalakkan [mengelakkan] hakisan pantai. Tetapi malangnya tidak dapat berfungsi penuh kerana tiada selenggaraan yang berterusan. Daripada jumlah RM10 juta itu, berapakah pula peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan? Apakah rancangan, tindakan yang cadangkan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Yang Pertua, kita sedia maklum Port Dickson adalah salah satu pusat pelancongan negara yang tidak asing lagi kepada masyarakat tempatan mahupun antarabangsa, namun tidak nampak sebarang usaha untuk meningkatkan sektor pelancongan. Sebagai contoh, pencemaran pantai terus berluasa [berleluasa] tanpa dipedulikan

secara berterusan. Sebaiknya [sebaliknya] hanya diselenggarakan secara berkala [berkala]. Apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengadakan misalnya akuarium di bawah laut, kedai cenderahati berunsur dengan barangan laut atau muzium barangan laut sebagai langkah untuk menarik lebih ramai pelancongan ke Daerah Port Dickson?

Sebagai langkah untuk menarik lebih ramai pelancongan ke Daerah Port Dickson, Dato' Yang Pertua, seketika dahulu setiap hujung tahun, terdapat kebanjiran pelancongan tempat, tempatan dan antarabangsa datang ke Pesta Port Dickson. Walau bagaimanapun sejak pesta ini tidak lagi diadakan, sektor pelancongan di Daerah Port Dickson turut berjejas dengan persekitaran yang kurang memberangsangkan.

Dato' Yang Pertua, walaupun diulang sebut dalam Dewan yang mulia ini, namun tiada sebarang tanda-tanda yang menunjukkan usaha Kerajaan Negeri untuk melebarkan jalan raya yang semakin hari semakin sibuk. Menambah pula dengan pemandangan lanskap yang tidak mencerminkan sebagai sebuah bandar pelancongan negara kerana PBT tidak mempunyai kepakaran, kepakaran dalam bidang tersebut. Saya mencadang supaya PBT hantar ke, anggotanya ke Melaka untuk mendapatkan idea ataupun bertukar-tukar pengalaman menceriaikan lanskap di Daerah Port Dickson. Keadaan bertambah rumit apabila lampu isyarat rosak, ianya terpaksa menunggu minima tiga hari untuk dibaiki kerana tiada tenaga mahir di Daerah Port Dickson. Tenaga mahir biasanya datang dari khasnya dari Melaka ataupun Lembah Kelang.

Dato' Yang Pertua, sebagai sebuah jabatan yang pernah menerima anugerah berkhidmat cemerlang, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Jabatan Kerja Raya bagi mengalami masalah ini? Sebagai sebuah jabatan induk, JKR semestinya berkhidmat kepada masyarakat dalam satu kumpulan, bukannya menuding jari kepada jabatan lain. Sebagai contoh, aduan penduduk tentang lampu jalan, sampah, jalan yang kurang selamat, jawapan diterima adalah "ini bukan kawasan kami, ini kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson" ataupun "ini kawasan Southern Waste Management", dengan sebaik, sebaliknya. Apakah dengan jawapan begini segala masalah yang, akan dapat diselesaikan. Walaupun Kerajaan Negeri sudah berkenalkan sebagai *One Stop Centre*, sehingga hari ini tidak nampak berkesannya. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan ianya berkesan?

Dato' Yang Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah memberi jawapan di dalam Dewan yang mulia apabila mendarat ke KLIA, beliau tidak mahu melihat lagi kandang khinzir kerana ini sangat

memalukan. Sebaliknya saya juga ingin melihat kelonggokan sampah kelihatan lebih teruk daripada kandang khinzir apabila mendarat ke tempat yang sama.

Dato' Yang Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang telah menyediakan sebanyak 144 buah rumah pekerja ladang di Seliau. Daripada rumlah tersebut, rumah tersebut, berapa buahkah rumah yang telah diperuntukkan kepada pekerja ladang Seliau itu?

Dato' Yang Pertua, pada tahun 2012, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyempurnakan satu majlis pecah tanah di Ladang Tanah Merah untuk membina rumah mesra rakyat. Sehingga kini tidak ada, sehingga kini tidak ada sebarang projek dilaksanakan di tapak berkenaan. Apakah projek di, merupakan gula-gula pilihan raya yang akan, yang hanya akan dilaksanakan menjelang PRU akan datang? Untuk makluman kesemua ahli-ahli Dewan sekalian, ada rakyat telah pun meninggal dunia tanpa sebarang rumah. Warisnya terpaksa menunggu rumah mesra rakyat. Dato' Yang Pertua, saya ingin menjelaskan di sini jika Kerajaan Negeri tidak berupaya untuk mencari sebuah kontraktor, izinkan saya untuk mencarikan kontraktor yang boleh melaksanakan projek itu. Boleh.

Saya jugak beritahu di sini, walaupun dalam teks saya tidak ada, saya juga memohon jasa baik kerana setiap kali, sering, sekarang dah musim hujan, saya nampak semua kawasan sudah banjir. Tetapi Port Dickson belum lagi, kerana sebelum ini saya tiap-tiap hari turun dalam longkang. Sudah bersih. Tapi sekarang hujan lebat pun, alhamdulillah, belum ada lagi apa-apa masalah. Dan saya sentuhkan di sini kerana saya nampak di kawasan Port Dickson, banyak menambah projek-projek baru perumahan tetapi mereka tidak ada apa-apa longkang yang baru bina oleh mereka. Hanya mereka ke sambung ke projek lama. Projek lama memang tidak dapat mengambil satu, mengambil air begitu penuh. So, saya nampak projek baru yang sambung, bila banjir kilat ataupun banjir ataupun hujan lebat, ini menyebabkan satu kebanjiran besar. Sebab itu saya tegaskan di sini, kalau mereka nak bina rumah baru, mesti mereka kena bina longkang baru ke laut. Bukan sambung ke projek lama. Sebab Port Dickson memang ada banyak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: mereka salah gunakan kuasa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Port Dickson: Baru *start* semangat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dah habis. Terlampau lama cerita longkang Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: Okaylah, okaylah, okaylah, boleh, bolehlah. Okay. Sekian, salam berjuang, salam reformasi. Hidup rakyat Negeri Sembilan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi, silakan Bukit Kepayang.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Dipertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan untuk belanjawan 2014, belanjawan Negeri Sembilan 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada hari Jumaat yang lepas.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya merujuk kepada bahagian hasil untuk Kerajaan Negeri pada tahun akan datang. Ada beberapa perkara yang saya rasa saya, kita perlu sama-sama berikan perhatian supaya hasil negeri dapat dianjakkan, dipertingkatkan lagi pada masa-masa akan datang. Sekiranya kita tengok di bahagian pertama daripada ha, Hasil Cukai. Seperti biasa Hasil Cukai merupakan hasil yang utama terutamanya cukai tanah daripada seluruh Negeri Sembilan yang menyumbang kepada satu peratusan yang penting kepada pendapatan Kerajaan Negeri. Apa yang mengejutkan saya adalah anggaran tahun 2014, tahun depan, kurang [RM]2 juta, hampir [RM]2 juta berbanding dengan anggaran pada tahun 2013 walaupun banyak tanah-tanah baru telah diberimilik, setelah diberi milik oleh Kerajaan Negeri yang mana ini membawa maksud bahawa ada tanah-tanah yang telah diberikan milik kepada pihak persendirian ataupun swasta yang mewajibkan mereka untuk membayar cukai pintu pada tahun-tahun yang akan datang. Jadi kenapa sebaliknya anggaran kutipan cukai tanah berkurangan hampir [RM]2 juta pada tahun hadapan berbanding dengan anggaran pada tahun ini.

Dato' Yang Dipertua, ingin saya mengatakan di sini, menegaskan di sini bahawa tujuan saya membangkitkan perkara ini bukanlah, bukan sama sekali untuk meminta kerajaan nak, naikan cukai tanah. Memang saya

tak setuju. Kadar yang ada sekarang saya rasa perlu dikekalkan, jangan ada kenaikan cukai. Tetapi soalnya kenapa ada lebih banyak bidang tanah telah diberi milik, tetapi anggaran hasilnya boleh berkurangan. Sebab saya tak nampak ada, ada tanah yang, yang apa, yang bilangan tanah yang diberi milik menjadi berkurangan. Kalau bilangan tanah tu bertambah, hasil cukai, hasil cukai tanah sepatutnya meningkat. Ia baru selari dengan keadaan semasa.

Begitu juga keadaannya, saya tengok daripada ucapan oleh Yang Amat Berhormat tempoh hari telah mengatakan bahawa pada tahun ini sahaja Terimaan Premium Cukai telah melepasi sasaran yang ditetapkan pada tahun lepas, hampir 250 peratus iaitu tahun ini, setakat bulan November telah mencecah lebih 78 juta ringgit berbanding dengan anggaran pada tahun lepas iaitu hanya setakat [RM]22 juta. Satu mening, peningkatan yang cukup mendatak, cukup mendadak dan memang kalau *base on the figure*, dengan izin, berdasarkan fakta, memang sesuatu yang membanggakan. Tapi cuma saya jugak ambil kesempatan ini mengingatkan Kerajaan Negeri, apakah hanya semata-mata untuk melonjakkan penam, ataupun meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri, maka dengan itu kita memberikan banyak tanah milik kepada, tanah beri milik kepada pihak persendirian supaya premium yang diterima pada setiap tahun meningkat. Kalau itulah praktisnya, kalau itulah amalannya, apa akan jadi pada masa-masa akan datang sebab tanah kerajaan, tanah rezab akan semakin berkurangan saban hari.

Dato' Yang Dipertua, saya juga nak menyentuh berkenaan Hasil, satu lagi perkara yang saya rasa penting. Saya pernah bangkitkan pada tahun-tahun yang lepas, ketika perbahasan untuk perbelan, untuk belanjawan iaitu berkenaan dengan doket pasir. Telah berlaku beberapa kali bahawa setiap kali pada awal tahun, doket lambat dikeluarkan oleh Pejabat Tanah yang berkenaan. Dan keadaan ini bagi saya dua perkara timbul. Yang pertama, mengganggu industri. Industri yang memerlukan pasir. Yang kedua, ia turut menjejaskan ataupun merencatkan pendapatan Kerajaan Negeri melalui pengeluaran doket-doket pasir. Dan saya jugak mohon kepada Kerajaan Negeri supaya mempekas, memperketatkan penguatkuasaan, memperketatkan operasi, me, menambahkan lagi bilangan operasi ataupun penguatkuasaan supaya kejadian curi pasir ini dapat kita banteras bersama untuk menjamin bahawa hasil bumi Negeri Sembilan dapat kita anggap ataupun kita terima sebagai keuntungan untuk Kerajaan Negeri pada masa-masa akan datang.

Dato' Yang Dipertua, merujuk kepada teks ucapan oleh Yang Amat Berhormat, turut menyatakan bahawa hutang Kerajaan Negeri pada

ketika ini, yang sebahagian besarnya iaitu sebanyak [RM]664 juta yang merupakan baki pinjaman bekalan air tersebut akan dipindahkan kepada, akan diserahkan hak kepada Perbadanan Aset Air Berhad. Saya nak tanya, seandainya jumlah ini, yang berjumlah [RM]664 juta ini, seandainya telah diserahkan hak kepada Perbadanan Aset Air Berhad, apakah ia membawa maksud bahawa hutang kita akan kurang, berkurangan daripada [RM]876 juta, tolak [RM]600 lebih juta ni, tinggal lebih kurang [RM]210 juta. Jadi mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri, sekiranya inilah, mengikut pengiraan ataupun formula yang sebenarnya, saya rasa hutang kita sudah ada penurunan, satu perkembangan yang, yang positif dan ia akan, ia sepatutnya ataupun seterusnya akan menggalakkan kita terus berusaha supaya keadaan kewangan Kerajaan Negeri akan bertambah baik supaya lebih banyak kebajikan dan kebaikan dapat diberikan kepada rakyat Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua berkenaan dengan perbelanjaan. Perkara pertama yang saya nak bangkitkan adalah berkenaan P55 di bawah Jabatan Kerja Raya. Di kawasan saya khasnya, di pusat bandar, khasnya Jalan Sungei Ujong yang menghubungkan pusat bandar Seremban dengan bandar baru. Yang saya maksudkan bandar baru di sini adalah Seremban 2 ataupun, dan *S2 Heights*. Kawasan ini adalah kawasan yang, antara kawasan yang pesat membangun. Pesat membangun bukan sahaja pertambahan penduduk, bukan sahaja kepadatan penduduk dengan bilangan unit perumahan bertambah, tetapi jauh dari itu adalah lebih banyak agensi, banyak pejabat kerajaan sendiri berada di situ. Tambahan pulak banyak pusat-pusat komersial termasuk yang terkini, pada tiga hari lepas, sebuah kompleks besar, pasar raya besar Mydin telah dibuka, yang menyebabkan keadaan sekeliling menjadi sesak dengan pertambahan kenderaan yang begitu drastik sekali. Tetapi bagi saya kalau apa yang berlaku pada hari Jumaat lepas hingga hari ini, iaitu kesesakan di kawasan sekitar Seremban 2 dengan pembukaan Mydin tu, kita boleh terima, biasalah kalau dalam minggu pertama, minggu kedua pembukaan, apa-apa pembukaan kompleks ia akan menyaksikan keadaan sebegitu.

Tetapi yang menjadi, yang sepatutnya menjadi perhatian kita bersama-sama untuk selesaikan masalah adalah di pintu masuk, di pintu masuk ke Seremban 2 dari arah Bandar Seremban, khasnya di kawasan tol sekarang, yang sedia ada. Saya rasa kesesakan pada ketika ini bukan lagi dia pilih masa, bukan lagi di waktu puncak, bukan lagi bila ibu bapa hantar anak-anak ke sekolah, bukan lagi pekerja-pekerja pergi ke pejabat, tetapi sepanjang hari, sepanjang masa, termasuk cuti sekolah ni, termasuk hari yang mana cuacanya cerah, yang tak ada hujan, tak ada banjir, dia pun boleh jadi sesak. Dengan kenderaan terpaksa dalam

keadaan yang *long queue*, dengan izin Tuan Yang Dipertua, jadi saya mohon supaya kerajaan dengan tindakan yang segera anggap ini sebagai benda yang perlukan tindakan segera untuk melakukan sesuatu.

Saya tahu, sebahagian besar daripada keadaan kesesakan ini disebabkan oleh kenderaan yang keluar masuk ke tol, lebuh raya utara selatan. Dengan pembinaan tol yang baru, tadi, pagi ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebutkan bahawa tol baru akan dibina di kawasan yang dekat dengan Ainsdale, Sime Darby, projek Sime Darby, tapi bila, bilakah ia akan siap sepenuhnya dan beroperasi. Yang saya percaya dengan adanya tol baru, dan tol yang sedia ada ini dikekalkan, ia akan dapat mengurangkan kesesakan sebab sebahagian daripada kenderaan yang ke lebuh raya akan melalui tol yang baru. Dan keadaan ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas

Dato' Yang Dipertua, saya juga merujuk kepada satu kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri berkenaan dengan cadangan daripada Kerajaan Pusat ataupun dengan PLUS, untuk membukak satu lagi susur keluar, satu tol baru yang membolehkan kenderaan dari arah Bandar Seri Sendayan ataupun Seremban 2 yang ke arah utara, ke arah Kuala Lumpur misalnya, tanpa melalui tol yang sedia ada. Tapi melalui satu tol yang baru. Jadi saya nak tahu, apakah projek ini akan dilak, bilakah projek ini? Sebab saya tak nampak lagi ada pembinaan, bilakah projek ini akan dimulakan pembinaan dan seterusnya siap untuk beroperasi. Dan saya percaya ia akan turut membantu.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi perkara yang saya ingin nak perhatian, tadi rakan-rakan saya menyebut P54 – JPS. Kawasan-kawasan yang disebutkan banyak dah banjir dah. Tapi saya nak sebutkan satu perkara, saya nak ingatkan JPS pada hari ini, berkenaan dengan Sungai Kepayang khasnya kawasan, di bahagian Sungai Kepayang yang berdekatan dengan Kampung Dato' Mohd. Said di Batu 3, Jalan Labu. Kawasan ni tak banjir, kita tak harap banjir. Saya secara peribadi saya, saya mohon tak ada banjir. Setiap kali hujan lebat, hujan-hujan jangan banjir. Cuma saya nampak, dasar sungai ini, mendapannya dah semakin menebal. Permohonannya kepada JPS telah saya buat beberapa bulan yang lepas, tetapi jawapan yang saya dap, terima, maklum balas yang saya terima adalah kenderaan berat tidak dapat nak memasuki ke tebing sungai tersebut untuk melakukan kerja menggali apa, tanah ataupun pasir di dasar sungai. Saya mohon

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: kepada JPS supaya ambillah ataupun pihak kerajaan supaya memberikan sedikit sebanyak peruntukan di banyak, di bawah P54 – JPS, supaya kawasan yang tak berlaku banjir ni jangan berlaku banjir. Biarlah kita sediakan payung sebelum hujan. Janganlah

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: selepas kejadian barulah kita terkial-kial untuk mencari penyelesaiannya. Dan saya percaya tindakan ini adalah lebih baik. Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Tambahan dua minit yang terakhir. P52. P52, Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan Perkhidmatan Veterinar. Saya tengok rakan-rakan tak, tak ramai yang membangkitkan perkara ini. Ada Kerajaan Negeri khasnya di Selangor telah, telah pun menggariskan ataupun mengelompokkan tempat khas untuk pemeliharaan burung walit. Iaitu daripada Kerajaan Negeri Selangor. Di Negeri Sembilan, masih belum, khasnya di bawah kawasan penyeliaan MPS, Majlis Perbandaran Seremban, saya dimaklumkan hanya satu saja rumah burung yang mendapat lesen kelulusan daripada MPS sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Apakah, tetapi, pada hakikatnya, be, bukan berpuluh, beratus rumah burung yang beroperasi. Ada rumah kedai, ada kedai, ada di tingkat atas, ada di, sebelah apa, sebelah kawasan perusahaan dan sebagainya. Jadi saya memohon kerjasama daripada Kerajaan Negeri supaya mengambil iktibar supaya daripada apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang lain supaya perkara yang sama, dilakukan ataupun diberikan pertimbangan supaya pemeliharaan burung walit ini kita dapat kelompokkan kepada satu kawasan khas. Saya nak katakan, industri ini sekiranya kita lakukan dengan memberikan lesen, dengan menjaga kesihatan, kebersihan, kepentingan penduduk kita kutip lesen, kita dapat keuntungan. Kita dapat membolehkan ramai pengusaha terlibat. Ia sebenarnya satu keadaan yang sebenarnya *win-win*, dengan izin Dato' Dipertua, menang untuk kerajaan, pihak berkuasa dapat kutip permit, wang daripada permit lesen, *fees* dan sebagainya. Dan bagi pengusaha jugak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: mereka dapat mengusahakan perusahaan ini dan boleh memberikan pekerjaan kepada penduduk. Jadi saya mohon kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mengambil perhatian terhadap perkara ini.

Perkara terakhir yang saya nak sebutkan Dato' Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, tambahan dua minit dan selesai.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya mintak satu minit yang terakhir, sebab saya yang terakhir daripada pihak pembangkang. Saya mohon satu minit yang terakhir Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Satu minit.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: P60 – Perumahan. Perkara ni pernah saya sebutkan, ataupun saya rasa Yang Berhormat daripada Chennah ketika menjadi ADUN Lobak dulu pernah sebutkan. Berkenaan dengan di, 30 peratus unit khas untuk dibeli oleh bumiputera. Ya, memang kami memang tak membantah, kami setuju dengan dasar ni. Cuma kami berharap ada *flexibility*, keanjalan daripada pihak Kerajaan Negeri dalam pelaksanaannya. Sebab saya tengok di sesetengah Kerajaan Negeri walaupun mereka juga mempunyai dasar 30 *percent*, tetapi bilakah pemaju yang berkenaan boleh membuat permohonan. Saya dimaklumkan ada Kerajaan Negeri me, pemaju sekiranya gagal menjual 30 *percent* tersebut, mereka boleh membuat permohonan iaitu selepas 50 peratus pembinaan siap. Belum lagi CF. Tetapi di Negeri Sembilan, ketika ini saya dimaklumkan, ia adalah, dia perlu, dia hanya hanya mohon selepas CF dikeluarkan. Jadi saya mohon kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mempertimbangkan perkara ini. Apakah boleh dilakukan sebegini tetapi dengan syaratnya, pemaju tersebut telah memenuhi kesemua syarat dan keperluan yang telah ditetapkan, disyaratkan, diwajibkan oleh Kerajaan Negeri supaya hak pihak bumiputera tidak terjejas dengan pelepasan ini. Yang pentingnya perkara ini perlu dilihat dari segi kepentingan ekonomi.

Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya ambil masa tambahan sikit. Perkara yang terakhir yang saya nak ambil 30 saat daripada

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya tak benarkan lagi.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya, saya nak puji ni Dato' Yang Dipertua. Ni puji boleh ya. Saya nampak tadi, ketika makan tengah hari, saya nampak di Wisma Negeri, kat depan tu, ada satu apa, laluan khas untuk yang berkerusi roda, yang masih di peringkat pembinaan. Saya ucapkan terima kasih. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri rasa sebab ini keprihatinan Kerajaan Negeri dan juga satu transformasi ataupun ubah suai yang boleh apa, tambah baik untuk pihak-pihak yang turut serta.

Dan saya jugak am, berkenaan dengan perkara ini, saya turut ambil contoh di Melaka. Baru-baru ini selepas PRU yang ke-13, Kerajaan Melaka di bawah pimpinan Barisan Nasional telah mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang di DUN Melaka yang mana memberikan satu bilik khas kepada Ketua Pembangkang DUN Melaka. Jadi saya mohon kepada Dato' Yang Dipertua dan juga Kerajaan Negeri, seandainya boleh, supaya, ni kalau saya, kalau saya sebut Selangor *Penang*, nanti kata Pakatan Rakyat. Ini saya sebut Melaka. Ambillah iktibar daripada Melaka yang negerinya lebih kecil daripada kita supaya iktiraf kedudukan sebagai Ketua Pembangkang. Kalau boleh ketua pembang, pembangkang ketika beliau membahar, sekurang-kurangnya setengah jam kita benarkan dia, dia, dia membahar dan berikan satu bilik khas kepada Ketua Pembangkang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat kalau cakap pendek saya boleh. Yang Berhormat dah terlebih, makan masa dia. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Okay, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Seterusnya. Silakan.

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum w.b.t. Sebelum saya meneruskan perbaharar ini, saya ingin menyentuh

seperkara yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat dari Labu di segi menjawab tadi berhubung kait dengan memberi makan kepada haiwan. Saya teringat cerita ini, seorang sahabat saya seorang rakyat Britain yang sama-sama belajar di England dengan saya dulu, tahun '71. Lima tahun yang lepas, dia menghubungi saya, dia nak masuk Islam. Dia mintak saya mengislamkan dia. Jadi saya turun ke Liverpool, saya islamkan dia dan saya tengok dia seorang jadi jurutera yang amat berjaya. Dan tiga tahun lepas, dia datang ke Malaysia. Oh, dia cukup seronok. Dia jumpa saya. Dia mintak saya bawak dia sembahyang Jumaat di masjid kampung. Maka saya bawak dia sembahyang ke masjid kampung saya. Dan lepas sembahyang tu dia cukup seronok. Dia kata dalam Bahasa Inggeris dengan izin Dato' Yang Dipertua, dia berkata "*Ishak, your mosque fantastic*". Saya tanya dia, nama dia Ikwan, dah jadi nama Islam "*Ikhwan, why fantastic?*". "*A lot of bananas in your mosque*". Banyak pisang. Orang kampung saya cukup suka sedekah pisang ke masjid. Saya tanya dia "*Ikhwan, why you say lots of bananas good?*". "*It because bananas eaten by the monkeys.*" Dalam hati saya kata "kepala datuknya orang puteh, dia kata pulak orang kampung saya buruk". Dalam hati saya kata "hinggap tangan saya ke, tangan orang putih ni". Dia tengok saya dah pandang lain macam ke saya, dia kata dekat saya "*Ishak, you don't be angry. Because Allah is almighty. Why not Allah ask us to sent grape or apple to the mosque. Grape and apple are more expensive surely we got more reward from Allah if we sent grape or apple*". Dalam hati "betul jugak". Last sekali dia tanya "*you know monkeys, they never fight with each other. Cats loved by the prophet Muhammad. They fight with each other. You put inside with dogs will steal, tigers will steal, even human being fight with each other. But monkeys will never fight with each other. When they eat, they also cut the banana in two half each*". Jadi dalam dunia ni jangan pandang buruk rendah. Jadi kita yang pakai *coat*, pakai *tie*, kadang-kadang perangai lebih teruk daripada buruk yang tak pernah berbaju.

Dato' Yang Pertua, saya nak tengok 'na' lah, belanjawan ni daripada ha, dah tiga hari saya baca baca baca, tak ada pun tertulis pasal kenaikan elaun ha, Wakil-Wakil Rakyat ni. Di persidangan Dewan yang lepas, telah saya hujah, untuk pengetahuan, saya bacakan, untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, jumlah elaun ADUN-ADUN di Malaysia ini, Sarawak yang paling tinggi. Elaun ADUN di Sarawak [RM]15,000.00 sebulan. Selangor [RM]11,250.00. Melaka, negeri yang lebih kecil daripada Negeri Sembilan, [RM]8,000.00. Johor [RM]8,150.00. Kedah [RM]6,967.00. Perak telah bertambah [RM]3,000.00. Negeri Sembilan masih kurang.

Saya bukan nak mempersoalkan kenaikan ini. Saya tak bermaksud dia naikkan lebih. Tetapi kenaikan perlu kalau tuan-tuan harap ahli-ahli

Yang Berhormat bertugas dengan penuh komitmen. Eh, tuan-tuan jangan fikir tu kerja sebagai Wakil Rakyat ni senang. Di Dewan ni saya yang paling lama, saya yang paling tua. Sebab itu saya berucap akhir. Dah habis saya tengok yang muda-muda cakap, *you see the old man come*, dengan izin. Eh, jangan main-main tau, orang tua punya pukul lain tau. Ish.

Jadi, saya merayu ke, bukan, bukan merayu dah, memberitahu Kerajaan Negeri kena kaji. Yang, Yang Amat Berhormat ahli daripada Rantau tak boleh persoalkan saya bawak surat khabar Sinar. Tarikh 27 November. Ini kenyataan ahli Yang terhormat, ahli Yang Amat Berhormat daripada Rantau. Ha, *statement* dia, katanya “Perhubungan UMNO Negeri akan membayar gaji kepada semua pekerja-pekerja parti”. UMNO dah dibayar gaji tu. Dan ia sebut ini “kita tak percaya kerja sukarelawan hari ini”. Saya masuk UMNO dulu, 32 tahun dulu, tak ada pun berharap bayaran, tapi sebagai ahli Dewan pasal apa kita tak boleh dibayar lebih? Kita bukan mencurik.

Oh, ada orang kata kalau buat, ada Wakil Rakyat tertentu boleh diletakkan kepada GLC. Saya tak percaya makan duit luar ni. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ada yang dapat duit luar. Ada yang dibagi oleh Matrix Concept-lah, nilah, *company* tulah, jangan. Kalau hak tu bagilah dia hak tu. Kalau kita betul-betul nak membanteras rasuah, keadilan mesti diikutkan prinsip yang apa terlaksana [disambut dengan tepukan meja oleh ahli-ahli Yang Berhormat]. Tuan-tuan tepuk tangan tu setujulah kata saya. Bukan senang nak nyokong orang bersongkok macam ni tau. Saya tengok tuan-tuan pakai *tie* merah, tiba-tiba tepuk tangan menyokong orang bersongkok, saya tengok ahli Yang Berhormat daripada Palong pakai songkok tadi. Saya balik waktu sembahyang, saya bawak songkok saya. Sebab apakala kita pakai songkok, kita tak boleh cakap bohong. Sebab tu saya nak berucap saya pakai songkok.

Y.B. ADUN Chennah: Kalau tak pakai boleh?

Y.B. ADUN Lenggeng: Ya? Ya?

Y.B. ADUN Chennah: Kalau tak pakai songkok boleh cakap bohong?

Y.B. ADUN Lenggeng: Boleh. Saya, untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat daripada Chennah, orang banyak mempersoalkan pasal apa

saya suka pakai kain. Saya hari-hari suka pakai kain. Tahun '71, waktu saya nak melanjutkan pelajaran saya ke England, di *airport* Subang, saya bersalam dengan orang-orang kampung saya akhirnya saya bersalam dengan mak saya. Saya tanya mak saya "mak ada apa-apa pesan?". Mak saya kata "Hak, ada dua perkara kau jangan buat, satu, satu jangan berkahwin dengan orang putih". Saya cakap "mak kan orang putih tu cantik". "Ya, cantik. Dulu dia kejar moyang kita masuk hutan". "Yang kedua mak?". "Yang kedua, sehandal-handal kau lulus belajar besok, balik mesti pakai kain, jadi orang kampung". Saya tanya mak saya "pasal apa mak jadi orang kampung?". "Yang masuk universiti tu badan badan kau. Otak, otak mak campur otak apak kau. Kalau bangang mak, bangang apak kau, banganglah kau. Kau jangan loyar buruk Hak". Waktu saya balik 'tang' England di *airport*, tahun '75, saya pakai kain. Kakak saya mengamuk marah kat saya, dia dah kerja jabatan kerajaan "buruk ghoman kau pakai kain". Tapi mak saya senyum, dicium-ciumnya saya. Dia peluknya "kau macam dulu ya Hak". "Ada yang berubah mak". "Apa yang berubah Hak?" kata dia. "Dulu masa di kampung tak pernah pakai 'spender' mak, sekarang dah ada duit mak". Dulu saya di kampung mana ada duit beli 'spender'.

Dato' Yang Dipertua, jadi, kaji jugak ni, pasal kenaikan elaun. Bukan kita nak sangat, ini sebagai penghormatan kepada ahli-ahli Yang Berhormat ni. Kalau pegawai kerajaan dapat bonuslah, dapat ni, pasal apa ADUN ni tak boleh? Bukan ramai pun 36 orang. Tolak Dato' Yang Dipertua-lah, Dato' Dipertua tak nak tambah. Tapi Dato' Dipertua tak mahu, tak menyekat saya berucap, Dato' Yang Dipertua pun mesti dibagi tambahan. Barulah betul.

Dato' Yang Dipertua, ini saya nak hujah kepada Kerajaan Negeri, semalam ada kumpulan orang panggil saya, ajak saya pergi Makam Tuan Haji Said. Dalam hati saya "apahal pulak orang ni ajak saya pergi Makam Tuan Haji Said?". Ini kawasan DUN Sikamat, bukan kawasan Lenggeng. Dia cakap "datang To". Saya pun pergi. Betul jugak hujah orang situ, ditunjuknya saya kubur-kubur yang ada tu, dah tak ada tanah dah nak digunakan tanah untuk menampal kubur tu. Dan ditunjukkan sebelah tanah tu ada tanah kawasan yang Jabatan Perancang Bandar dah luluskan untuk dimajukan sebagai projek perumahan. Dalam ta, dalam hati saya "apa hal Kerajaan Negeri". Sepatutnya tanah itu gunakan kuasa pengambilan tanah diambil jadikan rezab berhampiran dengan kubur untuk orang lalu lalang. Ini dijadikan perumahan. Bangsat mana yang sanggup duduk rumah berhadapan dengan kubur? Bodoh punya Pengarah Perancang. Nak marah, marahlah. Saya pun, ha, ya, *I qualified as town planner aswell*. Saya kaji macam tu.

Cuba tuan-tuan fikir, kalau tak percaya cuba, ratusan tahun dah kubur Tuan Haji Said tu, ahli Yang Berhormat daripada Ampangan punya keturunan semua di situ. Pasal apa tanah tak di sebelahnya tu, tak direzabkan untuk jadi kawasan kubur. Hui, 'sok' tuan-tuan mati tahulah. 'Sok' 'kok' tak 'ado' 'tompek' kubur. Saya, waktu belum tahun 2008, satu mesyuarat kerajaan, bila saya mintak kawasan di Senawang, di belakang Kastam tu dijadikan kubur. Hui semua marah saya, "apa pulak, tu nilai komersialnya tinggi". Saya jawab "kawasan kubur tu dekat kepada rumah kakak saya, besok saya senang tuan-tuan pikul saya tak jauh". Pun setuju. Kan sekarang dah berebut pulak orang dah situ dah. Padakan buat Bukit Putus, buat situ. Bila kubur kita dekat ke pekan, nanti keturunan kita, anak cucu kita senang melawat. Bila dia melawat, dia membaca ayat Quran. Mana orang datang kubur baca karaoke. Tak ada. Semua orang baca ayat Quran.

Jadi saya mintak Kerajaan Negeri, kaji, gunakan kuasa, tak apa guna kita kuasa. Guna kuasa ambil tanah tu balik dari pemaju tu, jadikan rezab lapang untuk kegunaan orang ramai lebih baik. Ada ke sebelah kubur dijadikan perumahan. Tak tahu saya keputusan apa yang dibuat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa.

Y.B. ADUN Lenggeng: Eh, janganlah macam tu. Saya baru nak cerita Klinik 1Malaysia. Punya hebatlah Klinik 1Malaysia ni. Kawasan saya daripada 'nu' sempadan Selangor membawak ke Bukit Tangga, membawak ke Bukit Putus, tak ada satu pun Klinik 1Malaysia. Tak ada. Eh, berapa ramai Taman Ampangan, berapa ramai Panchor Jaya, berapa ramai di Panchor, bawak ke Pantai, bawak ke Sungai Jai. Tak ada satu pun. Sepatutnya kawasan macam ni, ni Pengarah Kesihatan, ini yang sepatut. Ni kadang-kadang bukan kawasan yang patut dibagi 1Malaysia, klinik. Eh, Klinik 1Malaysia ni bagus tu. Saya masuk sana saya berasa, hui *like a king*. Sebab *free*, semua *free*. Saya senyum je. *Nurse* tu pun banyak *nurse* muda-muda. Mana ada *nurse* tua kerja dalam Klinik 1Malaysia. Tu pun baik tu bila kita sakit jadi baik bila tengok *nurse* muda. Jadi, lain kali *nurse* jadikan yang muda-muda tu. Pengarah Kesihatan, jangan 'taghuk' yang tua. Yang tua tu kita sakit pun bertambah teruk rasanya.

Dato' Yang Dipertua, ni masalah jalan. Sebelum saya sebut jalan ni, dulu di masa persidangan Dewan yang lepas, saya sebut dah, lantai ni kena 'taghuk' plastik asal dia. Hari ni tak plastik. Ahli Yang Berhormat Johol lalu tadi, di, ditolak-tolakanya kepala saya. Sebab ha, kerusi saya ke belakang. Jadi, bila nak 'taghuk' plastik ni? Dulu ada plastik tu

senanglah kita main gelongsor sikit bila duduk. Ini payah, tu bila budak, ahli Yang Berhormat yang muda-muda tu balik-balik keluar kencing, balik-balik keluar kencing. Orang tua tak keluar kencing, orang muda je keluar kencing.

Saya nak menyebut pasal jalan ni, ada kawasan di kawasan saya, hari ni masih tak ada jalan. Masih jalan tanah lagi. Orang-orang kampung ni dia tak nak KLCC, dia tak nak LRT pun, apa perlu ada LRT di kampung. Yang penting jalan tu, mesti diadakan. Jadi buatlah jalan. Ha, saya tak tahu JKR ni dia pergi tengok tak pergi tengok. Saya dah mula nulis surat dah. Mula ya, saya nak panggil semua jurutera JKR ni turun. Jurutera ni turun *mileage* boleh *claim* tu. *Mileage claim* ni semua bohong pulak tu. Kalau boleh jalan 10 batu, di *claim*-nya 14 batu, pun tak ada orang larang. Pasal apa dia tak turun melawat. Jadi, mintak maaf kalau pihak jurutera JKR, nak marah, marahlah. Saya sebut bila orang kampung bila dia, dia tak marah kepada JKR, dia marah kepada Wakil Rakyat. Dia kata "Ni Yang Berhormat apa ni, jalan pun tak ada. Apa gunanya Yang Berhormat jadi Wakil Rakyat. Balik-balik makan tidur, makan tidur" kata dia. Sakit hati kita. Jadi, padahal keputusan orang lain yang buat. Yang hadap rakyat, kita tau. Tulah, jadi jalan ni, kena kaji baik-baik.

Bil elektrik, air. Di kawasan saya banyak balai raya tu yang tak berbayar bil. Ni saya ambil alih tau. Di kampung saya, ha, ni dewan masyarakat bil elektrik tak berbayar [RM]12,000.00, bil air tak berbayar [RM]5,000.00. Apa sudah jadi? Balai raya Lenggeng [RM]8,000.00 bil elektrik, apa yang dibuat oleh Pejabat Daerah selama hari ini? Waktu saya tinggalkan tak ja, tahun 2008 dulu, tak ada bil yang tertunggak. Semua saya selesaikan walaupun 'bersenseng' seluar saya. Saya selesaikan. Hari ini bila saya tengok bil air sini, bil elektrik ni tak berbayar, dah lah peruntukan tak ada. Bukan pembangkang tak ada. Saya satu sen tak ada. Satu sen pun tak ada. Dah lah rambut pun tak ada. Hutan pun tak ada tau. Kurang-kurang ahli Yang Berhormat ada jugak rambut, saya tak ada rambut tau.

Ish, ahli Yang Berhormat jangan ketawa. Terutama ahli Yang Berhormat yang Rahang jangan ketawakan orang tak ada rambut. Dalam dunia ni tuhan maha adil itu, tiap-tiap dalam dunia ni diadakan berpasangan lelaki-perempuan, hitam-putih, gemuk-kurus, tinggi-rendah, lelaki-perempuan. Orang lelaki diadakan berpasangan, dua kepala, satu di atas, satu di bawah. Apakala kepala di atas tak handal, di bawah *confirm* handal. Oh, diketawa-ketawa pulak kita. Ini yang banyak rambut, kepa, bawah belum tentu handal hari ini. Mintak maaf Dato'.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Nanti Dato' usir pulak saya keluar. Saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa habis dah.

Y.B. ADUN Lenggeng: Bagilah saya, saya penggulung. Saya akhir tadi saya tanya kawan-kawan yang ada semua kata tak, dibagi saya. Ada dua lagi. Baik, ini rumah kos rendah. Rumah kos rendah ni walaupun kuota 30 *percent*, 30 peratus, saya fikir tak cukup. Saya tengok di Nilai Impian, memang, mintak maaf masuk kawasan Nilai. Nilai Impian, Sime Darby buat rumah, rumah banglo dia [RM]800 [ribu] lebih berapa orang yang mampu membeli rumah macam tu? Orang yang bekerja kilang tu mana dia nak beli.

Dan mintak maaf kepada Pengarah Penilaian Negeri, saya tengok penilaian yang dibuat di kawasan Nilai berbeza-beza, rumah yang dibuat baru seperti mana yang dijalankan oleh Nilai Impian. Harga dia mengikut harga yang ditetapkan tapi harga rumah yang dibuat harga dia menurun. Mana ada susut nilai terlalu tinggi. Saya rasa saya nak cabar penilai-penilai di Negeri Sembilan. Bank bagitau saya "Dato' kita tak dapat bagi pinjaman penuh sebab penilaian yang diberi oleh Pejabat Penilaian Negeri adalah rendah berbanding dengan harga rumah-rumah yang baru". Yang rugi, rakyat.

Tuan-tuan ahli Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua tak percaya pergilah ke Nilai. Mana ada rumah murah dibuat. Jadi, rumah murah ni kena lebih, dulu-dulu kan ada kerajaan buat 100 peratus rumah rakyat. Barulah seronok, mengintai pun seronok, rumah tu rapat-rapat. Eh, tuan-tuan, tapi bahaya jugak rumah rapat-rapat ni Dato' Dipertua, senang kena aedes. Saya kampung saya mana ada penyakit aedes, tak ada. Denggi tak ada. Sebab denggi ni nak kena, nyamuk tu kena gigit pesakit, lepas tu gigit orang yang tak pesakit, baru berjangkit. Rumah kampung, dia, nyamuk nak terbang daripada satu rumah ke rumah, jauh. *On the way* dia dah letih. Kalau rumah pekan, rumah teres, sebelah-sebelah. Habis digigit di sini, dia pun terbang, bab dia dicucuk. Ha, itu yang berjangkit. Sebab itu belah Senawang banyak demam denggi, orang belah Pantai mana kena. Walaupun kita rupa lebih teruk dari orang Senawang.

Dato' Yang Dipertua, saya ada dua perkara lagi nak saya sebut. Ni, kalau dapat rumah ni apa kan. Yang ni, pasal pengeluaran pasir. Saya

tengok kawasan saya, lumat pengeluaran pasir, tak apa ni, yang tak ada lesen. Jadi saya fikir kerajaan pun bodoh jugak, kalau tak ada lesen dia tak dapat pendapatan. Ha, kerajaan perlukan dana. Jadi, kalau nak keluarkan pastikan ha, pungut betul-betul apa yang, dikeluarkan. Ni tidak, dia buat tak nampak je tau. Pegawai penguatkuasa dia buat nampak tak nampak je lalu. Dia buat seolah-olah pasir tu tak wujud. Walhal pasir keluar depan mata dia ni. Ha, saya dah nak mula nak nyiasat ni, akan saya siasat. Ada kawasan saya dekat di Nilai kilang haram pun ada. Saya congak Lembaga Hasil Negeri, satu bulan akan hilang pendapatan hampir [RM]300,000.00. Saya perhatikan dia orang ni, tak nampak ke pihak berkuasa?

Jadi, itulah dia. Dato' Yang Dipertua, jangan marah mengambil masa. Saya dah lama nunggu, bagi kawan-kawan saya sana pakai *tie* merah bercakap lama tadi. Ha, kawan-kawan yang tak pandai bercakap Bahasa Melayu saya ingat jangan 'bese' jadi besar, besar jadi 'bese'. Jadi belajar cakap betul-betullah tau. Ahli Yang Berhormat daripada Rahang, cakap betul-betul. Nanti tersilap cakap nanti, janda jadi dara. Jadi, itulah dia.

Dato' Yang Dipertua, saya mintak sangat pasal elaun ahli Yang Berhormat ni dikaji habis-habis dan pastikan munculnya persidangan yang akan datang, kenaikan dibuat. Saya menyebut ni, jangan besok orang ketawakan kita Negeri Sembilan. Negeri, bukan banyak sembilan, dia sorang yang tak naik. Negeri naik semua naik tu, semua naik. Saya jumpa kawan di Sarawak, dicihnnya kita. "*To' whats wrong with your state?*" kata dia. "*Why?*". "Eh, tengok kitalah. Dekat [RM]20,000.00 sebulan. Dato' dapat berapa" kata dia. [RM]5,000.00 tolak sumbangan kepada ni, Parlimen, dapatlah [RM]4,800.00. "[RM]4,008.00? eh, kata dia, tengok To".

Saya ni dapat pulak surat daripada Kewangan, dia mintak saya bayar balik pencen saya yang telah terbagi. Dalam hati saya "bukan saya yang buat silap, dia yang terbagi, lepas tu dituntut pulak". Kalau saya ambil barulah salah. Ini dia dah bagi, saya suruh bayar balik. Dalam hati "siaplah kau, nanti aku lawan kau". Ha tu. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Palong tu tau lah, dia ketawa tu, dia pun mungkin kena bayar balik. Ahli Yang Berhormat daripada Pilah tak taulah kena tak kena.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay, terima kasih.

Y.B. ADUN Lenggeng: Okay, sekian, sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua, jangan marah nanti cepat tua. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi ahli-ahli Yang Berhormat? Kalau tak ada saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Pertamanya saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat ADUN Rantau kerana telah membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 yang begitu kemas perincian mencukup, mencakupi matlamat Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Barisan Nasional yang berteraskan kepada kemakmuran negeri, kesejahteraan rakyat dan janji ditepati. Sesungguhnya dalam membawa kecemerlangan ini adalah demi untuk kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Sembilan nyata bajet yang dibentangkan secara rekodnya telah mencatatkan empat tahun berturut-turut lebih dari segi pendapatan walaupun ya, Kerajaan Negeri dipim, dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional terus mengamalkan belanjawan berimbang. Dalam pembentangan berkenaan, banyak perkara yang telah disentuh demi untuk memperkasakan Negeri Sembilan ke arah era yang lebih maju dan dibanggakan secara keseluruhannya adalah demi kepentingan rakyat Negeri Sembilan yang bernaung di bawah payung Kerajaan Barisan Nasional.

Seharusnya lonjakan pembangunan ini tidak perlu disangsikan lagi kerana dalam memikul amanah dan tanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian hidup, mereka diberikan perhatian. Sejak di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional-lah rakyat merasai limpahan pembangunan yang dibawa sama ada ia berbentuk kemudahan asas seperti air, api, kemudahan infrastruktur, menjana pendapatan ekonomi ataupun peluang dan ruang pekerjaan.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada angka anggaran pendapatan dan jugak anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan, banyak perkara yang telah disentuh, disentuh oleh Yang Amat Berhormat DUN Rantau terutamanya tentang kejayaan, kejayaan demi kejayaan. Walaupun kejayaan-kejayaan ini saya nampak rata-rata pihak pembangkang telah menafikan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tak ada, tak ada satu pun yang kita tengok ataupun majoriti dia yang diberi sokongan yang sepenuhnya oleh rakan-rakan pembangkang. Tetapi saya 'heran' jugak kadang-kadang, kawan-kawan pembangkang ini yang saya lihat daripada 2008 tak pernah jugak berubah, seperti yang dinyatakan oleh DUN Ling, ADUN Lenggeng tadi, Yang Berhormat Lenggeng bahawa dari segi penggunaan Bahasa Malaysia sepatutnya dah masuk yang penggal yang kedua dah mereka-mereka ini, patutnya, patut dah *improved* ya, dengan izin, dah *improved* dah ya, penggunaan

bahasa Bahasa Malaysia. Saya tak sebutkan tadi terbungkalai disebut “terbungkalai”. Lepas tu menyemulakan ataupun memulakan

Y.B. ADUN Temiang: Lari tajuklah.

Y.B. ADUN Seri Menanti: menyemulakan. Jadi saya tak nampak pun, tak nampak pun perubahan. Daripada dulu sampai sekarang tak ada perubahan. Jadi sebelum untuk menuding jari kepada pihak Kerajaan Negeri jadi, betulkan kita punya bahasa kita. Saya nak tengok penggal yang akan datang, Dewan, sidang Dewan yang akan datang ya, rakan-rakan kita ahli Yang Berhormat daripada pembangkang ini menggunakan Bahasa Malaysia yang betul. [Disambut dengan tepukan meja oleh ahli-ahli Yang Berhormat]. Belum lagi, belum tamat lagi.

Yang Amat berhor, da, Dato' Yang Dipertua, sebenarnya saya sebut tadi, demi kejayaan-kejayaan yang telah dilakari oleh apa ni, Kerajaan Negeri Sembilan. Dari segi ekonominya, kita melihat pelaburan yang meningkat. Pada tahun 2012 pelaburan yang meningkat kepada 3 *point* peratus lebih daripada tahun 2011. Ini adalah satu kejayaan. Di dalam bidang pendidikan, ter, ter, duduk dalam kelompok yang kelima terbaik di peringkat kebangsaan. Ini adalah satu, menunjukkan satu kejayaan. Bukan itu sahaja, malahan banyak lagi. Dari segi pentadbiran kerajaan, jabatan-jabatan yang telah diberikan penarafan 4 Bintang. Enam jabatan. Dua jabatan berturut-turut lima tahun mendapat penarafan 5 Bintang. Ini menunjukkan satu kemajuan. Ini menunjukkan satu peningkatan. Ini menunjukkan pembangunan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Mengapa rakan-rakan yang ada di pihak pembangkang tak mengiktraf, tidak mengiktiraf langsung, tidak menyebut langsung tentang kejayaan-kejayaan telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan, Dato' Yang Dipertua, kalau kita melihat ya, dari segi lain, dari segi pendidikan ya, khasnya pelajar-pelajar, ya, yang kita tengok, yang difokuskan oleh Kerajaan Negeri kerana memetik kata-kata tokoh ulung Nelson Mandela ya, “pendidikan adalah senjata paling apuh yang dapat kita gunakan untuk mengubah dunia”. Ya, kita lihat pemergian tadi ratap, rial, diratapi oleh seluruh dunia.

Selaras usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai lembah ilmu dan melahirkan lebih ramai lagi Pendeta Zaaba era baru, peruntukan 11, [RM]14.94 juta kita lihat bagi program pendidikan dan kerohanian, amat dialu-alukan. Begitu prihatinnya Kerajaan Negeri Sembilan. Kalau kita tengok ya, kalau kita lihat

kesungguhan Kerajaan Negeri untuk melahirkan cendekiawan, kita lihat kepada pencapaian pelajar-pelajar universiti kita ya, pada tahap kelas pertama ya. Pada tahun 2005 dulu, kita tengok ada seorang saja yang mendapat kelas pertama, Ijazah Kelas Pertama. Berbanding dengan tahun 2011 dan 2012, kita lihat 2012 sebanyak 170 lebih. Ramai peningkatan sebab apa, galakan daripada Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan kejayaan meningkatkan modal insan dan pendidikan di Negeri Sembilan. Ini atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional. Ini pun tidak diiktiraf oleh rakan-rakan kita.

Jadi apa yang ki, apa benda yang kita buat, Kerajaan Barisan Nasional yang diiktiraf oleh rakan-rakan kita ini. Sepatutnya mereka-mereka, rakan-rakan kita ini memberi pengiktirafan. Yang betul tetap betul. Bukan sahaja kita pakai songkok kita cakap benar, tak pakai songkok pun kita bercakap benar jugak. Jangan sebab kita tak pakai songkok, maknanya kita bebas untuk tidak bercakap benar. Itu tak betul tuan-tuan dan puan-puan. Kita, Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat semua, kita mesti bercakap benar di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, kita lihat peluang, peluang yang wujud begitu banyak sekali peluang-peluang pekerjaan hasil daripada lebihan pelaburan yang kita *target* ya, yang kita sasarkan sebanyak [RM]1 bilion setahun. Tahun 2012, kita tengok ada [RM]3 bilion lebih dan memberi peluang kepada 5,000 lebih ya, peluang-peluang pekerjaan kepada orang kita. Dan ini telah mengha, telah menyebabkan kita punya KDNK kita ya, KDNK kita meningkat daripada 4.95 peratus kepada 5 peratus tahun 2012. Ya, kita lihat inilah satu kejayaan. Saya tak nampak ya, saya tak nampak satu pun kegagalan-kegagalan yang berlaku.

Dari segi hutang Kerajaan Negeri tadi, yang disebut tadi, memang saya nak bagitau Bukit Kepayang, dah keluar dia dah, memang kerajaan, kerajaan, Kerajaan Negeri menguruskan hutang dia yang terbaik sebab daripada [RM]2 bilion lebih dulu hutang, yang disebut, yang dijadikan isu oleh pihak pembangkang, yang mengatakan Kerajaan Negeri Sembilan akan bankrap kerana hutang tersebut, tetapi sekarang ini tak sampai dua tahun ataupun dua tahun lebih ya, hutang kita telah pun tercatit tadi sebanyak [RM]800 lebih juta. Dan apabila sahaja PAAB ataupun Perbadanan Air Berhad dapat melunaskan segala bayaran dia, maka hutang kita hanya tinggal [RM]2 bilion, [RM]200 juta lebih. Dan ini sebenarnya lebih mengecil, lebih kecil daripada negeri-negeri maju, ya, termasuklah Selangor sendiri.

Jadi, tuan-tuan dan puan-puan, Dato' Yang Dipertua, jadi, kalau nak dibandingkan negeri kita Negeri Negeri Sembilan, dengan negeri-negeri

di bawah Pakatan Pembangkang, sebenarnya Negeri Sembilan ni jauh lebih baik lagi. Jauh lebih maju lagi nak banding dengan negeri-negeri di Pakatan Pembangkang. Saya setuju dengan [YB] Ravi lakukan reformasi. Reformasi dalam untuk kita memajukan negeri kita, kita lakukan transformasi untuk kita melihat Negeri Sembilan ini, Negeri Sembilan ini adalah sebuah negeri yang maju berbanding dengan negeri-negeri yang selalu dijadikan contoh. Ja, kita kena ikut, kita kena tengok fakta adakah benar ataupun tidak.

Y.B. ADUN Port Dickson: Masa dah tamat.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Masa tambahan, masa tambahan. Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua ya, ada yang menyebut ya, tentang mengapa kita ya, nanti Yang Amat Berhormat ADUN Rantau akan, akan menjawablah. Tapi saya tadi, saya tertarik sikit sebab apa mengapa kita jual, menjual, mengapa kita jual saham kita ya, pada tahun tersebut. Kalaulah kita tahu tahun 2012 ya, kalau kita tahu, suasana ekonomi dunia yang akan merudum. Dan kita tahu ya, saham-saham di, yang disenaraikan ya, di Bursa Saham akan jatuh, mengapa kita perlu pegang lagi saham kita. Mengapa kita perlu pegang lagi. Masa tulah kita nak jual, masa saham naiklah tadi kita nak jual

Y.B. ADUN Chennah: Rasanya Yang Berhormat tak ada keyakinanlah kepada ekonomi Malaysia.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Saya yakin.

Y.B. ADUN Chennah: Telekom Malaysia, Tenaga Nasional, *Malaysia Airport*. Ini semua *blue-cheap company*, sama GLC

Y.B. ADUN Seri Menanti: Saya pun tahu. Saya tahu

Y.B. ADUN Chennah: Tak kamu tak tahu

Y.B. ADUN Seri Menanti: Secara *detail* nanti Yang Amat Berhormat DUN Rantau akan jawab. Saya cerita tadi secara umum dia. Secara umumnya bahawa masa, kita tahu apa ni, pasaran saham akan jatuh,

kita juallah. Masa kita tengah meningkat, saham kita tengah meningkat. Jadi itu, saya ingat mudah, mudah, Dato' Yang Dipertua. Dan yang lain-lain Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Dato' Yang Dipertua, saya sebagai membantu peningkatan ya, kita punya budaya berfikir dalam perniagaan, dan mengambil *inquest*, Dato' Dipertua, jadi, bagi mengakhiri Dato' Dipertua ya, bagi mengakhiri keseluruhan ya, jika kita mahu melihat masa depan sesebuah negeri atau negara, lihatlah kepada generasi muda hari ini yang bakal mencorakkan masa depan negara kelak. Latihan, pendidikan, tambah nilai dan peluang serta motivasi perlu sentiasa diberikan ke, kerana walau seindah mana pun sebutir mutiara, perlu digilap untuk mengedip cahaya. Sebernas mana sekalipun idea seseorang, perlu diberikan peluang untuk nampak jasa dan kebolehannya. Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum w.b.t.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi Yang Berhormat? Kalau tak ada, saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, saya ucap terima kasih kepada semua rakan-rakan ahli Yang Berhormat, ahli Dewan yang bersidang, membahaskan hari ini tentang pembentangan bajet 2014 yang telah saya bantangkan untuk belanjawan Negeri Sembilan 2014. Bajet yang berimbang yang telah dibentangkan untuk kita pastikan supaya kita bila merangka bajet negeri, Dato' Dipertua, kita mesti berhati-hati dan berhemah kerana di dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi baik global dan jugak kawasan di Asia dan di Asia Tenggara. Dan memandangkan ekonomi negara kita ini merupakan ekonomi yang berdagang, tidak boleh tidak kita tidak mengambil kira tentang aktiviti ataupun kejadian-kejadian dan jugak isu-isu yang berlaku di sekitar kawasan di peringkat zon Asia kita, Asia Tenggara dan jugak pasaran global dan jugak kepada negara-negara yang menjadi tradisi sebagai pembeli kepada barangan buatan kita.

Malaysia bergantung banyak hasil sumber negara kita yang pertama ataupun yang utama sekali adalah hasil daripada jualan barangan pembuatan. Dan kesannya amat ketara sekali semasa krisis ekonomi dunia yang melanggar negara-negara maju pada tahun 2008/2009 di

mana pembelian ataupun eksport barangan buatan kita terjejas begitu teruk. Walaupun begitu, kita masih beruntung Dato' Dipertua, kerana ekonomi, ekonomi negara Tanah Besar China tidak begitu tertekan dan ekonomi yang besar begitu dapat memberi ruang kepada banyak ekonomi negara lain menumpang untuk sama-sama bergantung kepada ekonomi ini, terutamanya Malaysia. Banyak brang-barang buatan kita dan jugak hasil daripada kelapa sawit dan yang lain-lain dibeli oleh negara China dan jugak kita mempunyai hubungan yang baik antara kedua negara.

Jika kita bandingkan hasil eksport kita dengan Amerika yang menjadi negara utama pembelian barangan, kejatuhan eksport tersebut amat ketara sekali. Dan jugak negara-negara Eropah, Dato' Dipertua. Sehingga sekarang, pembelian barangan buatan daripada Malaysia oleh negara-negara tradisi ini masih lagi belum pulih seperti mana kita pernah, pernah dapati sebelum krisis yang melanda negara-negara mereka.

Jadi, alhamdulillah, dalam, di Negeri Sembilan, saya telah bentangkan satu bajet yang berimbang. Bajet yang berimbang kita bentangkan dah, dah, ini masuk kali keenam, bajet berimbang kita bentangkan sejak pada tahun 2009, Dato' Yang Dipertua ya, yang kelima ya. Dan saya yakin bahawa bajet ini akan dapat memberikan imbalan kepada kita untuk mengurus dengan baik lebih berhati-hati kerana kita perlu berbelanja apa yang kita dapat. Kita jangan berbelanja sesuatu yang kita belum pasti kerana berbelanja sesuatu, kepada yang belum pasti, ini akan menjadikan kita sebuah negeri yang saya takut nanti jika ada apa-apa berlaku, kita tidak dapat untuk kita memperoleh hasil yang kita jangkakan itu, maka kita akan jatuh terduduk, dan menjadikan sebuah negeri yang mempunyai defisit yang besar nanti.

Walaupun begitu Dato' Dipertua, ada komen-komen mengatakan bahawa selalunya kita buat bajet tambahan. Bajet tambahan ni selalunya Dato' Dipertua, kita buat selepas mesyuarat yang ketiga ataupun keempat selepas pertengahan tahun. Kerana apabila selepas pertengahan tahun itu, kita dapat mengagak anggaran hasil terutamanya Hasil Bukan Cukai, yang kita anggarkan telah pun dapat kita kumpul. Maka kita berbelanja dan kita bentangkan ke dalam Dewan untuk kita dapatkan kelulusan Dewan yang mulia ini untuk kita guna pakai duit hasil tambahan yang di luar jangka tersebut ataupun kalau ada *extraordinary income*, dengan izin Dato' Dipertua. Selalunya pertambahan ini kita mintak daripada Dewan untuk kelulusan adalah biasanya kerana terpaksa membayar emolumen tambahan, bonus yang mana kita tidak bajetkan ataupun seperti tahun lepas, ada kenaikan gaji tambahan, satu mata tangga pada bulan Julai tahun 2013 ataupun

tahun ini. Dan kalau ada pertambahan pembayaran utiliti iaitu untuk bayaran air dan jugak letrik.

Dan yang paling ketara sekali setiap tahun kita mintak tambahan Dato' Dipertua, seperti yang saya sebutkan semalam, pagi ini, bahawa jika tidak disebabkan kita mempunyai, ada lagi bajet-bajet yang perlu kumpulkan, kita letakkan di satu tempat, kita perlu jugak membawa bajet tambahan semasa sidang ini untuk kita memohon perbelanjaan tambahan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak [RM]1 juta lebih. Ini adalah disebabkan oleh kita telah pun selesai membuat siasatan dan ramai lagi pertambahan permohonan yang telah pun diluluskan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti mana yang banyak teguran yang dibuat oleh ahli-ahli bo, ahli Yang Berhormat tadi, mengapa mengambil masa yang lama. Mereka ini bukan masalah lama, Dato' Dipertua, tetapi masalahnya ialah kekangan kewangan kerana setiap sen yang telah pun diletakkan di bawah jabatan ianya telah pun bertajuk. Maknanya tidak ada lebihan yang kita bajetkan untuk orang baru. Jadi, orang-orang baru ini menunggu kelulusan daripada Dewan untuk kita luluskan supaya belanjawan tambahan perlu diwujudkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mereka-mereka yang baru, yang telah pun dikenal pasti layak untuk menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Inshaa allah, kita akan tambah lagi dan kita akan tambah sebanyak [RM]1 juta lebih untuk kita penghujung tahun atau awal, awal ta, tahun depan Dato' Dipertua.

Dato' Dipertua, perbincangan dimulakan oleh Yang Berhormat daripada Chennah. Yang Berhormat daripada Chennah ada menyatakan berkenaan Laporan Ketua Audit Negara khususnya kepada penjualan saham-saham. Penjualan saham-saham yang telah pun disimpan, dibeli oleh Kerajaan Negeri, dan tanya mengapa jual. Kita Dato' Dipertua, beli saham ni, saham ni bukan kita punya. Saham ni bukan syarikat kita. Bila kita berniaga, kita mesti letak ke tepi kita punya, kita punya sentimen. Sentimen kita beli saham, Dato' Dipertua, ialah untuk kita buat duit. Bila kita buat duit, kita jual. Jangan pulak nanti kita beli mahal, kita jual murah. Itu bukan pandai namanya, tak cerdik. Bila kita beli murah, Dato' Dipertua, saham naik, kita jual. Dan kita akan masuk keluar masuk, Dato' Dipertua, untuk kita pastikan kita buat duit. Semasa ber, 2011, Dato' Dipertua, kita jual saham-saham ni, kita telah pun membuat keuntungan sebanyak 156 peratus daripada harga belian. Harga beliannya, dan kita telah buat keuntungan sebanyak 156 peratus. Apakah kita tidak sensitif, apakah kita mahu menunggu lagi 20 - 30 peratus, nak jadi 200 peratus keuntungan, takut-takut nanti saham, pasaran saham merudum dan kita akan kehilangan kerana 156 peratus

keuntungan ini, cuma di atas buku, belum direalisasikan. Maka nasihat kita kepada jawatankuasa pelaburan, kita ada jawatankuasa pelaburan ya, Dato' Dipertua, yang mana saya selaku pengerusi dan jugak Pegawai Kewangan Negeri dan jugak Bendahari, dan jugak dalam komuniti tersebut, kita meneliti kita punya pelaburan di Negeri Sembilan ini Dato' Dipertua. Dan kita lihat bahawa saham yang kita beli, macam *Petronas Chemical*, kita untung banyak. Kita tak simpan pun, tak sampai beberapa tahun simpan, kita dah untung banyak, kita jual. Kita beli saham FELDA misalnya, FGV, kita beli [RM]4.20 sen, kita lihat bahawa kita ikut *fundamental*-nya saham ini tidak mungkin melepasi [RM]6.00 ringgit. Itu sebabnya saya nasihatkan selaku pengerusi, nasihatkan jawatankuasa pelaburan supaya meninjau semula prestasi saham ini dan kita telah pun buat duit. Maka kita jual dulu. Boleh jadi kalau turun nanti, kita beli semula. Kita mesti tolak perasaan kita apabila kita memegang saham.

Kita tidak boleh *too sentimental*, dengan izin Dato' Dipertua, kerana seperti yang saya sebutkan tadi, saham ini bukan kita yang punya. Syarikat ini bukan kita punya. Tajuk kita ataupun kita membeli saham tersebut adalah semata-mata nak buat keuntungan. Kalau dah 156 peratus keuntungan, tak kanlah kita tak nak jual, kan? Berapa peratus lagi kita nak tunggu untuk kita buat keuntungan? Saya rasa ini satu penanaman modal yang amat baik sekali. Tolong bagitau saya mana ada satu pelaburan yang boleh kita dapat 156 peratus keuntungan dalam begitu masa yang singkat, Dato' Dipertua, dan kita tidak buat apa-apa. Maknanya kita, Dato' Dipertua, kita kurang cerdiklah. Bukannya tak timbul soal kita tak percaya ekonomi negara. Tak timbul soal kita tak percaya kepada TNB ataupun tak percaya kepada Telekom. Bukan kita punya syarikat. Yang penting kita menanam modal, kita melabur nak buat untung. Ini adalah *fundamental* asas kepada pada orang yang melabur. Melabur mesti buat duit, melabur mesti untung. Kalau melabur tak untung, maknanya kita tak buat *homework* kita, dengan izin, ataupun kita tidak cerdik. Tak pandai. Lawan tak pandai, tak cerdik tu, tuan-tuan tahulah ya.

Jadi, itu sebabnya kita jual. Dan kita sentiasa memantau sekarang. Kita lihat bahawa *resistant level* 1,850 merupakan *resistant level*. Dah banyak, berbilion-bilion daripada luar negara datang kerana disebabkan oleh kita punya *interest rate* di sini rendah. Dan mereka menjangkakan bahawa kehendak untuk membeli Ringgit semula adalah banyak kerana bon-bon US Dollars yang dikeluarkan oleh kerajaan ataupun syarikat-syarikat multinasional di Malaysia akan matang dalam dua tiga tahun atau empat tahun lagi. Mereka-mereka membeli Ringgit, dan pada ketika itu nanti mereka akan menjual Ringgit. Itu

sebabnya kita perlu berhati-hati supaya ekonomi kita mesti diurus dengan baik.

Dato' Yang Dipertua, tunggakan cukai taksiran. Memang betul, Dato' Dipertua, di MPN, dan jugak MPS ada cukai-cukai taksiran yang di, telah pun diminta oleh syarikat kepada Kerajaan Negeri untuk mereka tidak bayar dulu kerana disebabkan oleh beberapa perkara. Kerana disebabkan oleh bantahan. Kerana disebabkan oleh perkara-perkara yang menjadi, *mitigation factor* antara dua pihak, maka Kerajaan Negeri menasihatkan. Dan MPN, MPS ataupun PBT meminta nasihat daripada Kerajaan Negeri dan kita telah pun memutuskan supaya kita ketepikan dulu sehinggalah kes-kes ataupun rayuan ataupun bantahan dapat didengar dengan sebaik yang mungkin, berpuas hati kedua pihak, maka itulah masanya nanti, mereka boleh membayar. Macam Seremban 3 misalnya, Syarikat Seremban 3, mereka menghadapi masalah dan macam-macam lagi. Jadi, kita bagi dia tangguhan dan kita telah pun letakkan apa saja perancangan masa depan, jika nak diluluskan, mereka mesti membayar cukai yang tertunggak, cukai tanah dibayar, tapi cukai pintu ini tertunggak, maka mereka mesti membayar.

Dan ada jugak syarikat macam di Nilai, Bandar Baru Nilai. Sebabkan oleh mereka membantah, disebabkan oleh *clause* yang longgar di dalam akta kita. Mana mengatakan bahawa syarikat ini pada dulunya, pada asalnya dulu telah pun, mereka telah pun memasukkan Kebenaran Merancang, ini tahun 1900 lebih dulu, merancang. Dan semuanya telah diluluskan. Maka MPN telah pun mengenakan cukai taksiran di atas pelan perancangan mereka. Wal, padahal di atas tanah tersebut masih lagi aktiviti pertanian. Ada lagi pokok kelapa sawit, dan pokok kelapa sawit itu dicagar, dipajakkan kepada orang. Dan orang menghasilusahakannya. Tetapi di atas kertas, kawasan tersebut telah pun dikenal pasti sebagai kawasan perancangan perumahan ataupun perindustrian misalnya. Maka ini menjadi tajuk kepada bantahan dan jugak tajuk kepada rayuan tersebut. Kita dengar, dan kita telah pasti, dan kita buat keputusan. Baru-baru ni kita buat keputusan di exco, kita menolak. Dan syarikat tersebut telah akur. Dan kita telah memberi mereka sedikit *rebate* di atas sebab-sebab yang kita kenal pasti boleh kita bagikan *rebate*, Dato' Dipertua.

Jadi, ini sebab-sebab beberapa perkara yang bagikan kepada cukai *rebate* dan jugak *remission* kepada cukai tanah dan jugak kepada cukai-cukai taksiran. Cukai-cukai tanah pun begitu, Dato' Dipertua, banyak yang memintak supaya *remission* diadakan sementara mereka ini menunggu keputusan-keputusan yang mana rayuan dan bantahan dibuat ke atas sesuatu cukai ataupun cukai taksiran ke atas tanah-tanah

mereka. Ini banyak di Seremban dan jugak banyak di MPS dan jugak di MPN, Dato' Dipertua, ya.

Bajet difisit PBT, jangan pulak naikkan cukai. Kita tak naikkan cukai. Kita cuma membuat anggaran taksiran harta saja. Jadi jangan pulak nanti, dengar kita buat anggaran taksiran harta, masing-masing kelam kabut katakan "wah, ini cukai akan naik". Kita tak cukai, kita tak naikkan cukai Dato' Dipertua, kita cuma setiap tahun aset kita perlu dinilai. Setiap tahun harta kita perlu dinilai mengikut harga pasaran semasa. Mengikut penilaian semasa. Sama ada kita nak naikkan cukai ataupun tidak, PBT tidak ada kuasa. Itu kuasa Kerajaan Negeri yang akan menentukan sama ada boleh naik ataupun tak boleh naik. Jadi, setaka ini belum ada lagilah cita-cita Kerajaan Negeri untuk menaikkan cukai-cukai taksiran tersebut.

Tapi jangan panik, bila dengar nanti katakan harga rumah dia naik. Memang naik kerana hartanah di Seremban ni dah naik, dah meningkat sebab, disebabkan berbagai-bagai faktor. Disebabkan oleh kebanjiran daripada Lembah Kelang, disebabkan oleh Lembah Kelang yang besar, disebabkan oleh perhubungan yang baik, dan macam-macam lagi Dato' Dipertua. Dan jugak yang penting sekali kerana disebabkan oleh pembangunan yang rancak berlaku di kawasan Seremban.

Projek-projek kecil P56 ni Dato' Dipertua, walaupun namanya Pegawai Pengawal dia Setiausaha Sulit. Lagipun Setiausaha Sulit saya Dato' Dipertua, bukannya *political appointee's*. Dia merupakan pegawai kerajaan. Dia adalah pegawai PTD yang dipinjamkan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan, menjadi Setiausaha Sulit kepada saya. Dan untuk memudahkan, memudahkan Dato', kalau tidak, Dato' Dipertua, macam kerja-kerja kecemasan yang P56, P50 ni nak kena pergi kepada Pejabat SUK, pergi Pejabat Bendahari, pergi pejabat, macam-macam dia, Dato' Dipertua. Pergi ke Pejabat Tanah. Sa, kita nak meringkaskan kerja. Banyak P56 ni banyak kita buat atas asas kadang-kadang bencana alam, kadang-kadang PIBG mintak, kadang-kadang persatuan mintak. Persatuan-persatuan ini Dato' Dipertua, banyaknya kita bagi P56, kadang-kadang jalan, jalan berlubang-lubang. Kadang-kadang jambatan dia rosak, macam, itu kita buat segera Dato' Dipertua. Jika, jika tidak, dia akan proses birokrasi itu akan, akan, akan bermula semula kalau kita letakkan kerana ia perlukan berbagai-bagai kelulusan dan berbagai-bagai peringkat. Maka salah satu daripada sebab mengapa P56 ini dikeluarkan daripada pengawasan pihak Bendahari Negeri dan jugak pada pihak Pegawai Kewangan Negeri, diletakkan di bawah pengawalannya ialah Setiausaha Sulit Pejabat Menteri Besar adalah untuk kita mengurangkan kerenah birokrasi dan untuk kita mempercepatkan proses untuk kita memproses permohonan-

permohonan dan jugak apa jua isu-isu dan masalah-masalah yang perlu kita tangani dengan segera di peringkat, di peringkat bawahan di sana, Dato' Dipertua. Itu sebabnya. Dan tak ada apa-apa *political* apa, ataupun motif di *behind*, ataupun di belakang pengawal, Pegawai Pengawal-nya adalah daripada Setiausaha Sulit Pejabat Menteri Besar.

Taman Bukit Jong, tanah bukit ataupun tanah di Bukit Jong ni Dato' Dipertua, memang betul saya menjawab soalan lisan mengatakan bahawa tanah tersebut tanah rezab Melayu, dan ia merupakan sebahagian daripadanya adalah rezab kuari JKR. Tu, itu jawapan saya. Jawapan bertulis daripada Pejabat Tanah, Pejabat Tanah dia akan tetap mengatakan apa yang terdapat dalam rekod mereka. Bahawa tanah tersebut pada tahun 2001, telah pun dibagikan kepada syarikat sekian sekian. Saya lupa nama dia ya. Syarikat sekian sekian, syarikat a-b-c. Tetapi di dalam rekod Pejabat Tanah jugak, ada menyatakan bahawa *Title* belum keluar lagi kerana terdapat bantahan, seperti yang saya sebut tadi, bila ada bantahan, walaupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun meluluskan tanah tersebut, premium dibayar, tetapi bila ada bantahan kita akan KIV. Kita akan siasat. Dan kita akan pantau. Dan memang wujud bantahan dan permintaan oleh beberapa pihak di situ, termasuklah pihak-pihak yang mempunyai kepentingan macam pihak kuil, pihak tokong dan pihak masjid, supaya tanah tersebut direzabkan untuk kegunaan masing-masing. Itu sebabnya kita tangguhkan. Kita tangguhkan dan sehingga hari ini, tidak ada sebarang geran telah pun dikeluarkan, walaupun premium telah dikeluarkan.

Di bawah Kanun Tanah Negara, tidak ada siapa boleh menyatakan tanah tersebut adalah tanah milik mereka jika mereka tidak ada geran ataupun tidak ada *Title*, walaupun premium dah bayar. Jadi, kita sekarang sedang meneliti dan melihat, walaupun ada macam-macam rayuan, macam-macam perkara kita lihat, kita bincang secara serius, secara rasional di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dan kita dapati bahawa memang wujud kebenaran, memang wujud ada bantahan dan jugak rayuan daripada pihak yang berkepentingan yang sedia ada di atas tanah tersebut, Dato' Yang Dipertua. Walau apa pun, kita akan pastikan, kita akan bawak semula ke Mesyuarat MMK kerana pihak Pentadbir Tanah Dan Galian Negeri Sembilan telah pun diarahkan untuk menyiasat, Pentadbir Tanah Daerah Seremban diarahkan menyiasat dan untuk kita beri gambaran yang sebenar. Apakah perlu kita teruskan anugerah tanah tersebut kepada pihak yang telah pun kita bagi, lulus pada 2001 ataupun kita perlu dengar dan kita perlu lihat kepentingan orang yang merayu dan membuat bantahan atas tanah tersebut.

Jadi, tidak timbul soal kita memberikan dua ataupun jawapan yang berbeza-beza sebab soalan yang diberi, yang telah pun diberikan semasa soalan bertulis ialah “apa status tanah tersebut”. Maka pihak Pejabat Tanah, Pejabat Tanah akan bagi status sebenar, “tanah tersebut telah pun diberikan dengan premium dibayar 25,000.00 ringgit”. Itu, itu perkara yang sebenar, Dato’ Dipertua. Tapi di peringkat Kerajaan Negeri, kita belum memutuskan lagi supaya penerimaan premium tersebut diluluskan dan kelulusan tersebut kita akan arahkan kepada pihak tanah. Jadi, memang ada jawab berbeza. Tetapi berasaskan kepada soalan semasa soalan pada ketika itu Dato’ Dipertua ya.

Y.B. ADUN Chennah: Mohon mencelah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ya.

Y.B. ADUN Chennah: Mohon mencelah. Yang Amat Berhormat, dalam jawapan Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa telah ditarik balik, “kebenaran tersebut telah ditarik balik semula”, itu jawapan Yang Amat Berhormat. Mengatakan bahawa tanah itu telah ta, ditarik balik oleh pihak Kerajaan Negeri. Tetapi sekarang kata, masih dalam kajian, dia sudah bayar premium, hanya geran belum keluar. Sama ada, apa, pendirian Kerajaan Negeri nak tarik balik tanah itu daripada Syarikat Menang Tiara ini atau masih dalam kajian? Itu saya nak, nak dapatkan kepastian.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato’ Dipertua, boleh jadi semasa menjawab soalan tersebut, istilah penarikan semula itu adalah penarikan semula kita nak meneruskan kita tarik balik. Akan kita akan KIV-kan disebabkan bantahan Dato’ Dipertua, disebabkan 2009 kita dah tengok dah. Ini tanah ni dah lama ni. Ada permohonan-permohonan daripada pihak topekong. Topekong pulak, pihak tokong. Topekong dia punya datuk tu kan? Betul ke? Tokong, pihak tokong kan? Pihak tokong, pihak kuil, pihak masjid dan ada beberapa rumah yang duduk situ. Jadi, kita tidak meneruskan, dan kita tidak mengarahkan. Kita telah letakkan bahawa kita nak kaji semula dan kita tarik balik 2001 punya, punya, punya keputusan, kita tangguhkan dulu. Dan sehingga kita dapat perkara yang sebenar, kita akan buat keputusan. Dan boleh jadi keputusan tersebut keputusan yang baik.

Tulah, pasal *Speaker* tu, *Speaker* tu sebenarnya dia dah lama nak tarik. Tapi surat dia tak hantar, dia hantarlah hari ni, ya. Dia terlepas

pandang. Memang dia nak tarik pun, dia dah bincang dengan saya lama dah. Bahkan semua ahli exco pun saya dah beritahu, kita mesti bukan saja berhenti daripada, bahkan syarikat-syarikat pun kita kena berhenti kerana kita sebagai sekarang ni, sebagai penjawat awam. *Speaker* jugak sekarang ni merupakan penjawat awam. Tapi beliau dah tak pernah pergi mesyuarat lagi dah. Kalau tengokkan kedatangan pun, beliau tak datang lagi. Cuma namanya ada masih di situ.

Kepada Yang Berhormat ADUN Palong

Y.B. ADUN Chennah: Mohon mencelah, berkenaan dengan perumahan.

Y.A.B. ADUN Rantau: P56? P60 ya? P60 ni memang kita letakkan sedikit Kepala-nya saja Dato' Dipertua, kerana kita sedang meneliti bahawa di kawasan di, macam di kawasan Yang Berhormat Chennah sendiri ada tanah. Kita, sama ada kita nak buat dengan SPNB ataupun bukan. Sama ada dengan Jabatan Perumahan ataupun bukan. Tapi kita punya tanah, Kerajaan Negeri punya tanah. Jadi kita akan buat kerjasama pintar di antara Kerajaan Negeri dan jugak Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri akan memberi tanah tersebut. Dan besar tanah dekat Simpang Durian. Bahkan sekarang ini ada lagi tanah-tanah seperti di Kuala Sawah misalnya tanah dan jugak di Labu. Macam-macam tanah dah sekarang dah kita kenal pasti. Tapi cara kita nak buat untuk kita pastikan supaya unit rumah ataupun rumah-rumah kos awam harga rendah ini dapat kita bagikan kepada orang ramai. Dan kita di Negeri Sembilan pulak, kita rigid dalam hal ini kerana kita nak lihat rumah-rumah kos rendah ini dibuat dalam keadaan yang selesa untuk diduduki oleh keluarga. Tidak seperti dahulu lagi, rumah yang satu bilik sahaja. Sekurang-kurangnya kita bina tiga bilik, dua bilik air dan ada ruang anak-anak makan dan jugak dapurnya. Macam-macam Dato' Dipertua, banyak tanah yang telah pun kita kenal pasti. Di kawasan Labu misalnya.

Dan ada jugak syarikat-syarikat yang mana mereka mohon supaya mereka tak buat rumah murah di situ, tapi mereka memberikan kita tanah di tempat yang sesuai. Ada jugak tempat yang kadang-kadang tak sesuai dibina rumah kos rendah ni, Dato' Dipertua, kerana masalah pengangkutan awam dan lain-lain, bas tak masuk. Jadi dia, bila kita buat nanti, dia akan lebih menyusahkan lagi orang ramai. Jauh daripada tempat kerja. Jadi kita be, berunding dengan syarikat-syarikat yang demikian supaya kalau boleh mereka tak bina di situ, tapi bagi kita tanah yang dia beli, ataupun tanah milik mereka *surrender* ataupun serahkan kepada kerajaan untuk kerajaan nanti membina

dengan rakan Kerajaan Persekutuan ataupun SPNB ataupun mana-mana, supaya yang pentingnya kita akan buat perumahan di kawasan-kawasan tersebut. Banyak ni Dato' Dipertua, bukan saja PR1MA tetapi rumah-rumah yang sedemikian rupanya. Termasuklah kawasan Yang Berhormat, di Simpang Durian, kita dah pun plot-plotkan. Dan kita sedang berunding dengan SPNB ataupun Jabatan Perumahan Negara untuk kita lakukan.

Rumah rakyat, seperti apa yang kita tahu dulu, rumah rakyat ni rumah kos harga rendah rakyat dah tak ada lagi Dato' Dipertua. Dia telah pun di, di, dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang mana dulu Kerajaan Negeri bagi tanah, Kerajaan Persekutuan buat ataupun kita pinjam. Ha itu sebabnya jumlah pinjaman yang masih ada dalam buku kita ni kebanyakannya adalah rumah-rumah awam kos harga rendah yang dulu kita pinjam, dan kita buat rumah, Dato' Dipertua. Jadi kita sedang mengkaji, walaupun dah tak ada lagi rumah kos, rumah rendah, rumah-rumah rakyat di negeri-negeri, tetapi kerajaan menubuhkan SPNB. Dengan menubuhkan SPNB ni, rumahnya, rumah mesra rakyat lebih baik lagi, rumah sebijik-sebijik, lebih selesa kalau nak dibandingkan dengan rumah rakyat yang dulunya sebilik dan dua bilik. Jadi, ini telah pun diganti oleh Kerajaan Persekutuan dengan SPNB dan dia lebih menarik dan jugak lebih mendapat sambutan daripada orang ramai.

4,000 orang dalam *list* Unit Perumahan di Wisma Negeri, di bawah SUK tersebut Dipertua, kebanyakannya mereka ini silap faham. Mereka ingat rumah, ada rumah rakyat lagi. Apabila kita *interview*, kita bagi dia rumah-rumah untuk kita, rumah harga kos rendah dibuat oleh swasta ni, dia kata dia nakkan rumah rakyat yang dulunya banyak. Ja, jadi maknanya apabila orang mengambil borang tu kita harap supaya pegawai-pegawai kita memberikan penerangan yang khusus kerana mereka ni silap faham. Mereka ingat ada lagi rumah kos awam, ataupun rumah rakyat yang dibina dulu banyak oleh kerajaan, tapi yang tak lagi disambung ataupun yang tak dilakukan lagi Dato' Dipertua. Kalau kita bersihkan *list* tersebut, saya yakin dia punya *list* menunggu tersebut akan menurun dengan mendadak. Kerana orang-orang ni sebenarnya mereka cuma menunggu rumah-rumah tersebut. Tapi kita akan buat dalam cara yang lain Dato' Dipertua.

Yang Berhormat Palong, bajet, kita bukan tak balas budi Dato', Dato' Yang Dipertua. Kita, kita bila buat bajet ini kita mesti dilihat sebagai satu kerajaan yang berwibawa. Sama ada kita nak balas budi orang yang mengundi kita, itu yang tersirat. Kalau yang tersurat itu kita suratkan elok-elok. Jadi, Dato' Dipertua, tak perlulah yang tersirat kita suratkan. Jadi mana yang kita nak balas jasa tu, balas jasanya, ya. Mana yang tak berjasa kepada kita tak apalah, moga-moga terbukak hati dia

untuk mengundi Barisan Nasional. Pilihan raya yang ke-14 nanti, lebih baik. Tapi dari segi dasar kita, kita tidak akan buat dasar yang boleh membeza-bezakan. Ini, ini dasar kita. Dasar kita, kita buat dasar, Dasar Jaringan Keselamatan Sosial kita tak kira siapa. Bukan sahaja tidak kira dia parti mana, menyokong parti mana, tapi kita jugak tidak mengambil kira dia bahasa apa, agama apa ataupun daripada kaum mana. Yang layak tetap layak berasaskan kepada pendapatan bulanan mereka.

Bil api, air di felda ni, peneroka yang bayar ni, kita kena, saya, saya tadi bincang sekejap sepiantas lalu dengan Yang Berhormat DUN Palong ni Dato' Dipertua. Berbagai-bagai isu sebenarnya felda ni. Felda ni macam-macam isu. Bukan saja jalan, api, air dia. Tapi bagai-bagai isu. Yang mana kalau boleh nanti kita berbincanglah. Kita mintak supaya kita duduk sama-sama dengan pihak FELDA. Memang saya, memang kita, kita faham tekanan dan kesusahan yang dihadapi oleh pengusaha felda terutamanya mereka yang tanam semula. Dan pada musim sekarang ni, harga buah tak menjadi. Kalau yang musim, yang ada pokok getah tak boleh pergi menoreh getah, dan macam-macam, pendapatan mereka.

Dan lampu jalan terpaksa dibayar oleh orang felda. Macam-macam lagilah. Ini sedang kita buat. Tetapi Dasar Pencahayaan ni dia tak masuk ke felda Dato' Dipertua, kita cuma buat di simpang-simpang kerana Dasar Pencahayaan dibuat di jalan-jalan negeri dan lain. Kita cuba, kita cuba lihat semula dan kita akan kaji semula cara mana yang terbaik. Tapi, yang paling baiknya kita berhasrat untuk bersama-sama dengan kepimpinan FELDA untuk kita melihat cara mana yang paling baik untuk kita pastikan supaya warga felda ini akan terus mendapat, terus mendapat jagaan dan jugak terus mendapat pertan, perhatian.

Bangunkan semula projek rumah rakyat pun, saya dah katakan tadi, boleh jadi kita cari cara lain. Kita dah kenal pasti banyak tanah di seluruh Negeri Sembilan. Bahkan di felda pun Kerajaan Negeri, walaupun di felda Dato' Dipertua, tanah itu kepunyaan Kerajaan Negeri. Dan secara umumnya, secara dasarnya Kerajaan Negeri telah pun bersetuju secara dasar semua tanah-tanah yang berlebihan di kawasan-kawasan felda kita telah bersetuju untuk pihak FELDA dirikan rumah untuk generasi kedua. Kita dah panggil FELDA buat taklimat sebab kita tak mahu FELDA secara *ad hoc*. *Case-by-case basis*, dengan izin, ha kita telah luluskan secara keseluruhannya. Mana-mana tanah-tanah yang ada lebih, FELDA nak buat untuk generasi keduanya, kita telah luluskan secara berkelompok. Jadi ini pun kita buat, dasar ini kita buat terutamanya untuk anak-anak generasi kedua di kawasan felda, Dato' Dipertua ya.

Acara-acara negeri perlu diagihkan, saya amat setuju. Kita mintak nanti supaya mulai tahun 2014, misal kata kalau *agriculture*, ataupun Hari Penternak Peladang. Kita bahagi-bagikan. Tapi masalahnya Dato' Dipertua, kadang-kadang tu, Hari Penternak Dan Peladang ni, dia ni ada orang yang berniaga. Orang yang menyewa kita punya khemah ataupun kita punya gerai-gerai. Kalau dibuat di tempat luar, sekali dibuat di luar daripada Seremban, sambutannya amat kurang dan mereka rugi banyak. Dan kita nak lihat supaya hari anugerah ataupun Hari Petani, Penternak dan Peladang ini meriah, jadi bila meriah tu Dato' Dipertua kan, orang datang, banyak gerai dibukak, macam-macam kan, orang boleh berniaga dan mereka pun dapat untung. Dan ia mendapat satu kejayaan. Walau bagaimanapun, kita akan kaji baik buruk dia sama ada kita nak membuatkan sesuatu acara negeri itu di luar ataupun, dah banyak dah kita buat. Hari, Sambutan Hari Guru kita dah buat ke, ke kawasan-kawasan ke daerah-daerah sambutan yang lain-lain tu, kita dah buat ke daerah-daerah, Dato' Dipertua ya.

Bajet buat masjid sikit. Sebenarnya buat bajet masjid tak, dia banyak kita gunakan daripada apa Dato' Dipertua, tak banyak dalam bajet Kerajaan Negeri tapi daripada Majlis Agama Islam. Tahun lepas saja bajet daripada Majlis Agama Islam kita dah bina tiga buah masjid. Tahun depan ada dua tiga buah masjid lagi yang nak kita bina. Cumanya dalam bajet Kerajaan Negeri, kita nak bina kompleks, kompleks Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Jelevu dan jugak di, di Jempol kalau tak salah saya. Di Jempol ya. Kuala Pilah-nya kita, kita KIV dulu kerana masalah tanah sehinggalah kita puas hati, dapat sebuah tanah, sebidang tanah yang baik, yang terletak di tempat yang elok, kita akan buat semula kompleks ataupun kita sambung semula, hidupan semula fail projek kompleks Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Kuala Pilah.

Kita bercadang Dato' Dipertua, kompleks ini dijadikan sebagai satu kompleks yang bersepadu. Ada baitulmal-nya, ada pembayaran pusat zakat-nya dan semua kita nak buat supaya ia bersekali. Macam di kawasan kompleks Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ataupun, di Jelevu Dato' Dipertua, bahkan dalam satu kawasan itu nanti akan ada masjid dia, masjid daerah kerana tanah dia lebar, sembilan ekar, akan ada masjid Daerah Jelevu dan kompleks Islam ni dulu kita akan bina. Dan kita telah letakkan dalam sistem *speed track* untuk kita bawak ke Jabatan Perdana Menteri untuk mohon daripada Jabatan Wakaf dan Haji dan jugak Zakat. Kerana duit zakat saja banyak Dato' Dipertua kita mohon duit zakat jugak untuk membina masjid-masjid di negeri kita.

Bina bengkel ini memang sesuatu yang baik, Dato' Dipertua, bahkan telah pun berjaya di beberapa tempat khususnya di, di, di Jempol. Kita

mahu supaya anak-anak kerana di dalam JKM, Dato' Norhayati kan, kalau bekerja dia akan dapat elaun yang lebih tinggi kan, orang-orang ni kan, dapat [RM]300.00. Jadi ini satu, satu inisiatif yang perlu kita terokai supaya anak-anak OKU ataupun orang-orang OKU ni diberikan pekerjaan, ditubuhkan bengkel, baik apa saja asalkan mereka mendapat elaun, dan bila terbukti mereka ini mempunyai kerja, untuk mereka lakukan kerja dan mendapat upah, JKM akan menambah upah tersebut menjadi kepada 300.00 ringgit lagi. Ha, ini, ini perlu kita terokai dengan serius supaya ia dapat di, di, di, di, dipantau dengan baik.

ICT Dato' Dipertua, kita di dalam zaman ICT Dato' Dipertua. Dan Negeri Sembilan ni, kita mengakui bahawa kita punya kecanggihan sistem ICT Kerajaan Negeri Sembilan ini ke belakang sikit. Bukan kita ke belakang kita tak tahu, tapi memang kita, kita berhati-hati dan kita mahu melihat dan mengkaji daripada segenap sudut supaya kita tidak terburu-buru untuk kita menukar sistem ICT kita. Sistem ICT Dato' Yang Dipertua, dia memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Kita tidak mahu nanti terburu-buru mendengar cakap daripada juru perunding – juru perunding, tukar sistem, tukar modem kita, dan buat itu, ini, akhirnya kita nanti berbelanja dan kesudahannya dia tidak dapat menepati hasrat kita. Kita tidak dapat menepati, tak dapat menepati kehendak kita. Kehendak kita supaya ICT industri mesti ada, industri masyarakat ada, industri penghubung masyarakat. Kita nak jadi Negeri Sembilan sebagai, sebagai yang dihubungi secara, sebagai *e-community* Dato', Dato' Dipertua, dengan izin ya.

Jadi, macam-macam telah kita lihat dan kita telahpun mendapat khidmat nasihat daripada pakar-pakar, daripada IBM yang telah menghantar pakarnya lebih kurang 12 orang daripada seluruh dunia. Kerana Negeri Sembilan, alhamdulillah tahniah kepada diri kita, kita telah pun terpilih daripada 300 lebih bandar raya dalam dunia yang bertanding menjadi iaitu *smart city challenge*. Seluruh dunia Dato' Dipertua, Negeri Sembilan terpilih antara 30 bandar raya dalam dunia yang mendapat geran daripada IBM, *international* di Amerika. Kita dapat 400,000 Dolar Amerika sebagai hadiah dan hadiah itu digunakan, kita gunakan untuk kita membawak juru pakar juru runding daripada IBM seluruh, seluruh dunia, ada yang datang daripada Jepun, ada datang daripada Amerika tiga empat orang, ada datang daripada, daripada *Germany*, ada datang daripada negara-negara Eropah yang lain, menasihati kita dan kita memilih tajuk-tajuk yang kita fikir kita nak pastikan kita nak fokuskan supaya kita mendapat khidmat nasihat di samping kita jugak mendengar dan melihat pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang lain.

Jadi, kita perlu Dato' Dipertua, kita dah sampai masanya dan kita tahu apa kehendak kita. Dah dah faham apa kita punya kelemahan. Kita dah lihat apa kelebihan jika kita ada sistem ini. Dan kita boleh dapat lihat apa yang telah terjadi di negeri-negeri lain apabila mereka dengan begitu ghairah nak menukar sistem ICT mereka, akhir-akhirnya hari ini ada beberapa buah negeri yang terbengkalai dan sistem telah pun dibuat dengan kos yang begitu tinggi, tetapi tidak dapat menepati hasrat dan jugak kehendak apa yang nak kita buat. Jadi, sistem ICT ni sekarang perlu, dan mulai daripada tahun depan, kita akan meletakkan [RM]5 juta setahun selama beberapa tahun untuk kita membeli.

Yang pertamanya kita perlu menukar modem kita, Dato' Dipertua. Modem di bawah UPTM, unit, UPTM apa, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, kita, modem ini modem lama. Dan tidak boleh mengambil *loading* lagi. Jadi, kita perlu tukar modem ni. Menukar modem sahaja Dato' Dipertua, memerlukan belanja yang amat tinggi. Jadi, itu belum lagi kita nak buat satu *platform*. Kita nak buat satu *platform*. Kita tak mahu banyak *platform*. Negeri Sembilan mesti ada satu *platform*, satu pokok. Cuma cabangnya berlain-lain. Jadi bila cabang dia berlain-lain, buahnya akan sama. Kita tak mahu nanti kita kata, oh, kita betul, kita *computerize*, *computerize*, tapi *platform* yang tidak boleh berkomunikasi di antara satu sama lain. Jadi *platform*-nya kita buat satu *platform* yang sama nanti kita cabangkan ke cabang-cabang yang kita perlukan.

Tapi yang penting sekali ialah kita mesti kendalikan apa yang kita nak. Kita nak *create* dia punya *cloud* dulu, Dato' Dipertua, dengan izin ya, bila dah ada kita *create* kita punya *cloud*, dan kita buatnya *platform*, baru kita cabangkan cabang mana yang penting. Misalnya e-tanah misal cabang penting, kita buat e-tanah. Misalnya buat itu penting, projek A lebih penting, kita buat projek A. Tetapi yang pentingnya, asas dia satu, asas yang kukuh, *platform* yang satu yang akan menentukan bahawa kita akan dapat suatu sistem yang boleh diguna pakai oleh semua pihak yang boleh kita berkomunikasi.

Tidak lagi Pejabat Tanah Jelevu tidak boleh berkomunikasi dengan Pejabat Tanah Kuala Pilah. Pejabat Tanah Jelevu tak boleh berkomunikasi dengan PTG. Itu sebabnya kadang-kadang bila jawatankuasa tanah Daerah bermesyuarat, dia telah pun mencadangkan supaya *Mr. A* dibagikan tanah kerana mereka tak tahu latar belakang *Mr. A*. Sebab dia tak boleh siasat, dia boleh *Mr. A* sama ada tanah di Jelevu sahaja. Dia tak tahu *Mr. A* dah ada tanah di Seremban. Dia tak tahu *Mr. A* dah banyak tanah di Rembau. Tapi bila sampai ke PTG, PTG mempunyai satu sistem lebih besar, dan di situ

PTG mengatakan bahawa *Mr. A* ini tidak layak diluluskan tanah kerana telah ada banyak tanah di daerah-daerah yang lain.

Ini kadang-kadang Dato' Dipertua, dulu, ini kelemahan kita. Jadi bila kelemahan ini ada, banyak orang yang akan mencari kelemahan kita. Jadi bila kita ada kelemahan, orang cari kelemahan, dan kita kadang-kadang alpa dan kita tidak lihat dengan teliti, kita akan terperangkap dalam kelemahan kita sendiri. Jadi ini, sistem komputer yang nak kita buat sistem ICT yang nak kita buat, supaya kita dapat melihat secara total apakah yang berlaku di dalam Negeri Sembilan ini.

Felda, kawasan yang nak di dalam urusan PBT tu memang kita dah bincang Dato' Dipertua, supaya bandar, pekan-pekan baru dalam felda di Dato' Dipertua, macam Jelai misalnya memang ada program pekan kecil dah bercambah, dia makin lama makin besar. Tapi Dato' Dipertua, kalau kita tidak berhati-hati, pekan-pekan ini yang tumbuh macam cendawan tumbuh ni Dato' Dipertua, kalau berlaku kebakaran dia merupakan satu yang akan malapetaka kerana terlampau rapat. Tidak ada rezab, jalan belakang tak ada apa. Jadi, cadangan daripada ADUN Palong tu tadi, akan kita sambut, telah pun kita kaji, telah pun kita, kita bahaskan dalam, dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kita mahu supaya ianya di, di, dipertingkatkan lagi, cara mana dan apakah, dan sistem percukaian macam mana. Sama ada nak dipercukaikan tidak ataupun cuma PBT menjalankan operasi mereka yang nak buat kedai mesti memohon Kebenaran Merancang, itu sedang kita fikirkan Dato' Dipertua. Dan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Palong ni memang di dalam pemantauan dan akan kita lakukan dengan segera.

Jalan Palong ini, rezab dia ataupun depositnya kecil tu, pun sama jugak. Kita pening kepala. Tadi pun saya bincang dengan beliau sekejap, apakah perlu ataupun macam mana cara untuk kita menggunakan peruntukan MARRIS di dalam jalan-jalan felda Dato' Dipertua. Ini perlu kita kaji dan jika kita dapat nanti, kita akan terus lakukan supaya tidak timbul soal jalan-jalan di felda tidak dapat di, diurus dengan baik.

Daripada Sikamat Dato' Dipertua, prospek ekonomi tak menentu. Okay, saya dah sebut tadi.

Permintaan untuk masuk sekolah agama, memang betul. Termasuklah di kampung Yang Berhormat sendiri, yang mana kita terpaksa buat dua kabin sekarang. Tapi sekolah agama rendah, sekolah menengah agama rendah di Chuah tersebut, telah pun diluluskan pembinaan, telah diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk membina, dan kita akan jadikannya sebagai bukan saja sebagai sekolah menengah rendah tapi

sebagai sekolah menengah agama. Dan di peringkat Kerajaan Negeri, kita telah pun membuat dasar, memandangkan kita pun telah buat sekolah menengah bantuan kerajaan, SM, SABK, kita mahu supaya sekolah-sekolah agama yang sampai Tingkatan 3 ni pun kita terus sampai Tingkatan 5. Dan kita mahu supaya mereka menjadi sebagai sekolah-sekolah yang menjadi pilihan utama. Bukan jadi sebagai pilihan kedua, Dato' Dipertua.

Prestasi, PISA ni Dato' Dipertua, memang betul. Itu sebabnya kita terpaksa balik semula kepada belajar bahasa, belajar matematik dan sains dalam Bahasa Malaysia dan bahasa ibunda kerana tidak ada negara Dato' Dipertua, semasa lawasan saya bersama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang jugak Menteri Pelajaran, berjumpa dengan Pengarah Urusan UNESCO di Paris pada tahun 2009, Pengarah Urusan tersebut mengatakan tidak ada negara dalam dunia yang mengajar bahas, matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris melainkan kalau bahasa ibunda dia Bahasa Inggeris. Melainkan Malaysia, Dato' Dipertua. Itu sebabnya kita, dah lah matematik susah, dah lah sains susah, Bahasa Inggeris pun susah, lama-lama budak-budak pun haru-biru. Cikgu pun kelam-kabut, budak-budak pun langsung haru-biru.

Itu sebabnya kita terpaksa memikirkan semula tanpa pulak kita mengambil, dengan mengambil kira supaya kepentingan Bahasa Inggeris ni perlu jugak kita lihat Dato' Dipertua, kerana ia adalah bahasa perdagangan. Bahasa Inggeris bahasa perdagangan, walaupun orang Perancis dia benci dengan orang putih, dengan izin, tidak ada kena-mengena di sini Dato' Dipertua, tapi semasa mereka berurusan, mereka menggunakan Bahasa Inggeris. Orang Jepun misalnya, orang Jepun se, orang Jepun ni orang yang mempunyai jati diri ataupun semangat bangsa yang tinggi, tetapi dalam berurusan, berniaga, mereka menggunakan Bahasa Inggeris, orang Jerman misalnya. Orang China beratus-ratus ribu sekarang belajar di Amerika dan mereka berbahasa Inggeris dengan begitu baik sekali.

Jadi, tidak timbul soal kita nak meminggirkan Bahasa Inggeris, tetapi kita tidak pulak mahu melihat anak-anak terutamanya di luar bandar, terpaksa bergelut belajar sesuatu yang susah dalam suatu bahasa yang mereka tidak fahami, Dato' Dipertua. Biarlah mereka belajar matematik, belajar sains dalam bahasa yang mereka boleh faham. Dan *English* ini sesuatu yang boleh kita belajar. Kita tak boleh memahirkan anak-anak kita dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar matematik dan sains. *English* kalau kita nak buat macam kita kecik-kecik dulu, *English usage*, ada kan, ada *English usage*. Jadi kita belajar Bahasa Inggeris. Bukannya

belajar matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris. Tapi, nampaknya sekarang ni, Kementerian kita, di atas landasan yang betul Dato' Yang Dipertua.

Senawang, banjir Batu 5. Kita, 'aiya' nanti kita pergilah tengok sama-sama. *You* nangis hari-hari pun tak guna. Itu sebabnya perancangan tak betul, saya setuju. Sebab di atas, perancangan dia betul, parit dia besar di kawasan perumahan yang baru. Bukit Emas ni kawasan lama. Parit di Taman Bukit Emas ni kecil, jadi bila air atas turun, paip yang kecil dia akan melimpah. Jadi saya akan pergilah dengan Yang Dipertua, tengok ya, jangan bawak orang protes-protes lagi tu, lagi protes lagi saya tak pergi nanti.

Ladang-ladang, tanah-tanah, itu terpulanglah kepada kerajaan masing-masing. Tetapi kita di sini, kita membantu setakat yang boleh. Sekolah-sekolah *private* macam Sekolah Chung Hwa, Sekolah Menengah Chung Hwa kita bagi peruntukan tahunan dan jugak sekolah-sekolah lain, kita dengan kita memberikan bantuan cukai tanah, bantuan duit air, duit letrik, semua kita bantu. Yang lain-lain tu dibantu jugak. Dan gaji cikgunya dibantu oleh Kerajaan Persekutuan, kan. Jadi, saya harap supaya sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini, yang bantuan modal ini kalau nak dapat bantuan penuh, masuklah sebagai sekolah bantuan penuh. Apa susah, kan. Sekolah ada, bantuan penuh ada, tapi nak bantuan modal, nak *private*, *so you cannot have both world*, dengan izin Dato' Yang Dipertua ya. *You* nak *private*, *you private*-lah. Kalau *you* nak bantuan kerajaan, masuk dalam sistem kerajaan, tak susah, semua bantuan kerajaan ada. Murid-murid pun boleh terbela. Boleh bagi *uniform free*, semua *free*, semua *free* dapat *free*. Yuran *free*. Tapi nak *private* tapi nak kerajaan tolong. *Which one do you want?* Dengan izin. Jadi fikirlah elok-elok ya. Tapi kita bantu jugaklah dalam kita menggunakan dalam *remission* cukai 1.00 ringgit, premium ada, macam-macam lah ya. Kita tolong. Bil air, bil api, tiap-tiap tahun datang. ha inilah P50, banyak guna. Kalau nak tahu P50 saya banyak pakai ni lah. Banyak banjir, macam-macam lah.

Pemeriksaan kesihatan, eh yang mana ni, Sikamat, Senawang ya. Pemeriksaan kesihatan ni Yang Berhormat, jangan ingat kita tak periksa tak payah jaga kita punya kebersihan. Kebersihan tu memang perlu dipantau oleh tuan punya restoran. Mesti sama-sama jaga. Jangan ingat kalau kucing tak datang, tikus bermaharajalela. Ingat. Jaga kebersihan kerana kita berniaga kebersihan tu penting. Jika berlaku sesuatu wabak, keracunan makanan, akan menyebabkan kematian. Jadi, jangan pulak katakan "oh, mesti datang tiga bulan sekali supaya peniaga-peniaga berhati-hati". *No*, itu urusan dia. Macam kita kena bayar cukai pendapatan. Orang cukai pendapatan tak datang

jumpa kita, tapi kita kena bayar cukai. Kita kena jaga kesihatan. Kita kena jaga kebersihan, cara kita mengendalikan restoran dan gerai kita mesti mengikut apa yang telah diluluskan. Kalau gerai-gerai, kedai-kedai yang mempunyai lesen, dah termaktub di dalam lesen kita bahawa jaga kebersihan supaya ia tetap dalam keadaan yang baik, ya. Jangan kita leka. Tak bermakna tak ada inspektor-inspektor kesihatan datang memeriksa, kita tak kisah tentang kita punya kesihatan ataupun yang lain-lain.

Daripada Chuah, ADUN Chuah kata orang asing banyak berniaga di Nilai. Nak buat macam mana. Dia dah ramai, dia bekerja kat sana. Dia berniaga, dan orang dia ramai.

Rumah kos rendah, tadi dah katakan tadi ya, saya dah jawab, soalan daripada Chennah jugak.

Projek Tanah Merah tersebut kita menunggu bajet. Kita dapat bajet dua tahun, tahun depan iaitu di Kuala Sawah dan yang lagi satu, tempat yang, lepas Tanah Merah pun kita dah *submit*, supaya dicepatkan. Bukan bermakna kita, kita lupa tentang Tanah Merah. Kita meletakkan dalam bajet permohonan kita kerana ini adalah projek daripada Kerajaan Persekutuan.

Banjir dan uruskan parit dan perparitan ni, kita buat, dari semasa, tapi mengurus parit dan sungai ni kadang-kadang seperti saya sebut semasa kita merasmikan pintu air pasang surut di *Gate 3*, tempoh hari ya, *Gate 3* ya, *Gate J*, tempoh hari, tanggungjawab ini perlu dilakukan oleh masyarakat jugak. Tadi ada kata potong dahan, potong 'taghuk' dalam longkang, 'taghuk' dalam sungai tersumbat pembentung dia akan menjadi penyebab kepada banjir kilat. Ha, kita sama-sama jalankan, Yang Berhormat baik daripada BN ataupun pembangkang buat gotong-royong. Gotong-royong bersihkan parit, bersihkan longkang-longkang kita supaya kita dapat pastikan keadaan sekitar mengelakkan demam denggi dan yang lain-lain ya.

Pertanian, tanam bakau. Kita dari semasa ke semasa kita, kita telah pun wujudkan. Dan Jabatan Perhutanan memang mempunyai program, program menanam semula pokok-pokok bakau dan ini dibuat berfasa-fasa, Dato' Dipertua ya.

Naik taraf pintu 1, Jalan Pintu 1 di Chuah. Ini saya kena berunding dengan, Dato', saya tak faham sangat.

PFA distatus kepada status lain. Tiga penternak lembu tak berjaya nak pohon benih. Itu kita, dia bukan semua orang mintak semua dapat.

Beribu-ribu orang mintak benih lembu, tiap-tiap tahun. Yang kita luluskan, bajet kita sikit saja. Jadi kita bagi beransur-ansur mengikut keadaan kawasan. Tetapi seperti yang telah pun saya sebutkan semalam Dato' Dipertua, kita mengalu-alukan. Semua penternak ataupun mereka yang punya tanah di kawasan PFA tersebut, kalau boleh mereka berunding sama-sama dan kita tukar status supaya kita dapat segerakan apa saja projek yang nak mereka lakukan, sama ada nak tukar status, nak menternak apa-apa. Tapi kalau ayam pun, kalau boleh tak usahlah. Sebab ayam ni pun Port Dickson ni pun dah banyak lalat dan yang lain-lain ya. Kalau boleh buat, buat yang lain.

Kaji semula elaun YB di Negeri Sembilan. Ni tadi Dato' Sahak [Ishak] panjang lebar dia, ADUN daripada Lenggeng. Kita bukan menolak. Kita dah buat kajian. Kita dah mintak Unit MMK untuk mintak daripada negeri, semua negeri-negeri lain dan kita nak lihat asas-asas yang tertentu supaya kita dapat kenaikan yang ber, berpatutan. Bukan kenaikan yang kadang-kadang yang boleh jadi isu dan macam-macam lagilah ya. Memang kita tahu tugas Wakil Rakyat. Saya pun Wakil Rakyat, Dato' Dipertua, memang berat sekarang. Dan kita mahu lihat supaya elaun Wakil Rakyat ni dikaji semula kerana tak pernah dikaji sebelum ni, selama lebih 15 tahun.

Lukut, kita tak ada buat pilih kasih apa-apa. Kita buat kerja. Tapi kadang-kadang kalau ada sesuatu perkara berlaku itu disalah ertikan tak bermakna kerajaan pilih kasih ya. Elaun pusat khidmat DUN tu memang kita tak ada. Bukan pembangkang saja, semua tak ada. Elaun pusat khidmat tak ada ya. Kita tak buat ya. Jadi, tak apalah nanti kalau besok kita naikkan elaun sedikit, bolehlah kita tampung elaun pusat khidmat.

Peruntukan perlu rata. Ini semua, kita semua sama. Yang P56 tu semua kita kasi. [RM]200,000.00 untuk semua ADUN, [RM]250,000.00 untuk kawasan ADUN yang berstatus exco. Itu sebabnya [RM]8 juta. Jadi, semua sama, tak ada siapa yang, walaupun kita bagi, katakan exco ke, ADUN Barisan Nasional ke, tapi tak bermakna mereka boleh dapat *cash*, boleh dapat apa, itu sebabnya kita diaudit akaun. Dan tatacara untuk mereka mintak pun mengikut tara-tara, tatacara yang telah pun diluluskan oleh exco. Itu sebabnya kita *very particulars* sebab kita tidak mahu ia akan menjadi sebagai audit, teguran audit nanti, Dato' Dipertua ya.

Temiang kata bajet berimbang kurang memuaskan. Bajet ni Yang Berhormat Temiang, bajet. Nama pun bajet. Saya boleh buat bajet, bajet yang *surplus*, banyak sampai [RM]7 - 8 juta. Saya tak belanjalah. Ataupun saya boleh bajet defisit banyak [RM]10 - 20 juta kerana

belanja banyak. *So*, itu terpulanglah. Bukan, tidak ada *magic* ataupun yang ajaibnya tentang bajet ni. Cumanya kita dah tahu anggaran pendapatan kita, berapa kita nak belanja. Kalau kita fikir kita nak belanja lebih daripada pendapatan kita, kerana kita ingat kita ada pendapatan-pendapatan lain, kita akan bentangkan bajet defisit. Kita dapat, kita punya pendapatan katakan [RM]400 juta, kita berbelanja [RM]500 juta. [RM]100 juta defisit tapi tak tahu di mana kita nak, nanti kita nak *cover*, dengan izin, kita punya defisit tersebut. Kalau betul tekaan, telahan kita, kita akan dapat duit dalam bentuk luar jangka, tak apa. Kalau tak dapat, macam mana? Kalau nak buat *surplus* pun boleh. Kita punya *income*, pendapatan [RM]400 juta, kita belanja [RM]300 juta, [RM]100 juta *surplus*. Tak ada *magic*, tak adalah bagus sangat ke tidak, *surplus* pun tak bagus.

Tapi, berimbang. Berimbang maknanya kita berhemahlah. Kita dapat [RM]352 [juta], kita belanja [RM]352 [juta]. Dan bila ada lebihan selepas setengah tahun, kita rasa, dan jugak pihak Bendahari dan jugak Pejabat Kewangan Negeri kata kita dah dapat dalam bentuk premium dan bentuk yang lain-lain tu, dan kita bolehlah berbelanja untuk kita yang lain-lain, kita buat belanjawan tambahan kerana kita dah tahu kita ada duit hingga hujung tahun nanti kita mempunyai lebihan daripada apa yang telha kita bentang. Jadi jangan risaulah Dato', Dato' Dipertua ya. Yang Berhormat daripada Temiang, tak ada masalahlah kita nak bentangkan sama ada defisit ataupun satu bajet yang *surplus*.

Tentang cukai tu nanti kita tengokkan Dato' Dipertua ya, kita lihat mana-mana yang patut, yang lain-lain, cukai-cukai, macam, macam Bangunan UMNO tu dia bukan kategorikan sebagai komersial. Dia sebagai pejabat ya. Macam jugak MCA dan Gerakan, kedua-dua bangunan mereka tu dikategorikan sebagai bangunan persatuan kerana mereka mintak sebagai bangunan persatuan, jadi dikenakan cukai berasaskan kepada persatuan. Macam UMNO punya bangunan tu, kita mintak kegunaan pejabat. Jadi, berasaskan kepada pejabat. Jadi dia mempunyai apa orang kata, yang, yang komersial lain, industri lain, pejabat lain, perumahan lain dan macam-macam ya. Jadi tak ada kata kita pilih kasih, katakan kerana dia UMNO dia rendah. Kerana dia apa. Kalau pejabat DAP pun nak mintak pejabat pun boleh mintak jugaklah berstatuskan pejabat, tak kisahlah, tapi sama ada kita nak luluskan ke tidak, itu lain kira.

JKM ramai memohon tapi keputusan amat lambat. Bukan kita lambat Yang Berhormat Dato' Dipertua. Budak-budak kita, pegawai-pegawai kita bekerja pagi petang siang malam. Kesian. Bayangkan dia kena, yang telah pun kita tiap-tiap bulan mesti dapat lebih kurang 27,000 orang. 27,000 orang yang menerima bantuan bulanan tetap tiap-tiap

bulan. Bayangkanlah jabatan yang mempunyai tenaga kerja yang tidak seberapa, terpaksa, terpaksa bergelut dengan permohonan yang begitu banyak. Tambahan pulak di Negeri Sembilan ini kita mempunyai dasar, Dasar Jaringan Keselamatan Sosial, yang mana kita mahu melihat supaya rakyat terus diberikan bantuan mana-mana yang layak, maka mereka bergelut. Jadi, itu sebabnya kita menjadikan JKM ni sebagai satu jabatan, jabatan apa yang dipanggil jabatan yang kita jadikan *pilot project*, dengan izin, oleh MAMPU. MAMPU daripada Jabatan Perdana Menteri iaitu jabatan apa, MAMPU, unit, unit permodenan ya, pentadbiran di Putrajaya telah jadikan JKM kita sebagai *pilot project*, dengan izin, untuk kita buat permodenan di JKM ini kerana mereka nampaknya bergelut dan terpaksa kita membuat satu *re-organisasi* yang segera untuk kita melihat supaya JKM akan terus cemerlang dan berjaya di dalam urusan seharian mereka Dato' Dipertua. Nak papar notis JKM ni tak masuk, tak, susahlah ya, jangan.

Sungai Temiang perlu dikorek. Nak korek tak boleh masuk. Sampai ada satu syarikat yang kita bagi dengan syarat dia buat korekan pasir dan dia buat *barn* dia, ada pulak banyak 'taiko-taiko' Temiang telah pun mintak macam-macam. Sampai nak bunuh dia, dia pun lari, dia tak sanggup, macam-macam. Jadi, kalau, kalau Dato' Dipertua cubalah

Y.B. ADUN Temiang: Dato', boleh saya mencelah. Yang saya maksudkan itu adalah sungai adalah di depan Sekolah Rendah Jalan Temiang, bukan yang sungai terletak di, terletak Ulu Temiang.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kita akan uruskan. Kalau mana yang boleh kita buat, kita buat.

Y.B. ADUN Temiang: Yang saya maksudkan adalah berdekatan dengan pekan itu, Temiang-lah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Okay, kita cuba buatlah ya. Mana yang boleh. Iktiraf tokong Cina di Bukit Jong itu, kita akan tulis surat. Kita dah tulis surat kepada Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan tapi belum ada jawapan. Kita akan, kita akan buat *feedback* dia.

Dan atlet wushu ni semalam, sebelum Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat dapat mimpi saya nak bincang semalam. Saya dah bincang dengan Majlis Sukan Negeri supaya atlet-atlet Negeri Sembilan, terutamanya atlet wushu kita, yang cemerlang, atlet cakera kita pun,

anak, lempar cakera, yang rekod baru kebangsaan pun dari Negeri Sembilan. Saya telah bincang dengan Pengarah Majlis Sukan Negeri supaya kita buat satu majlis untuk mengiktirafkan mereka dan saya mintak MSN untuk kaji apakah sumbangan-sumbangan yang perlu, pengiktirafan yang perlu kita bagi kepada mereka. Terutamanya atlet wushu ni yang tiga kali berturut-turut dapat dan jugak ke peringkat antarabangsa yang lain, Dato' Dipertua ya. Inshaa allah, kita akan bagi.

Daripada Mambau, P50 untuk kos CCTV. Kita P50 ni kita tak gunakan, sebab CCTV ni terlampau mahal. Dan CCTV ini kalau kita buat kita terpaksa buat, nanti pihak sekolah mintak yang lain, kita, kita cuba runding cara yang lain ya, supaya masalah di sekolah-sekolah ini dapat dipantau dan dapat di, di, dibuat dengan cara lain.

Tanah runtuh dan longkang di DUN Mambau, kita ambil perhatian. Longkang belakang jalan dihakis air, kita ambil perhatian. Saya akan bincang dengan pihak MPS. Kolam takungan air hampir melimpah, JPS perlu naik taraf, saya akan *check*. Kita akan buat.

Nilai, P55 untuk JKR Negeri Sembilan, *traffic jam* di Mantin – Nilai. Saya pergi pun ter, itu hari pun terperangkap jugak. Rupanya *traffic jam* dia teruk ya, sampai dekat, dekat *commuters*, stesen *commuters*. Saya dah bincang dengan pihak keselamatan, pihak Polis Diraja apakah cara untuk sebelum kita melihat menaik taraf tersebut, kalau boleh kita letakkan pegawai polis untuk mengendalikan trafik pada pagi-pagi.

Air bertakung, biasalah, hari hujan air bertakung, Dato' Dipertua. P56 [RM]8 juta, ya. Pasar baru Nilai ni saya dah berbincang dengan pihak Yang Dipertua, minggu lepas, niat kita baik. Kita dirikan yang, pasar yang ada sekarang ni sebagai pasar sementara. Dah 10 tahunlah, sementara tak sementara, sementara menunggu pasar baru ni dibukak dulu, ataupun dibina. Tapi nampaknya mereka dah selesa duduk di situ kerana dekat, orang senang datang. Mereka tak mahu keluar. MPS dah bagi notis, tak mahu keluar. Dan Yang Berhormat sendiri menjadi *champion*-lah, berdiri depan tu kan, bersorak-sorak, tak apalah. YB baru, tak apa.

Tapi, tempat itu memang tidak sesuai untuk jadi pasar. Dan kalau tak setuju nanti nak keluar daripada situ, kita, kemungkinan MPS ataupun MPN tidak dapat berbelanja lagi kerana kita tak boleh berbelanja sesuatu yang kita telah ada. Nanti Audit akan masuk dan *query* kita macam-macam. Jadi, terpulang kepada Yang Berhormat, gunakan budi bicara Yang Berhormat, runding dengan dia orang, elok pergi ke sana ke pasar yang sedia ada. Walaupun perniagaan dia kurang, kurang cemerlang di situ, tetapi bila dah tak ada besok, orang akan datang

jugak, ya. Ini terpulang ya. Tetapi kalau tak mahu pindah, saya dah mintak MPN supaya pasar yang sepatutnya jadi pasar tersebut, kita jadikan sebagai tempat perniagaan yang lain.

Y.B. ADUN Nilai: Saya ingin mencelah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ya.

Y.B. ADUN Nilai: Yang masalahnya, sebelah tu adalah tempat beribadat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak apalah, boleh.

Y.B. ADUN Nilai: Itu yang jadi masalah. Kalau jauh sikit, tak ada masalah. Ini sebelah pagar, sebelah tempat ibadat, sebelah sini adalah pasar. Itu yang jadi masalah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak apa, kalau tak mahu pindah, kita buat sebagai tempat perniagaan yang lainlah. Tapi saya katakan di sini, dalam Dewan yang mulia ini, kalau kita tak pindah ke sana, kemungkinan pasar tersebut nak dicari tempat lain, tidak ada. Dan kemudahan di tempat yang sedia ada ini amat tidak selesa sekali. Jadi, terpulanglah, ya, kalau nak pindah, pindah. Kalau tak nak pindah, kita mahu lihat supaya bangunan pasar yang sepatutnya di pasar tersebut, yang kerajaan telah belanja duit perlu diisi, dan diberikan sebagai pusat perniagaan yang lain ataupun pusat, pusat lain ya, untuk berniaga. Fikir elok-elok dan kita bagi sampai hujung tahun.

Penduduk Hakka ini sebenarnya kita dalam kes, *court case* belum, tak nak keluar apa-apa kenyataan, Dato' Dipertua. Tapi kalau ada keluarga yang susah, apa tu, saya minta pihak Setiausaha Kerajaan melihat dan kita boleh bagi dia rumah seperti di kawasan perumahan Paroi ataupun di Senawang, Dato' Dipertua ya. Yang selain tu, saya tak mahu, saya tak mahu komen kerana subjudis kepada, kepada sistem ataupun kepada proses yang sedang berjalan di mahkamah. Apa saja saya cakap nanti, merupakan subjudis kepada, kepada proses perundangan, Dato' Dipertua.

Bahau, Perumahan, saya dah sebut tadi. Permohonan rumah tinggi, ada 4,000 saya ada sebut tadi.

Hasil cukai 90 peratus di Bahau jangan risau kerana kita, secara yang lain-lain tu, ada dapat 98 peratus, tapi Seremban dan Port Dickson kurang kerana *remission*. Itu sebabnya dalam tahun ini, disebut oleh daripada Bahau jugak tadi kan, mengapa kurang [RM]2 juta, siapa sebut tadi ya, Bahau sebut ya. [RM]2 juta untuk tahun depan. Kita dah tak mahu lagi mengambil kira jumlah yang sama, ya. Maknanya hujung tahun kita terpaksa buat *remission*. Kita buat awal-awal lagilah. Kita katakan kita tidak akan *collect* daripada sekolah-sekolah, daripada masjid, daripada berhala, daripada kuil, daripada tokong ni. Kita akan bagi. Jadi, kita awal-awal lagilah, kita mesti mengakui hakikat daripada kita letakkan dalam bil yang *original*, lepas tu kita tak pungut, dia akan menjadi sebagai suatu tunggakan. Dari segi audit pun tak cantiklah, ya. Lebih baik kita buat awal-awal, katakan *this is the situation*, dengan izin Dato' Dipertua, *we have given them remission*. Jadi kita tak perlu fikir panjang-panjang, susah-susahlah, senang macam tu ya, kita buat begitu, Dato' Dipertua ya.

Rahang, Audit Negara, macam biasalah, ya

Y.B. ADUN Bahau: Tuan Dipertua

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat, sila duduk, saya dah ingat. *You* pegang tu saya ingat [merujuk kepada Y.B. ADUN Bahau yang berdiri sambil memegang naskah Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2014]. Buku tu tak betul. Dia punya *pie chart* je tak betul, yang lain semua dalam *reference*, yang saya kasi *refer* tu semua betul. *Pie chart*

Y.B. ADUN Bahau: Betulkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ya?

Y.B. AUN Bahau: Kena betulkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: *Pie chart* tu tak betul. Yang lain semua betul. Ucapan saya semua betul. Dalam *note*, dalam nota pun semua betul. Cuma *pie chart* saja. Kerana kan pakai *paste* ni susah kadang-kadang. Pakai komputer ya. Sebenarnya [RM]11 juta, bukan [RM]14 juta ya.

Y.B. ADUN Bahau: Sekolah *vocational school* dengan sekolah teknik. Yang budak dari sekolah menengah tak habis Tingkatan 5, banyak sekali dia tak masuk tu, sekolah teknik dan sekolah *vocational school* tak dapat masuk. Yang tu, yang tercicir tu, sampai 25 percent. Empat orang [orang] satu tak ada habis Tingkat 5.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya, saya faham. Itu sebabnya kerajaan sekarang nak memperbanyakkan. Kementerian Pelajaran pun telah pun berusaha nak memulakan supaya pelajaran vokasional ini dimulakan daripada darjah, dari Tingkatan 1 kerana sekarang ni vokasional masuk Tingkatan 4. Budak-budak ataupun pelajar-pelajar yang tak boleh ikuti akademik, dia tak akan boleh ikuti akademik. Membuang masa tiga tahun, Dato' Dipertua. Lebih baik mereka menjurus kepada pelajaran vokasional masuk daripada Tingkatan 1. Dan mana-mana cicir-cicir lagi tu kita ada institut-institut belia, institut latihan IKBN, ILP dan macam-macam. Dan ILP ni Dato' Dipertua, sebelum pelajar-pelajar, pelatih-pelatih ni keluar, semua dah dapat kerja kerana kilang-kilang pergi ke pusat-pusat ini dan mereka telah *recruit* mereka ni.

Jadi berbagai-bagai institusi yang dilakukan melalui Kementerian Belia Dan Sukan dan macam-macam lagi yang telah dilaku oleh kerajaan untuk pastikan supaya mereka yang tercicir dalam bidang akademik secara formal ini, mereka jugak dapat peluang yang sama supaya dapat meneruskan penghidupan mereka. Sama ada mereka nak berkursus vokasional, berkursus *vocay* yang lain-lain Dato' Dipertua, semuanya dibuat. Dan kalau yang perempuan pulak, Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga macam-macam kursus, macam-macam kemahiran ditawarkan untuk mereka-mereka ini. Jadi, saya harap supaya mereka berkenaan dapat maklumat-maklumat dan pergi cari maklumat supaya kegemaran dan kemahiran masing-masing dapat dipertingkatkan dengan mereka memasuki ataupun dengan mereka bersama-sama mengikuti kursus-kursus yang kita tawarkan. Terima kasih Dato' Dipertua.

Rahang, saya kata sama tadi. Ganti rugi kepada mangsa, kita tak bagi ganti rugi. Kita bagi cuma wang ehsan saja, ya. Tetapi itu pun kepada mereka yang berpindah. Mereka yang berpindah, kita ada wang ehsan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan jika ada keperluan yang nak dibantu, kerana mereka menghadapi masalah-masalah banjir ni, Yang Berhormat boleh tulis surat kepada pihak jabatan Setiausaha Kerajaan, kita, kita ada apa yang dipanggil sebagai Unit Penyelesaian Masalah Rakyat. Kita boleh bagi bantuan-bantuan yang seberapa yang boleh kita bantu. Tapi tidak ada, tidak timbul soal

ganti rugi ya. Kita tak ganti rugi. Kita cuma membantu meringankan beban-beban mereka sahaja.

Persimpangan MRR – Bukit Chedang – Kampung Baru Rasah. Ini dibuat di bawah *federal project*. Jadi kita pun mahu mereka supaya percepatkan. Nampak dia sekarang sudah buat di situ. Dan kita harap supaya persimpangan di Bukit Chedang dan Kampung Baru Rasah ini disegerakan ya, Dato' Dipertua.

Jalan Tok Ungku ni dia dulu tak tahu di mana silapnya Dato' Dipertua, salah anggaran. Anggarannya salah kerana terdapat kemudahan-kemudahan, apa ni, utiliti yang banyak di bawah jalan tersebut yang perlu dialihkan dan sekarang kita sedang meneliti sama ada nak mem, menambah bajet ataupun tidak untuk jalan tersebut, Dato' Dipertua.

Daripada Lobak, longkang tersumbat, saya setuju, kita ambil sama-samalah. P50

Y.B. ADUN Rahang: La, laporan tadi laporan JKM tu?

Y.A.B. ADUN Rantau: Laporan JKM?

Y.B. ADUN Rahang: Ya. Laporan Ketua Audit, *in the first one, you, and then*, tadi *you* nak, nak, nak jelaskan, *and then* bila Bahau tanya *you, you* pergi terus *second one*.

Y.A.B. ADUN Rantau: Laporan JKM yang ditegur oleh Audit Negera, seperti yang saya sebutkan tadi. JKM kita dah jadikan sebagai, sebagai jabatan untuk jadi *pilot project* kerana JKM terpaksa mengendalikan puluhan ribu permohonan. Beribu-ribu. Satu bulan kita kena bayar bagi bantuan-bantuan bulanan 27,000 orang. Dengan kekangan keadaan kekurangan pegawai, kekurangan kakitangan, kekurangan kelengkapan pejabat. Saya, saya, Dato' Dipertua, saya amat kagum, ni saya gunakan perkataan, saya amat kagumlah dengan jabatan-jabatan kerajaan ni khususnya di JKM dan jabatan-jabatan lain yang tak dapat saya sebut nama, mereka bekerja begitu rupa sekali walaupun beroperasi dalam keadaan yang amat-amat tertekan. Dengan keadaan pejabat, dengan kekurangan kakitangan dan lain-lain, tapi masih lagi dengan maki hamun daripada Yang Berhormat. Senawang selalu maki, hantam macam-macam. 'Tadak'? Ada? Maki hamun macam-macam kan. Pegawai kita tetap tersenyum, pegawai kita tetap, tak ada

masalah. Tetapi mereka jugak adalah manusia, ya. Bila kita beroperasi macam tu, kita mesti fikir, dia bukan mengendalikan lima permohonan daripada ADUN, daripada Yang Berhormat. Dia mengendalikan berpuluh ribu. Pejabat saja, saya saja menerima berpuluh ribu-ribu permohonan yang terpaksa saya bagi kepada JKM, kepada baitulmal dan kepada yang lain-lain.

Jadi, ini memang kita tahu. Audit menjalankan tugas dia. Dia akan menegur sesuatu yang tidak betul, sesuatu yang tidak mengikut peraturan. Tapi kadang-kadang, perkara begini berlaku disebabkan oleh bukan kerana kecuaiian disengajakan tetapi disebabkan oleh kekangan-kekangan. Dan terpaksa untuk mereka mempercepatkan proses, makanya sehingga proses yang patut mereka ikuti kadang-kadang terpaksa di, di, di, dipercepatkan dan ini menjadi teguran kepada Audit. Itu sebab saya katakan tadi Dato' Dipertua, JKM telah kita jadikan sebagai *pilot project* di Negeri Sembilan yang diambil anak angkat oleh MAMPU untuk kita mengkaji cara, untuk kita memperbaiki proses, untuk mereka mengkaji sistem apa yang lebih sesuai, yang baik untuk kita mengendalikan cara bekerja dan jugak permohonan yang begitu banyak daripada pihak JKM.

Y.B. ADUN Rahang: *Sorry*, apa

Y.B. ADUN Pilah: Minta maaf Dato' Dipertua

Y.B. ADUN Pilah: Saya nak mintak izin sikit Dato' Dipertua, mungkin Yang Berhormat perlu lihat juga seperti Yang Amat Berhormat DUN Rantau menyebut kekangan petugas kita, pekerja kita 64 orang, nak menda, mengendalikan 28,000 kes. Dan ini menunjukkan jugak satu pegawai kita jugak, nisbah dia menjaga ataupun menguruskan 893 orang. Dengan lapan pekerja kita, dia jugak me, menguruskan 7,000 lebih orang. Dan ini dilihat bahawa kekangan inilah mereka jugak menguruskan sehingga 28,000 lebih bantuan.

Dan kita kena faham, beberapa kelewatan tu jugak bukan disebabkan pihak jabatan tetapi ada juga kes-kes yang dilihat bahawa apabila siasatan dibuat, pemohon tidak beri kerjasama. Dan ini me, dan jugak tidak datang untuk temu duga, boleh melebihi lagi, lebih lewat lagi kes untuk disiasat. Dan kadang-kadang ada maklumat palsu dan jugak keraguan yang menjadikan kelewatan bertambah.

Dan apabila dulu kita punya garis pendapatan kemiskinan, [RM]450.00 ke bawah, apabila dinaikkan 720.00 ringgit ke bawah, ini bermakna lebih ramai lagi pemohon yang boleh mohon, dan lebih ramai boleh dapat bantuan. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Rahang: Apa yang saya nak, nak tanya tadi, jangan buat bayaran su, tunai, wang, dengan wang tunai. Buat bayaran secara akaun bank.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, buat bayaran tunai pun kadang-kadang masalah. Kalau buat akaun lagi susah Dato' Dipertua. Kita dah buat dulu akaun. Macam-macam masalah. Dan termasuk dalam berbagai-bagai isu perkara. Dan adalah lebih baik kita buat tunai, kita pastikan orang tu datang, lagi senang. Kalau masalah dia, orang tua tu datang awal, kalau nak bagi minum, makan dan minum, kita, kita tempat-tempat lain kita buat, inshaa allah. Tapi, bukak akaun ni lagi masalah, Dato' Dipertua. Lagi kelam kabut. Kita dah buat dulu. Kita dah tengok, dan kita Dato' ya.

Dato' Dipertua, daripada Repah, Dato' Dipertua. Bajet tadi, okaylah, nak tambah hasil, kita cuba tambah hasil. Tapi tambah hasil ni kadang-kadang, dalam kerajaan ni tambah hasil ialah nak tambah cukai nombor satu, nombor dua hasil-hasil yang lain. Hasil pasir, hasil lain kita buat.

Yang lain tu *capitation grant* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Chennah, kita dah pun bawak dah sebelum beliau cakap pun saya dah lama dah, tahun 2004 saya dah bawak, *capitation grant* ni dia ditolak, kalau mengikut daripada Mesyuarat Kewangan Negara kita, ditolak oleh, oleh mesyuarat kerana bantuan Kerajaan Pusat lebih banyak. Walaupun kita pungut [RM]1 bilion cukai, tetapi bantuan Kerajaan Pusat kepada kita berbilion-bilion, ya. Jadi kita, kita perlu ambil kira tu jugak. Bukan disebabkan oleh kita bayar cukai [RM]1 bilion, kita kena bagi [RM]300 - [RM]400 juta. Dan kita tidak mahu bermusuh dengan Kerajaan Pusat sehinggakan nanti pulak mana yang kita mintak, macam *rolling* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita dapat berbilion-bilion. Kita dapat [RM]7 - [RM]8 bilion pemberian daripada Kerajaan Pusat secara geran untuk buat projek-projek dan kemudahan orang ramai.

Projek, projek pertanian dan pelancongan ini tidak ada kena mengena dengan hasil kerajaan. Dia boleh menambah hasil orang ramai, tapi pertanian, kita cukailah, kita nak nambah hasil macam mana kalau orang bertani. Kalau dia jual buah-buahan, kita bukan dapat apa pun,

cuma dia berniaga saja. Pelancongan lagi teruk. Pelancongan kadang-kadang Kerajaan Negeri terpaksa mem, menyelenggara kita punya produk pelancongan, tapi hasil cukai dia, hasil yang lain semua dapat Kerajaan Persekutuan.

Jadi berbagai-bagai cara, kita sentiasa mencari jalan Dato' Dipertua, untuk mempertingkatkan hasil negeri kita. Kita dah tukar dah kita punya royalti kepada batu-batuan kita. Kuari kita, kita dah *among* yang paling tinggi, Dato' Dipertua, dalam, dalam Malaysia. Dulu, banyak kita punya kuari, kita punya *aggregate*, dengan izin, pasir dihantar ke Singapura. Sekarang ni kalau mereka nak hantar, tak apa, tapi kena bayar lima kali ganda, Dato' Dipertua. Jadi tak ada lagi dah eksport. Kalau dieksport keluar Negeri Sembilan pun, hantar ke Selangor ke, hantar ke Johor, hantar ke Melaka pun, dia punya royalti lain Dato' Dipertua.

Jadi kalau dilihat daripada hasil-hasil yang lain, hasil galian, kalau kita lihat tiga empat tahun Dato' Dipertua, nampak dia punya pola, *trend* pertambahan yang meningkat daripada hasil Kerajaan Negeri, Dato' Dipertua. Saya punya *i-pad* dah habis bateri.

Y.B. ADUN Lobak: Dato' Yang Dipertua, mintak izin untuk mencelah. Lobak masih belum jawab tentang isu Kampung Ulu Temiang. Apakah hasil perbincangan di antara Setiausaha Kerajaan Negeri dengan pemilik tanah?

Y.A.B. ADUN Rantau: Oh, Bukit Temiang, di Temiang.

Y.B. ADUN Lobak: Kampung Ulu Temiang. Nasib dia masih me, serupa dengan Kampung Hakka. Ada perbincangan di antara Setiausaha Negeri dengan pemilik tanah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak apalah, nanti, perbincangan akan diteruskan belum ada yang konkrit ya. Kerana kedua-dua pihak berkeras. Yang susahnyanya kedua-dua pihak berkeras. Yang tuan punya tanah berkeras. Orang yang di situ pun berkeras. Jadi, sama-sama keras tak boleh. Dia kena satu lembut, mesti satu keras, ya. Otak kotor.

Y.B. ADUN Temiang: Dato' boleh saya mencelah. Apa, apa yang saya fahamkan, telah berlaku beberapa perbincangan antara pihak Negeri

dengan tuan tanah dan hasilnya tidak diberitahu kepada penduduk-penduduk Kampung Ulu Temiang. Dan saya berasa kes ini telah dibawa ke mahkamah hujung tahun ni. So, penduduk pun rasa risaulah tentang keadaan mereka. So, saya harap mendapat keputusan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Itu sebabnya saya katakan, tidak ada yang konkrit dan masing-masing berkeras nak ambil ke mahkamah. Jadi, bila dah masuk ke mahkamah, kes ni dah bawak ke mahkamah, kes ni tak boleh sebut dalam Dewan ini ataupun di mana-mana kerana ia akan menjadikan sebagai barang kes ataupun sebutan kita menjadi subjudis kepada kes tersebut. Jadi, kita cuba, kerajaan cuba untuk jadi orang tengah. Tapi kes ini seperti macam Kampung Hakka kan, kita tak boleh buat apa-apa kerana dah dibawak ke mahkamah.

Audit Negara, pertanian, tadi saya sebutkan tadi. Tunggakan bayaran sewa. Tunggakan syarat tanah sahaja, pun saya dah sebutkan. Perbaik cara-cara pelaksanaan dasar. Memang kita buat, macam-macam. Sekarang ni kalau kita nak tukar, kita apa yang dipanggil sebagai urus niaga satu hari. Dulu kalau nak buat urus niaga untuk tukar tanah ke buat apa ke, berbulan-bulan. Sekarang ni satu hari saja. Satu hari. *You* pergi buat, ada *you* bayar, dah bayar stem, ada surat mahkamah ke apa ke, penilaian ada, satu hari boleh kita buat pendaftaran. Satu hari saja. Tapi ini kadang-kadang orang tak tahu ya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Termasuk *extraction*.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ya?

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Termasuk untuk *extraction* geran baru?

Y.A.B. ADUN Rantau: *Extraction plan* tak ada. Kelulusan kita bagi. Jadi bila dah ada kelulusan tu, geran baru tu dikeluarkan oleh PTG, ya, Pejabat Tanah tak keluar geran. Geran dikeluarkan oleh PTG bukan melalui Pejabat Tanah, ya. Satu hari saja. Dan Kebenaran Merancang dulu lima enam bulan, sekarang dah 37 hari saja. Jadi inilah merupakan cara-cara kita memperkemaskan, salah satu sebab mengapa kita menerima banyak pelaburan baru datang ke sini pun, disebabkan oleh kita punya dasar yang *friendly* kepada pelabur-pelabur Dato' Dipertua.

Pelancongan. Kita cuba Dato' Dipertua, tapi kadang-kadang nak kita nak katakan kita nak tiru orang lain tak ada apa. Tetapi dalam kita punya Rancangan Malaysia Kesepuluh 11 ni nanti, dan dalam rancangan kerajaan sekarang ni Dato' Dipertua, kita akan memastikan supaya Port Dickson akan diberi nafas baru. Kita tak perlu sebut di Dewan ini, tapi adalah rancangan yang baik, yang mana dia akan menjadi sebagai suatu rancangan yang boleh menjadi daya penarik kepada ramai orang yang akan datang melawat Negeri Sembilan dan jugak Port Dickson.

Hutang Kerajaan Negeri tinggi, [RM]860 lebih juta. Daripada mula-mula saya ambil alih dulu, [RM]2.3 ju, bilion. Sekarang dah kurang kurang, tinggal lagi [RM]800 lebih juta. Hujung tahun ataupun awal tahun 2011, 2014 Dato' Dipertua, bila dah selesai, sebab kita tak boleh nak, nak bagikan hak pindah milik tersebut kepada PAAB, Dato' Dipertua, kerana masih ada lagi projek paip yang belum siap, yang boleh menghubungkan ke paip untuk kita hantar air mentah ke Loji Ngoi-Ngoi. Itu sahaja akan ditolak daripada [RM]864 juta, ditolak [RM]668 juta, [RM]664 ya? [RM]664 juta. Jadi maknanya hutang Kerajaan Negeri akan bertambah sikit. Cuma yang tinggalnya hutang-hutang orang yang kita buat hutang kita buat tanah-tanah pinggir, hutang rumah-rumah kos awam rendah, dan beberapa hutang-hutang lain yang melibatkan masyarakat.

Jadi, alhamdulillah, Dato' Dipertua, hutang Kerajaan Negeri akan merupakan, Negeri Sembilan akan merupakan kerajaan yang paling sikit sekali berhutang pada, inshaa allah pertengahan tahun 2014. Dan kalau nak dibezakan, dibandingkan dengan rezab kita dengan hutang, dia akan menjadi sebagai 1:2, nisbah 1:2. Kita mempunyai rezab sekarang, setakat sekarang 483 juta ringgit dan kalau nak dibandingkan nanti, hutang kita menurun kepada [RM]200 lebih. Dia akan menjadi nisbah 1 per dua, kepada nisbah yang amat baiklah. Jadi ini satu pihak, pihak pembangkang mesti akui jugaklah atas cara kita mentadbir kewangan Negeri Sembilan, Dato' Dipertua ya.

Yang lain-lain tak ada apa-apa? Ada? P50 ni banyak kepada NGO-NGO, kita bagi kepada sekolah-sekolah, PIBG-PIBG dan yang lain-lain.

PD, hakisan pantai. Kita dah mintak dengan JPS. Kita mintak peruntukan supaya hakisan yang melanda PD ini, yang mana dekat dengan Pejabat Tanah di Port Dickson, kita mintak supaya diberikan peruntukan dan kita telah pun menghantar nota kepada Kementerian.

Akuarium bawah laut ni apa?

Y.B. ADUN Port Dickson: [sebahagian percakapan oleh Y.B. ADUN Port Dickson tidak dirakam berikutan alat pembesar suara beliau tidak diaktifkan] di Langkawi. Macam di Langkawi.

Y.A.B. ADUN Rantau: Langkawi dia akuarium atas.

Y.B. ADUN Port Dickson: Tak, kita pun boleh buat. Tepi laut ka ataupun dalam laut boleh, janji air laut.

Y.A.B. ADUN Rantau: Bercakap dengan *you* ni pening kepala. Dia bukan bawah laut, kita lalu dalam akuarium. Akuarium atas, kan, kita lalu situ. Bawah laut macam mana mau korek. Susahlah. Tapi ini yang nak buat pelancongan nanti akan ada akuarium yang besar.

Ceriakan lanskap. Setuju. JKR tuding jari. Tak setuju. *One stop centre* ni apa? Sudah ada pun *one stop centre*. Sudah 'bikin'

Y.B. ADUN Port Dickson: Memang ada, tapi tak ada fungsi.

Y.A.B. ADUN Rantau: Eh, *you* cakap betul-betul tau.

Y.B. ADUN Port Dickson: Ya memang betul.

Y.A.B. ADUN Rantau: Mana bukti.

Y.B. ADUN Port Dickson: Banyak benda saya ada.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ye ke? Tak apa

Y.B. ADUN Port Dickson: Saya boleh bawak bukti.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak apa, besok minum teh tarik.

Y.B. ADUN Port Dickson: Roti canai sekali.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ladang Seliau, rumah okay. Tapi dia punya pemilihan tu belum buat lagi kerana ia dibuat oleh Unit Perumahan ya. Ladang Tanah Merah, kita sedang mintak, dan akan dipertimbangkan. Tapi bukan tahun ini ataupun tahun depan. Tahun depan untuk buat di Kuala Sawah.

Projek perumahan bersekali dengan projek longkang. Saya setuju. Itu sebabnya dekat dengan Taman Bukit Emas, masalah dia begitu ya. Projek baru, besar longkang tapi dia masuk ke projek lama, longkang dia kecil, dan dia jadi banjir. Kita nak tengoklah macam mana, ya.

Bukit Kepayang, hasil dipertingkatkan. Kita cuba. Kita cuba sedaya upaya untuk mempertingkatkan hasil Kerajaan Negeri dalam bebara, kita cuba elakkan untuk membebankan rakyat. Ha, ini, ini dasar kita. Dasar kita nak memakmurkan negeri, mensejahterakan rakyat, itu moto kita. Walaupun kita terdesak untuk kita meningkatkan hasil, tetapi tidak pula kita mahu melihat rakyat terbeban. Jadi, macam-macam kita buat.

Macam SAINS sekarang ni kita tengah memikirkan cara mana untuk kita memulangkan semula dia punya royalti supaya SAINS sekarang terdesak kerana kita buat dia punya projek *paper* dulu tu berasaskan kepada peningkatan tarif air, tapi kita tak buat peningkatan tarif air. Jadi macam mana SAINS masih lagi boleh bernafas sebagai satu syarikat yang boleh beroperasi.

Begitu jugak dengan PBT-PBT. PBT mendesak untuk kita memper, meningkatkan dia punya cukai taksiran. Tapi kita telah, kita ni maknanya Kerajaan Negeri berpendapat bahawa tidak sesuai masanya untuk kita menjurus ke arah itu kerana rakyat sekarang ini, kita hidup dalam keadaan rejim harga barang yang tinggi. Jadi kita cuba untuk mempelbagaikan hasil Kerajaan Negeri, seperti kita, royalti batu, royalti pasir, bijih timah dan jugak sekarang ni di port, kawasan Daerah Port Dickson kita dah, dan jugak Daerah Tampin kita dah banyak beri permit untuk melonjong, melombong bijih besi. Bijih besi sekarang ni mahal, Dato' Dipertua, jadi kita bagi jugaklah kerana kita mempunyai deposit-deposit bijih besi yang ada di Negeri Sembilan ini supaya kita dapat menambah hasil Kerajaan Negeri. Selain daripada kita jugak akan menambah isi padu, apa yang dipanggil sebagai cukai, cukai untuk bahan-bahan hutan dan jugak kayu-kayan dalam Negeri Sembilan, inshaa allah.

Doket pasir lambat ini Pejabat Tanah mempunyai, kadang-kadang ada masalah dengan operator-operator dan jugak ada operator, kadang-kadang orang cakap, apa pasal orang tu beroperasi tidak ada, tidak ada permit. Ada jenis tanah Dato' Dipertua, di Negeri Sembilan ini, terutamanya di kawasan dekat dengan kawasan ADUN Lenggeng, dekat kawasan Pantai, di Lenggeng, tanah ini dipanggil sebagai tanah istimewa. Tanah istimewa ni kerajaan tak boleh cakap apa-apa. Dia buat apa saja, dia boleh gali, dia boleh galian, dia boleh apa semua, dia boleh jual, boleh apa. Dia boleh tak payah ikut permit sebab ini dipanggil sebagai tanah istimewa. Tak banyak di Negeri Sembilan. Tapi banyak di kawasan sana. Itu sebab kadang-kadang orang suruh kita buat operasi, suruh buat apa, sebenarnya tuan punya tanah telah pun memberikan konsesi kepada operator untuk mengeluarkan pasir ataupun apa saja, di atas tanah yang berstatus istimewa ni, Dato' Dipertua. Dia tak perlu pergi mintak Pejabat Tanah permit. Itu kadang-kadang orang kata, haa pegawai kerajaan rasuahlah, pegawai kerajaan itulah, inilah, menuding jari. Tapi kadang-kadang kita tak tahu status tanah tersebut. Jadi, jangan cepat menuding dan cepat menuding jari kerana ada status tanah yang berstatus demikian, yang kalau tuan punya tanah nak buat apa saja, nak keluarkan hasil nak apa saja, tak perlu punya permit. Jadi, jangan keliru. Cumanya kalau ada yang bawak pasir hari minggu, ha itu tak boleh. Malam tak boleh. Kita tak keluarkan permit mengalih untuk hari minggu dan hari malam. Kalau ada Yang Berhormat nampak, telefon bagitau supaya kita dapat jalankan kuatkuasaan.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Yang Amat Berhormat, kalau malam tu *start* pukul berapa, 7:00 malam?

Y.A.B. ADUN Rantau: Malam, gelap tak nampak muka, malamlah. Kalau YB Senawang, dia malam dia cepat.

Hutang PAAB. Ha ini dah jawab tadi kan. Hutang PAAB ni [RM]664 juta akan kita keluarkan. Kita akan *renovate* kita punya apa, ya.

P55, Kerja Raya, Jalan Sungai Ujong ni, kita ambil, ambil maklum. P54, Sungai Kepayang. Sungai Kepayang ni pun dulu kita buat penggalian pasir, tapi *complaint* banyak. Itu kadang-kadang susah. Macam saya jawab soalan YB Klawang itu hari. Sungai, sungai, sungai apa tu? Sungai Kenaboi. Dibuat permit pasir, tapi bergegar seluruh, seluruh Jelebu kerana isu-isu lain. Bukan sebabnya nak ambil pasir. Tapi kerana isu politik, macam-macam. Kita pulak bila kita bagi tu, kita punya syarat macam-macam. Dan kita bukan bagi saja-saja gali pasir

ni, terutamanya di sungai-sungai. Kita nak supaya mereka *repair* dia punya *barn*, *repair* dia punya tebing, macam-macam. Jadi, kita akan mintak supaya di kawasan Sungai Kepayang ni, takut nanti banjir di situ, kita akan cuba dalamkan. Dan kita, untuk kita bagi kepada orang, kita tak payah bayar untuk dia buat *barn*, untuk buat tebing, tapi dia boleh jual pasir dia. Jadi menjimatkan duit kerajaan jugaklah, Dato' Dipertua, ya.

Veterinar ni, burung walit, dah ada dah dia punya, di peringkat pusat. Tetapi berbalah-balah. Tidak satu sistem pun, tidak ada satu dasar yang, yang, yang dipersetujui kerana Melaka dan Pulau Pinang berbalah-balah. Jadi, di peringkat PBT, kalau macam di MPN dan MPS tu gunakanlah budi bicara, bangunan yang macam mana, dan tempat yang macam mana boleh dijadikan sebagai tempat memelihara burung walit. Adalah, adalah tidak wajar jika tempat orang ramai, kedai-kedai, tempat orang ramai dijadikan sebagai tempat ternakan burung walit, Dato' Dipertua.

ADUN Lenggeng, Dato' Sahak, elaun

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ya, saya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Ada, mohon mencelah. Tadi berkenaan dengan P55 JKR. Sebab saya nak mintak apa, keputusan daripada Yang Amat Berhormat berkenaan dengan, bulan lepas diberitakan bahawa ada satu susur apa, satu lorong baru akan dibina untuk masuk ke PLUS Highway.

Y.A.B. ADUN Rantau: Itu semua dah diluluskan.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Semua telah diluluskan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Telah diluluskan. Dan akan dibina bersekali dengan projek melebarkan jalan raya PLUS daripada utara ke selatan. Cumanya itu hari tergendala sekejap kerana kita tidak meluluskan dia punya, dia punya *alignment* tu sebab dia terlampau bengkok sangat. Dia akan membahaya kepada lalu lintas. Jadi kita terpaksa buat pengambilan sedikit. Tanah kepunyaan hak individu, syarikat. Kita

terpaksa potong supaya mengurangkan dia punya lencongan supaya boleh mengelakkan kemalangan, ya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Agak-agak bila boleh siap Dato' Seri?

Y.A.B. ADUN Rantau: Belum buat lagi.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Yelah, kalau ikut perancangan agak berapa

Y.A.B. ADUN Rantau: Tanyalah bila nak buat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Sebab *urgent* tu. Sebab

Y.A.B. ADUN Rantau: Kita dah luluskan. Sekarang ni bila nak masuk unsur pengambilan tanah, dia tak boleh diringkaskan. Pengambilan tanah kena ikut prosedur. Dia kena bagi tahu tuan punya tanah, kita kena gazetkan, lepas tu buat bantahan awam. Bila tak ada bantahan awam, kita gazetkan lagi sekali. Lepas tu baru kita buat. Ha ini, ini akan melambatkanlah. Tapi tak sampai setahunlah pengambilan tanah ni ya, okay.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Seri, *sorry, another one*. Satu lagi berkenaan dengan hasil yang kata, sebab tadi saya ada bangkitkan hasil tanah tu kurang [RM]2 juta. Tadi Yang Amat Berhormat pun dah, dah bagi jawapan. Berkenaan dengan, untuk apa, status tokong, sekolah Cina semua kan, terus bagi pengurangan yang bayaran

Y.A.B. ADUN Rantau: Kita sedang kaji, kita akan buat. Dan kita akan bagitaulah ya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Jadi maknanya untuk tahun 2014, dalam cukai tanah yang

Y.A.B. ADUN Rantau: Masih yang sama

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Masih sama. Masih perlu pohonlah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tapi kena pohon semulalah. Ini akan kita tolak secara automatik. Tapi bila cukai dapat cukai, cukai *original*. Berapa berapa kata [RM]2,000.00 akan tulis [RM]2,000.00. Tapi buat surat, borang dia ada, hantar surat kita dah, Pejabat Tanah akan uruskan, ya.

Elaun ADUN ni bukan kita tak nak naikkan. Seperti saya sebutkan tadi, kita akan kaji. Kita tak boleh sewenang-wenangnya, kita menggunakan duit rakyat. Dalam pada rakyat sekarang ni tertekan, kita pulak nak naik gaji, tak, dia tak, tak, orang kata tak, tak sedaplah kan. Kita suruh orang berjimat-jimat berbelanja, jangan minum, jangan makan gula banyak-banyak, tapi dalam masa yang sama kita naikkan gaji kita. Berkorbanlah, nak jadi Wakil Rakyat bukan senang. 'Aiya' boleh? [ditujukan kepada Y.B. ADUN Senawang].

Pembangunan sekitar perkuburan Tuan Haji Mohd. Said ini, ini, tanah ni cerita lama. Janganlah sampai marah-marah dengan jabatan, ketua jabatan pulak. Ini bukan salah dia orang. Ni dah lama ya. Dan *consensus*-nya membenarkan pembangunan tersebut. Jadi kalau kita nak ambil balik, nak bayar balik harga pasaran, dia akan menelan belanja yang amat besar. Jadi ini, ini tak, tak perlu.

Klinik 1Malaysia di Lenggeng, inshaa allah kalau ada nanti kita 'taruklah' kat Lenggeng, ya. Tapi dia ni, Klinik 1Malaysia ni, Dato' Dipertua, dia punya syarat satu ialah dia mesti ada pelbagai kaum. Kita tak boleh letak di satu tempat orang yang majoriti orang Melayu saja, tak boleh, ataupun dia orang Cina saja, ataupun orang India saja. Ha itu sebabnya Jabatan Kesihatan di bawah Kementerian, dia memilih Klinik 1Malaysia ni di tempat-tempat yang mana ada berbagai kaum. Itu sebabnya nama 1Malaysia. Jadi, apa, pelbagai kaum boleh datang untuk mendapatkan kemudahan rawatan kesihatan dengan baik di klinik tersebut. Datang tersebut kerana murah, 1.00 ringgit saja, bukan kerana *nurse* dia muda, ya. Bukan datang Klinik 1Malaysia nak mengurut *nurse*, tapi kerana 1.00 ringgit saja bayaran dia, ya.

Jalan-jalan di Lenggeng perlu dipertingkatkan. Kita buat Dato' Dipertua, bukan tak buat. Saya pergi melawat Sungai Jai. Banyak orang kata jalan tak elok To', mintak daripada jabatan, jabatan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah, dapat [RM]24 juta. Daripada Sungai Jai sampai ke Machang, mana, bachang ke apa tu. Tapi bila kita nak buat, bantahan oleh rakyat. Di Sungai Jai bantah, tak naklah katakan habis dapur dia, habis serambi dia. Mana pulak kita nak ambil dapur orang, serambi orang. Tapi budak-budak juru ukur ni kadang-

kadang pun, Dato' Dipertua, pun dia pun tah apa 'seper' dipakai 'eh'. 'Dipeta' 'eh' rumah orang. Dia ambil *bearing* dia tu, sampai tiang rumah orang, orang kampung bila dia tengok, *bearing* rumah dia kena ambil, dia kata serambi dah habis. Padahal kita tak ada ambil pun serambi rumah orang. Tak ada ambil dapur rumah orang. Tapi dia nak ambil *bearing* dia tu, dia masuk sampai ke dalam kawasan orang. Jadi, ini dihasut oleh rakan-rakan belah 'sanun', payahlah. [disambut dengan riuh rendah oleh ahli Yang Berhormat pembangkang].

Y.B. ADUN Chennah: Itu geng sendiri.

Y.A.B. ADUN Rantau: Sebelah situlah, apa dah, apasal tak mengaku. Itu yang PD tu nombor satu haru tu.

Y.B. ADUN Port Dickson: Tapi soal daripada Lenggeng. Itu Barisan Nasional.

Y.A.B. ADUN Rantau: Isu dia tak ada, tapi dimain-main, dimain-main, digoreng-goreng, digoreng-goreng. Sampai orang kampung pun *confuse*, dengan izin, dengan celaru Dato' Dipertua. Sudahnya dia tak mahu, di Sungai Jai tu dia tak mahu Dato' Dipertua, dia kata tak mahu. Sampaikan Pengarah JKR terangkan, sampai Wakil Rakyat yang dulu, sampai dikatakan macam-macam gelaran. Pengarah JKR kita dikatakan macam-macam, sampai berdiri atas meja. Begitu sekali. Jadi, nak buat macam mana, keputusannya saya katakan, kalau mereka tak mahu tak apa, sebab kita bawak projek membesarkan jalan, menaikkan taraf jalan ini, adalah berasaskan kepada permohonan. Orang kampung kata berpuluh tahun jalan ni tak diberi, tak, tak di apa. Ha, jadi tak buatlah. Jadi sekarang dibuat sampai ke bachang, ke apa ni, Sungai Machang. Ha, sekarang dah marah pulak balik, apa pasal tak 'buek' Sungai Jai. Macam mana nak 'kojo' macam ni, 'poninglah' 'kepalo'. Jadi, rakan-rakan sebelah sana, berhati-hatilah, jangan menghasut je. [Disambut riuh rendah oleh ahli Yang Berhormat pembangkang]. Bukan? Bukan sana?

Y.B. ADUN Chennah: Saya nak mencelah Dato', Yang Amat Berhormat, saya ahli Parlimen Seremban juga termasuk Sungai Jai tu. Saya tak pernah bantah kalau nak buat sana. Jangan, jangan tuding jari kepada kita

Y.A.B. ADUN Rantau: Okay.

Y.B. ADUN Chennah: mungkin ada geng sendiri.

Y.A.B. ADUN Rantau: Jadi, Dato' Dipertua, jadi jalan ni, jalan, begitulah cerita dia. Bukan kita tak nak buat. Bukan kita menganak tirikan mana-mana kawasan ya.

Bil air di balai raya. Saya pun tak tahu macam mana boleh jadi isu. Tempat lain ada isu ke balai raya? Tak ada. Apasal 'tompek' ni ada isu.

Y.B. ADUN Temiang: Mintak celah. Temiang Jaya ada. Balai raya Temiang Jaya bil air tak bayar bil, bil elektrik pun tak bayar.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak ada, sebab YB tak kerja.

Y.B. ADUN Temiang: Yang Amat Berhormat, JKKK-lah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Okay. Ini dakwaan keluar pasir tanpa permit. Ini, Dato' Dipertua, di kawasan Lenggeng memang begitu, ini *special rights* punya, punya tanah ni. Tanah istimewa. Dia memang tak perlu permit Dato' Dipertua, sebab sekarang ini pemantauan daripada pihak PTG dan jugak Pejabat Tanah, dan kita jugak mintak PDRM dan jugak JKKK yang lain-lain tu memantau siapa-siapa buat kerja-kerja tanah, sekarang ni mesti ada dia punya papan tanda, dia punya permit nombor mesti ditampalkan, macam-macam. Jadi, kalau tak ada itu, boleh kita tanya Pejabat Tanah. Jangan terus menuding jari kata penjawat awam rasuah, PTG rasuah, DO rasuah, macam, susah nak kerja macam itu. Jadi itu sajalah agaknya ya.

Lepas tu Seri Menanti, sokong dasar. Terima kasihlah Seri Menanti. Seorang kata kita punya bajet bagus, yang lain semua kata tak bagus. Ya. Yang lain-lain tak ada apa-apa. Saya jawab semua kan? Saya ucapkan banyak terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat, sentuh, teguran, kita, kita terima. Kebanyakan teguran tersebut boleh saya gulungkan Dato' Dipertua, ialah teguran untuk PBT-PBT. Saya jugak bincang dengan Dato' Setiausaha Kerajaan tadi, kita perlu perkukuhkan institusi PBT ini untuk kita lihat supaya masalah dan

kesejahteraan rakyat dapat kita selesaikan dengan segera. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang dan Usul ini telah ter, dibahas serta dijawab oleh pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan [semua Ahli Dewan Undangan Negeri Kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua dan Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 diluluskan.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini dipertimbangkan sefasal demi sefasal.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang setuju dengan Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbang sefasal semi sefasal sila angkat tangan [semua Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha Dewan: Fasal 1.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 2.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Jadual.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan semula kepada Dewan.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Dato' Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata "setuju", yang tidak bersetuju kata "tidak". Lebih suara bersetuju. Dewan bersidang semula.

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 telah ditimbang secara sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bali, bagi kali ketiga dan diluluskan.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan, sila angkat tangan [semua Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan: ENAKMEN PERBEKALAN (2014) 2013. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri".

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Penangguhan Mesyuarat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan Undangan ini ditangguhkan dengan ucapan berbilang terima kasih bagi pihak rakan-rakan ahli Yang Berhormat sekalian kepada Yang Berhormat Dato' Dipertua kerana telah pun berjaya mengendalikan Persidangan Dewan pada kali ini dengan jayanya. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pilah: Yang, Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu saya ada menerima empat permohonan daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini. Dan saya telah mendapat laluan daripada Yang Berhormat ADUN Palong atas pendarian diri, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih atas surat, sudah lewat Palong tak perlu berucap. Saya ucap terima kasih kepada ADUN Palong. Ada lagi nak tarik diri? Saya persilakan ADUN Bukit Kepayang. Mahu tarik diri?

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Tak mahu tarik diri.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tak mahu tarik diri. Saya bagi 10 minit.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Dipertua. Saya minta maaf dari Dato' Yang Dipertua, saya apa, tidak menyahut seruan dari Dato' Yang Dipertua untuk menarik diri. Dato' Yang Dipertua, saya akan membincangkan tajuk "Mutu Kehidupan, Khidmat Perbandaran Dan Kesejahteraan Bandar" untuk 10 minit yang diberikan oleh Dato' Yang Dipertua. Dan saya, saya rasa saya boleh habiskanlah dalam apa, 10 minit ini.

Dato' Yang Dipertua, saya nak ulangi permintaan saya berkenaan dengan memperkukuhkan PBT. Saya cukup berasa bangga tadi ketika penggulung, penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, beliau telah menyatakan bahawa kebanyakan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Dewan dari kedua-dua pihak banyak berkisar kepada Pihak Berkuasa Tempatan, PBT. Dan memang saya rasa kita semua boleh bersetuju tak kira, latar belakang politik kita, bahawa PBT memang memainkan peranan yang paling penting. Dan selama ni pun memang PBT tak kira di bandar, di luar bandar, di mana-mana statusnya, memang agensi yang paling penting yang memang ba, paling banyak melibatkan kehidupan harian kita. Jadi saya cukup berbesar hati dengan, dengan seruan ataupun komitmen dari Kerajaan Negeri dan saya rasa komitmen dari Kerajaan Negeri itu perlu diteruskan, dimaterialkan, bu, dengan amalan yang disusuli dengan perancangan yang rapi. Semoga apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tersebut dapat kita laksanakan bersama.

Jadi, perkara pertama yang saya, sekali lagi saya pohon kerjasama ataupun per, perhatian dari Yang Amat Berhormat khususnya, dan juga Kerajaan Negeri adalah berkenaan dengan hari pelanggan bulanan khususnya dari Majlis Perbandaran Seremban. Saya dah ulang beberapa kali, sejak beberapa, beberapa tahun yang lepas bahawa hari pelanggan ni, kalau kita adakan macam sekarang ni, di, memang diadakan. Walaupun kadang tu tidak diadakan. Tapi kebanyakan bulan diadakan. Diadakan pada hari Rabu yang pertama, sebelah petang, 2:00 petang hingga 5:00 petang. Hari yang bekerja. Jadi sambutan memang cukup-cukup menyedihkan. Yang terkini, minggu lepas, saya, saya sendiri hadir. Saya nampak kakitangan yang, yang kerja di situ lebih ramai dari pengadu. Dan saya, saya sebenarnya bersimpati dengan kakitangan yang hadir situ sebab mereka terpaksa duduk

sebab, tiga jam di situ, tapi duduk dalam keadaan yang boleh membosankan. Kalau kakitangan tersebut diberikan tanggungjawab untuk lakukan kerja lain, saya rasa kakitangan tu lebih selesa dan lebih produktif untuk kepentingan PBT dan juga untuk rakyat.

Jadi, saya mohon supaya kalau boleh Kerajaan Negeri supaya memberikan arahan ataupun pekeliling kepada semua PBT di Negeri Sembilan supaya adakan hari pelanggan bulanan pada hujung minggu. Saya tak mohon pada hari minggulah, kalau boleh hari Sabtu sebelah pagi dia. Dan kalau boleh, kalau macam di Seremban tu, janganlah diadakan di Dewan MPS, dewan besar ataupun dewan pameran tu saja. Kalau boleh diadakan di pasar besar, pasar Ampangan, pasar Seremban apa, pasar Rasah Jaya, di Giant, di Terminal 1, Terminal 2, di tempat yang merupakan kunjungan ataupun perhatian orang ramai. Dan saya rasa dengan cara sebegini hari pelanggan bulanan ini akan benar-benar menjadi satu *platform* yang dapat, yang akan mendapat ramai pengunjung dan seterusnya banyak masalah tempatan dapat diselesaikan.

Perkara kedua, Dato' Yang Dipertua, saya nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan satu *signboard*, berkenaan dengan pencawang telekomunikasi yang dipasang di atas bumbung di Taman Baiduri. Taman Baiduri tu ada lima kedai je, salah satu kedai atasnya, *signboard* tersebut, pagi tadi, sebab, daripada rumah saya nak ke Dewan, saya melalui tempat tu. *Signboard* tu, tarikh, apa, tarikh lupus dia, 31 Disember tahun 2012. Dah satu tahun, saya dah banyak kali melalui apa, sistem pengaduan kepada pihak MPS. Tapi *signboard* tu masih ada di sana. Maksudnya apa yang kita buat selama 12 bulan ni? Saya tak kata PBT tak buat kerja, tapi cuma mungkin ada apa yang terlepas pandang. Dan saya mohon supaya tindakan segera diambil terhadap pencawang telekomunikasi ni sebab pencawang ni jaraknya daripada rumah kediaman yang paling dekat, kurang daripada lima meter. Cuma belakang kedai tu, ada satu lorong belakang, lepas tu apa, rumah kediaman. Kurang daripada lima meter. Dan saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri pernah mengatakan bahawa dasar kita di Negeri Sembilan, 50 meter, sekurang-kurangnya. Dan saya, saya katakan saya sokong saranan daripada Yang Amat Berhormat tersebut. Dan saya mohon semua PBT supaya tegas dalam melaksanakan pekeliling ataupun arahan daripada Kerajaan Negeri ini.

Perkara ketiga yang saya nak kemukakan adalah berkenaan dengan pengeluaran sijil kelayakan menduduki ataupun CF. Pernah ada satu restoran besar di Garden Homes Seremban 2, yang mula operasi tanpa CF. Ya, pernah saya, saya kemukakan dalam Dewan ini melalui soalan bertulis dua tahun yang lepas. Sekarang ni ada beberapa bangunan

yang besar khasnya di kawasan DUN Bukit Kepayang yang saya harap supaya tak mahu berulang. Bila dah beroperasi tak ada CF. Yang pertama berkenaan satu restoran besar yang kini hampir siap pembinaannya di Taman Bukit Labu. Yang kedua, Palm Mall, yang saya dimaklumkan ia akan dibuka pada awal tahun hadapan, tetapi jawapan yang saya dapat daripada Dewan, mengatakan bahawa akhir bulan, akhir tahun depan baru dia beroperasi. Saya tak tahu yang mana satu. Sebab yang, maklumat yang saya dapat tu, dia kata awal tahun depan, sekitar Tahun Baru Cina. Jadi, saya mohon dua bangunan ni, supaya bila dah beroperasi tu, pastikan ada CF sebelum dia beroperasi. Sebab ini kawasan yang kunjungan ramai. Apa, saya tak mahu apa-apa terjadi. Tak guna kita menuding jari kata siapa salah, siapa tanggungjawab. Kita elakkan benda-benda ni daripada berlaku. Ni perkara ketiga.

Yang keempat, Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan Palm Mall tu jugak, di Kemayan Square tu, kompleks ni besar. Saya dah tengok dia punya ni, apa, dia punya contoh dia, contoh bangunan tu, bila siap nanti, ia akan menjadi satu lagi mercu tanda ataupun *landmark* kepada kawasan Seremban, kawasan membeli-belah. Memang ia membawa kemudahan kepada penduduk dan boleh menarik pengunjung. Sebab dia dengan tol, dekat dengan lebuh raya utara-selatan. Tetapi saya mohon Kerajaan Negeri ataupun agensi yang berkaitan supaya dapat mem, apa, memerhatikan lagi sekali lalu lintas di kawasan tersebut. Sebab Jalan Sungai Ujung tu memang dah sibuk dah. Walaupun saya terima jawapan daripada, jawapan apa, jawap, jawapan bertulis yang mengatakan bahawa perancangan projek ini telah mengambil kira keperluan kenderaan keluar masuk. Tapi, sebab saya sendiri setiap hari lalu, melalui kawasan tersebut, dan untuk sesiapa yang melalui kawasan tersebut saya rasa kita boleh jangkakan keadaan, apa, kesesakan lalu lintas di situ akan menjadi bertambah teruk apabila kompleks besar ini beroperasi. Jadi saya mohon perhatian daripada semua pihak supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Perkara kelima, Dato' Yang Dipertua, dalam jawapan lis, bertulis yang saya terima, berkenaan dengan Terminal 1, yang sekarang ni di bawah penyelenggaraan oleh MPS sendiri. Semenjak MPS mengambil alih kerja-kerja menye, menyelenggara daripada kontraktor beberapa tahun yang lepas, saya nampak kutipannya, saya tak kata untung besar, tapi kutipannya memuaskan berbanding dengan perbelanjaan. Jadi saya memohon, saya memohon kepada pihak MPS, atas arahan Kerajaan Negeri supaya memberikan perhatian terhadap kemudahan awam di situ. Antara perkara yang saya rasa kita perlu berikan perhatian adalah benda yang paling asas, tandas awam. Sebab orang masuk Seremban, nak pergi daerah lain banyak melalui kawasan tu.

Dan, biasa orang kata apa tau, kalau kita tengok orang tu macam mana, tuan punya rumah tu macam mana, kita kalau tengok rumah dia, kalau kita pergi apa, masuk bilik air dia kita tahu. Jadi *Terminal 1* ni dia apa, tandas awamnya memang dalam keadaan yang kurang memuaskan. Jadi saya memohon perhatian daripada pihak yang berkenaan. Begitu jugak dengan lif dan, lif dia. Sebab saya rasa lif, pembersihan dan sebagainya, benda-benda asas ni akan memberikan satu imej yang baik untuk Bandar Seremban dan juga MPS sebagai pihak yang menguruskan penyelenggaraan kompleks ini.

Satu lagi perkara, Dato' Yang Dipertua, dalam saya, walaupun bebe, beberapa perkara berkenaan dengan MPS ni, saya memberikan kritikan, tetapi saya juga ambil peluang pada petang ni, merakamkan ucapan terima kasih kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Sejak PPSPPA ini ditubuhkan pada beberapa tahun yang lepas, saya nampak, sudah ada kemajuan dengan cara kerja yang proaktif, cara kerja yang saya rasa ia patut diteladani oleh semua kakitangan di awam, di pihak awam ataupun pihak swasta. Dan saya rasa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Seminit lagi Dato' Yang Dipertua. Dan sekiranya keadaan ini ha, cara kerja ini boleh diteladani, ia akan membawa satu cara yang baik. Jadi, Dato' Yang Dipertua, pada lewat petang ni, saya tak mahu panjang lebar walaupun ada dua isu lagi, sebab Dato' Yang Dipertua pun dah, dah tegur saya. Dato' Yang Dipertua, saya, jadi di peringkat akhir ni, saya nak tegur sikit, Yang Berhormat dari Seri Menanti tadi, beliau menuding jari mengatakan bahawa ada beberapa orang Wakil Rakyat daripada pihak, khususnya Pakatan Rakyat yang kurang fasih berbahasa Melayu. Saya nak jelaskan di sini, saya sebagai, ni, Chennah sebagai Ketua Pembangkang, dan saya sebagai ketua *whip* untui, untuk DAP, okay, yang dilantik oleh pimpinan tertinggi parti, saya sendiri puas hati dengan prestasi semua Wakil Rakyat yang ada di sebelah sini, termasuk Wakil Rakyat – Wakil Rakyat baru. Jadi saya rasa tak timbul isu bahawa fasih tak ba, fasih Bahasa Melayu. Jadi saya nak mintak Seri Menanti, janganlah bangga sangat.

Tadi saya dengar dia pun sebut jugak, yang fasal *first class* punya apa, kelas pertama ijazah. Sebenarnya, saya tak tahu dia ada ke tak adalah, tapi kebetulan dia tak ada. Tapi untuk makluman Dewan yang mulia ni, saya rugi, saya dapat Ijazah Kelas Pertama pada tahun 2003, pada

tahun Yang Amat Berhormat jadi Menteri Besar. Kalau saya, saya dapat Ijazah Kelas Pertama tu, tahun 2004, saya pun boleh layak untuk dapat daripada apa, skim khas daripada Kerajaan Negeri.

Saya sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kepada semua ketua-ketua jabatan, semua kakitangan awam yang telah melaksanakan tugas dengan baik. Dan semoga pada penghujung tahun ni, kita sama-sama mengimbas kembali apa yang kita telah lakukan selama ini, supaya pada tahun lepas, pada 2014 kita sama-sama merancang, yang terbaik untuk negeri kita, Negeri Sembilan dan juga untuk semua rakyat Negeri Sembilan. Dan sekali lagi, untuk semua rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat, saya ingin menyampaikan salam, selamat tahun baru, tahun 2014 kepada semua rakyat Negeri Sembilan khususnya kepada Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kakitangan di Unit Dewan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: dan juga semua kakitangan kerajaan di Negeri Sembilan. Terima kasih. Dah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Saya jugak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Johol kerana beri laluan, kerana waktu dah lewat. Yang Berhormat kena sedar bahawa waktu amat sudah terlewat. Saya jugak sekarang persilakan pihak kerajaan jika ingin menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, terima kasih kepada rakan kita YB Chai daripada Kepayang kerana sama-sama bersetuju supaya kita dapat mempertingkatkan jentera pentadbiran kita yang mana betul, betullah, mana tak betul, tak betul. Kita perlu melihat supaya jentera pentadbiran ini diurus dengan terbaik yang mungkin. Dan memang menjadi hasrat Kerajaan Negeri Sembilan untuk melihat supaya jentera pentadbiran yang hari-hari bercampur gaul dengan rakyat ini perlu dimantapkan. Kita beransur-ansur ke arah itu. Dan itu sebabnya kita sedang merangka sistem ICT yang baik, merangka tentang pelan transformasi kita dengan baik.

Dan seperti yang saya sebutkan tadi, memang banyak dalam Dewan ini dan jugak di mana-mana saja, masalah sekarang ini adalah merupakan masalah berkenaan dengan isu-isu PBT. Kita yakin bahawa kita akan

dapat pastikan supaya PBT-PBT akan dapat mempertingkatkan lagi tahap ke, keberkesanan mereka. Tapi tidak bermakna pulak satu isu timbul bermakna kita tidak buat kerja. Tidak bermakna pulak satu orang sakit, maknanya hospital dia tak ada. Orang sakit sentiasa, orang akan ada sakit, doktor akan bertugas Dato' Dipertua. Jururawat sentiasa ada, pakar-pakar sentiasa ada. Satu orang elok, besok pagi ataupun petangnya akan timbul lagi satu orang sakit. Jadi, kesediaan kita untuk menerima pesakit baru itu penting. Bukan bermakna kita dah rawat satu orang tu dah sakit, dia dah baik, kita boleh bersenang lenang. Inilah merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan difahami oleh jentera kita yang berurusan dengan, dengan orang ramai ataupun dengan pihak awam.

Ekspektasi pulak tinggi, kerana orang ramai mahu melihat supaya kecemerlangan penjawat awam dan jugak agensi-agensi kerajaan lain melakukan tugas itu sentiasa berada di tahap yang tinggi. Jadi, kita perlu melihat suatu, di mana satu titik ataupun satu garisan di mana ia boleh dilakukan. Kadang-kadang ekspektasi terlampau tinggi sehingga tidak membolehkan kita mencapai apa yang nak dihasrat pun tak guna jugak. Kerana seperti yang saya sebut tadi, kekangan-kekangan banyak. Kekangan penjawat awam ini banyak, bukannya sedikit. Kadang-kadang dengan keadaan yang ada sekarang, dengan laporan audit yang begitu keras, sehinggakan membantutkan usaha, usaha kreativiti dan inovasi penjawat itu sendiri. Penjawat awam dah takut nak jalankan kerja. Dulu dia boleh tolong tanpa, ringkas-ringkas, tapi sekarang dia katakan *we have to follow the rules*, dengan izin, kena, kena ikut. Tapi apabila kita ikut buku, kalau ikut peraturan, dia akan melambatkan dan akan membawa kepada kerenah birokrasi yang tidak disukai oleh orang ramai.

Jadi, isunya di mana kita boleh berjumpa di atas satu garisan persamaan. Apakah kita boleh berkorban dengan cara begini ataupun kita terkorban disebabkan nak menolong orang. Ini, ini perlu difikirkan. Apa yang patut dibuat sekarang ialah supaya kita memperlengkapkan jentera, sistem ICT kita mesti canggih dan yang lain-lain, supaya kita di Seremban, di Negeri Sembilan ini, kita boleh jadi e-komuniti. Jadi tidak timbul soal nanti, orang kata itu, dia boleh tengok, dia punya *complaint*, dia punya apa semua tengok. Dia punya masalah dia masukkan dalam komputer, dia akan nampak setakat mana, tahap mana dah diambil tindakan. Kalau tak ambil tindakan, dia boleh buat *online*, dia boleh buat pengaduan, dia boleh terus berurusan dengan pejabat-pejabat yang begitu, dengan begitu baik sekali. Dengan sistem ICT yang bakal kita wujudkan, Dato' Dipertua. Jadi, ini isu dia. Seperti yang saya kata tadi.

Kita tak bermakna pulak dibangkitkan lima orang punya masalah untuk kita menimbangkan kelulusan menerima bantuan JKM, sehingga kita menidakkan bahawa 27,000 telah pun kita luluskan, ya. Kita, apakah kita nak menidakkan kecekapan pegawai awam kita, terutamanya di JKM, yang telah pun ber, mengendalikan 27,000 kes yang telah pun berjaya dan tiap-tiap bulan dibantu, kita marah, *we are harping on a very small issue*, dengan izin, kerana lima orang punya kes, itu ye kita sebut. Ha, ini kadang-kadang Dato' Dipertua pun kita kena praktikal. Perlu ke, apa kan, perlu kita supaya pastikan kita berasaskan kepada kita mesti berpijak kepada bumi yang nyata. Terima kasihlah apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Chai tadi, bagus

Y.B. ADUN Port Dickson: Chia.

Y.A.B. ADUN Rantau: Chia, bagus, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat daripada Seri Menanti pun bagus jugaklah ya. Kerana perlu, kita perlu berbahas dalam bahasa yang boleh difahami oleh orang ramai. Bukan bahasa yang kita sendiri saja faham. Yang Berhormat Dato' Pengerusi, terima kasih banyak, assalamualaikum w.b.t.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Waalaikumsalam w.b.t. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ting, mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media massa dan urusetia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini. Dengan ini Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditentukan kelak.

[Dewan ditangguhkan pada jam 6.41 petang]